

Bil. 2

Isnin  
18 April 2016



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPAH OLEH SEORANG AHLI BARU</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>		
- Mengalu-alukan Pelantikan dan Kedatangan Ahli Baru	(Halaman	1)
- Mengalu-alukan Pemilihan Timbalan Tuan Yang di-Pertua	(Halaman	3)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman	3)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	4)
<b>USUL-USUL:</b>		
- Pemilihan Timbalan Tuan Yang di-Pertua	(Halaman	2)
- Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	(Halaman	16)
- Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong		
- YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman	(Halaman	17)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman	5)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b>		
<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	5)
<b>LAMPIRAN</b>		
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman	6)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Doris Sophia Brodie.
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad
4. " Datuk Abdullah bin Mat Yassim
5. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman
6. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
11. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
12. " Puan Hajah Azizah binti Haji Harun
13. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan
14. " Dato' Boon Som A/L Inong
15. " Dato' Chai Kim Sen
16. " Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah (Selangor)
17. " Datin Paduka Chew Mei Fun – Senator  
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
18. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
19. " Datuk Chin Su Phin
20. " Tuan Chong Sin Woon – Senator (Negeri Sembilan)  
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
21. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
22. " Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
23. " Dato' Goonasakaren A/L Raman
24. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
25. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
26. " Dato' Dr. Hou Kok Chung
27. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman
29. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh
30. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
31. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. " Dato' Khairudin bin Samad

34. Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han (Melaka)
35. " Dato' Lee Chee Leong – Senator (Perak)  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – Senator  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit
40. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin
41. " Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
42. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
43. " Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – Senator  
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai
48. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin
49. " Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat
51. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim
52. " Datuk Paul Low Seng Kuan – Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad
54. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
56. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee
57. " Puan Shahnim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
59. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
61. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
62. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong
63. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
64. " Datuk Yoo Wei How
65. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
66. " Datuk Zali bin Mat Yasin

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**  
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan

Azharil bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Noraizah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh

Yoogeswari A/P Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijannah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabitul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhilah binti Ibharim

Hizamihatin Maggiha bin Juarah



**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 18 April 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH OLEH SEORANG AHLI BARU**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Isa bin Ab Hamid

*[Upacara Angkat Sumpah tamat]*

**PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DAN KEDATANGAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Tuan Isa bin Ab. Hamid yang baru saja mengangkat sumpah sebentar tadi *[Tepuk]* Saya ingin mengambil kesempatan ini atas pelantikan Yang Berhormat dan sebagai Ahli Dewan Negara ataupun Senator Malaysia, Yang Berhormat didapati tergolong daripada kumpulan yang akan mewakili Orang-orang Asli di seluruh Malaysia dan juga Yang Berhormat sedia maklum, sebelum ini wakil Orang Asli ialah Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

Saya harap Yang Berhormat akan terus dapat mewakili masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia dan di samping itu juga Yang Berhormat sebagai salah seorang pembuat undang-undang di negara ini mestilah tentukan keterampilan Yang Berhormat, ilmu Yang Berhormat perlu dipertingkatkan dan bukan juga mewakili hanya untuk Orang Asli, malahan seluruh rakyat dan negara Malaysia.

Yang Berhormat, saya percaya sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mestilah mempertingkatkan ilmu dan keterampilan Yang Berhormat dan juga saya selalu memperingatkan semua Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara, tentukan Yang Berhormat dapat memperkasakan dan memartabatkan Dewan yang mulia ini. Yang penting sekali menghormati Dewan dan juga mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis dan juga jangan lari apa yang baru saja dilafazkan setiap Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini supaya yang pertama sekali setia pada Malaysia.

Kedua, melindungi, memelihara Perlembagaan Negara Malaysia. Kalau sekiranya dua perkara ini semua Ahli Yang Berhormat dapat mematuhi dengan bersungguh, saya percaya kita akan mendapat manfaatkan Dewan yang mulia ini dengan lebih baik lagi. Yang Berhormat, sekarang ini saya dapat keadaan begitu mencabar. Bagi saya yang penting sekali ialah tentukan peraturan dan undang-undang dan menghormati undang-undang sistem di Malaysia ini. Setiap seseorang itu mestilah patuh dan jangan sekali-kali melanggar undang-undang yang mana Yang Berhormat sendiri bertanggungjawab membuat undang-undang tersebut.

Oleh yang demikian, saya mendoakan supaya Yang Berhormat semua akan dapat meneruskan tanggungjawab sebagai Ahli Senator di Dewan yang mulia ini sehingga di masa-masa yang akan datang. Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua dan sukacita akan selesailah sudah Majlis kita pada hari ini.

■1010

### USUL

#### **PEMILIHAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56(1), Perlembagaan Persekutuan, dan peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(1), Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini akan menjalankan urusan memilih seorang Timbalan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Timbalan Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri mengemukakan cadangan Usul memilih Timbalan Yang di-Pertua. Dipersilakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Usul yang mencadangkan

“Bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad dipilih menjadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan mengikut Peraturan Mesyuarat 5(2) saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa amat sukacitanya saya menyokong Usul tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Timbalan Tuan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 5(2), saya dengan ini mengesyorkan bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara [Tepuk]

*[Timbalan Yang di-Pertua memakai jubah rasmi]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mengangkat Sumpah Setia]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di dalam Dewan ini, dipersilakan [*Tepuk*]

*[Upacara Angkat Sumpah Tamat]*

#### **MENGALU-ALUKAN PEMILIHAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya berharap Ahli Yang Berhormat sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga Allah SWT dan Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan baik dan cemerlang.

#### **TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa Majlis ini iaitu pada 7 Mac 2016, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja di dalam Majlis Parlimen ini.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan adalah seperti di Lampiran]*

#### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen ini dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 2016;
2. Akta Kewangan 2015;
3. Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015;
4. Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (Pindaan) 2015;
5. Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015;
6. Akta Kebajikan Haiwan 2015;
7. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2016;

8. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2016;
9. Akta Profesional Kesihatan Bersekutu 2016; dan
10. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2016.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

"7 April 2016

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR.2/2016 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016;
2. DR.36/2015 – Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015;
3. DR.30/2015 – Rang Undang-undang Syarikat 2015;
4. DR.29/2015 – Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015;
5. DR.34/2015 – Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)(Pindaan) 2015;
6. DR.37/2015 – Rang Undang-undang Profesional Undang-undang (Pindaan) 2015;
7. DR.39/2015 – Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015; dan
8. DR.3/2016 – Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2015-2016.

Yang Ikhlas,

t.t

**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"**

**■1020**

### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Perdana Menteri menyatakan, unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016 dan prospeks Pemulihan Ekonomi Global yang menentukan kelestarian Pembangunan Ekonomi Malaysia pada 2017.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, ekonomi Malaysia dianggarkan akan berkembang pada kadar 4 peratus hingga 4.5 peratus dengan mengambil kira faktor landskap ekonomi dan kewangan yang lebih mencabar.

Pada tahun ini, permintaan dalam negeri diunjurkan berkembang pada 4.3 peratus dan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Sementara itu, sektor luaran dijangka akan terus menyumbang kepada pertumbuhan melalui kepelbagaian eksport sejarah dengan peningkatan permintaan luar negeri yang sederhana.

Eksport dijangka akan meningkat sebanyak 3.2 peratus pada tahun ini berbanding 0.7 peratus pada tahun lepas. Manakala import dijangka terus berkembang pada kadar 3.4 peratus. Secara keseluruhannya,imbangan perdagangan dijangka akan masih mencatat lebih positif pada tahun 2016.

Selain itu, Ringgit juga mula mengukuh pada tahun ini dan telah mencapai tahap tertinggi pada 14 April 2016 iaitu 3.8650 berbanding USD atau peningkatan sebanyak 11 peratus sejak akhir tahun 2015, sekali gus menjadikan Ringgit sebagai mata wang yang menunjukkan prestasi terbaik di Asia [*Tepuk*]

Unjuran perkembangan ekonomi Malaysia tahun 2016 ini telah mengambil kira faktor pemulihan ekonomi global yang dijangka masih perlahan. Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang terbuka juga terkesan daripada ketidaktentuan ekonomi global, kelembapan ekonomi dunia terutama China, penyederhanaan harga komoditi dunia berikutan lebihan penawaran dan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan akan menjadi faktor yang menyumbang kepada kelembapan ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2017 diunjurkan berkembang lebih baik selaras dengan pemulihan ekonomi global berdasarkan laporan *World Economic Outlook* oleh Tabung Kewangan Antarabangsa. Pada bulan April 2016, ekonomi dunia dianggarkan berkembang pada kadar yang lebih tinggi sedikit pada 3.5 peratus pada tahun 2017.

Perdagangan dunia pula dianggarkan akan lebih rancak pada tahun hadapan dengan peningkatan sebanyak 3.8 peratus, berbanding dengan 3.1 peratus pada tahun ini. Oleh demikian, Malaysia dijangka akan menerima manfaat daripada perkembangan ekonomi dunia berkenaan. Harga komoditi terutamanya minyak mentah juga diunjurkan meningkatkan dengan purata harga minyak Brent, WTI dan Dubai Fateh dijangka melebihi USD40 setong pada penghujung tahun 2017.

Secara tidak langsung, pemulihan ini dijangka akan memberi kesan positif pada pergerakan mata wang Ringgit memandangkan pergerakan Ringgit mengikut trend harga minyak mentah dunia. Demikian juga, hasil kerajaan daripada sumber minyak dijangka bertambah dan seterusnya akan memperkuuhkan kedudukan fiskal kerajaan.

Daripada segi pelaburan pula, sentimen pelabur pada tahun 2017 dijangka lebih positif berdasarkan prospek ekonomi negara yang akan berkembang selari dengan pertumbuhan ekonomi dunia. Pelaburan awam juga dijangka bertambah baik berikutan langkah kerajaan untuk menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang mempunyai e-nilai berganda yang tinggi.

Oleh demikian, berdasarkan landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dijangka lebih memberangsangkan pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur menjadi lebih kukuh. Keupayaan Malaysia untuk menghadapi kejutan luar juga akan terus diperkuuh dengan tersedianya penampang yang mencukupi, rangka kerja dasar yang teguh, kebolehsuaian ekonomi dan ruang dasar yang mencukupi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Amat Berhormat- pertama sekali, kerana sudi datang sendiri menjawab pada hari ini [*Tepuk*]

**Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas kehadiran Yang Amat Berhormat di Dewan yang mulia ini dan ini sangat bermakna bagi kami Ahli-ahli Dewan pagi ini.

Kedua juga, terima kasih di atas satu jawapan yang jelas dan padat dan diharap segala yang diunjurkan dapat kita capai pada 2017 dan tahniah kepada pencapaian di *first quarter-quarter* pertama 2016. Tahniah kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia. Soalan tambahan saya ialah, apakah sumbangan sektor swasta kepada pembangunan negara secara khususnya?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta telah pun ditentukan sebagai pamacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara atau pun dalam bahasa Inggeris, *the engines of growth*. Oleh itu, kita akan terus memberi galakan, insentif kepada sektor swasta untuk meningkatkan pelaburan mereka.

Di samping itu, kerajaan ingin menegaskan bahawa salah satu daripada penumpuan yang perlu diberikan oleh sektor swasta ialah untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi. Yakni mereka mesti berusaha supaya pengeluaran syarikat mereka itu boleh ditingkatkan melalui peningkatan produktiviti dan inovasi, tidak terlalu bergantung kepada tenaga manusia yang rendah dari sekitar ini, ataupun *cheap foreign labor*, dengan izin, tetapi memberi tumpuan kepada peningkatan teknologi proses perniagaan atau *business process* dan juga melabur dalam aspek inovasi. Inilah yang perlu dilakukan oleh sektor swasta supaya daya saing kita, *competitive edge* kita akan dapat kita perkukuhkan lagi.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya semua Ahli Dewan Negara amat berterima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Dewan Negara hari ini.

#### ■1030

Soalan tambahan saya ialah, seperti yang kita tahu, negara kita amat bergantung kepada hasil minyak dan gas dalam pembangunan ekonomi negara. Apakah tindakan kerajaan dalam masa jangka panjang untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi negara terhadap hasil minyak dan gas? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, langkah kepelbaaan sumber hasil negara telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Sebagai perbandingan, pada awal tahun 2009, hasil negara kita daripada punca minyak dan gas melebihi 40 peratus. Kini dalam sekitar 21 peratus lebih kurang. Bererti bahawa langkah kepelbaaan telah pun menunjukkan hasil.

Selain daripada itu, kita terpaksa melebarkan lagi *tax base* kita kerana hanya 10 peratus sahaja daripada mereka yang bekerja membayar cukai. Maknanya daripada 13 juta lebih kurang orang bekerja, hanya 1.3 juta sahaja yang membayar cukai. Jadi dengan *tax base* kita yang terlalu sempit ini, *too narrow*, dengan izin, kita tidak dapat untuk menampung keperluan kita untuk membiayai kos perbelanjaan operasi dan pembangunan negara.

Sebab itulah kerajaan perlu melaksanakan GST kerana GST merupakan sumber yang dapat memperkuatkan hasil negara dan bila hasil negara lebih kukuh, kita dapat menentukan bahawa perbelanjaan untuk pengurusan dan untuk pembangunan dapat dikekalkan pada paras yang agak baik.

Di samping itu, kita dapat tentukan *rating agencies*. Tidak meletakkan *rating* yang lebih negatif kepada kita. Kalau *rating* kita bertambah negatif, bererti bahawa kadar pinjaman sektor swasta pun akan bertambah lagi. Jadi banyak faedah yang boleh diperoleh bila kita memperkuatkan hasil negara. Cuma ada pihak yang mengeksplotasikan ini sebagai isu politik sahaja tetapi GST merupakan satu langkah yang 160 buah negara lain di dunia telah pun melaksanakannya. Tentu sekali 160 buah negara tidak melakukan kesilapan melalui langkah tersebut.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada unjuran yang dibuat oleh *International Monetary Fund* (IMF) tentang unjuran pertumbuhan ekonomi global yang dikatakan agak lesu iaitu dianggarkan pertumbuhan bagi tahun 2015 - 3.1 peratus, pertumbuhan bagi tahun 2016 - 3.4 peratus dan bagi tahun 2017 dianggarkan 3.6 peratus. Ini adalah anggaran pertumbuhan ekonomi global yang dibuat oleh IMF. Jadi jika dibandingkan dengan angka-angka yang disebut tadi, pertumbuhan ekonomi di Malaysia, ia lebih tinggi berbanding apa yang dibuat oleh IMF. Faktor yang membawa kepada perkara ini kejatuhan harga minyak dan harga komoditi.

Persoalan saya di sini, bagaimana kerajaan memastikan apabila faktor kepada perkara ini kejatuhan harga minyak dan komoditi, macam mana kerajaan memastikan agar pekerja-pekerja yang terlibat dengan sektor minyak dan gas dan juga sektor komoditi ini tidak terjejas ataupun kebijakan mereka terjaga walaupun sektor ini, pertumbuhannya agak lesu. Ini kerana jika kita lihat, dianggarkan satu daripada tiga orang pekerja di sektor minyak dan gas terjejas dengan hilang pekerjaan. Jadi macam mana kerajaan memastikan kebijakan pekerja terjaga dan dalam masa yang sama memastikan industri ini terus kukuh dan mantap. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada mana-mana kerajaan di dunia yang boleh menjamin apabila sektor itu mengucup daripada segi permintaannya, semua pekerja boleh terlindung. Kita lihat bahawa di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat dan juga multinasional seperti BP, Shell, ExxonMobil dan sebagainya telah pun mengurangkan bilangan pekerja mereka. Apa yang kita mesti sedar bahawa sektor minyak dan gas ini permintaannya di luar daripada kawalan kita. *External factors* yang tidak boleh kita kawal.

Oleh itu kita cuma boleh menggalakkan sektor swasta, syarikat-syarikat berkenaan supaya memberi pertimbangan yang seadil mungkin kepada pekerja mereka. Misalnya kalau terpaksa dikurangkan bilangan pekerja, memberi pampasan ataupun *voluntary separation* yang adil kepada mereka supaya mereka boleh cari pekerjaan yang lain.

Di samping itu, kita kena tengok sektor-sektor lain yang boleh kita tentukan rangsangan kepada sektor mereka. Sektor tertentu seperti pelancongan umpamanya. Dalam jangka pendek, sektor pelancongan mungkin boleh kita memberi kepada penegasan supaya sektor ini dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

**2. Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, beberapa contoh manfaat yang paling dapat dirasai rakyat biasa secara terus menerus semenjak Malaysia menandatangani TPPA.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sehati sejiva. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mulakan dengan mengucapkan setinggi tahniah secara rasmi kepada sahabat kita, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tahniah kita ucapkan secara rasmi [*Tepuk*]

Soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Hou adalah berkaitan dengan apakah rakyat biasa dapat faedah daripada TPP ini. Jadi sebelum saya jawab, saya hendak bagi sedikit latar belakang. Pertamanya, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi semangat dan ruangan kepada saya menyertai rombongan ke upacara tandatangan TPPA di Auckland, New Zealand pada 4 Februari yang lalu mewakili Dewan Negara. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, saya hendak ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah meluluskan usul. Sehari suntuk kita bahaskan pada hari Khamis, 28 Januari dan kalaupun tidak silap saya sebulat suaralah kita bersetuju untuk membolehkan saya ke Auckland dan tandatangan TPPA. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, TPPA dijangka berkuat kuasa dua tahun. Kira-kira dua tahun selepas ditandatangani. Bermakna, suku pertama tahun 2018. Itu jangkaan kita dan tindakan-tindakan sedang diambil oleh kementerian dan pihak-pihak berkenaan dalam negara kita termasuklah Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama beberapa kementerian dan agensi berkenaan untuk meminda undang-undang dan peraturan yang diperlukan supaya kita dapat memenuhi obligasi kita di bawah TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyertai Perjanjian Perdagangan Bebas ini kerana secara umumnya perdagangan ini ada sekatan dan halangan. Ada sekatan tarif, bukan tarif, ada berkaitan dengan piawaian ataupun standard. Jadi tujuan FTA ataupun Perjanjian Perdagangan Bebas ini adalah untuk kita mengurang ataupun menghapuskan halangan dan sekatan tersebut.

Kedua, kita hendak dapatkan akses kepada pasaran yang lebih luas kerana negara kita ini kecil- 30 juta orang penduduk. Umpamanya TPP ini penduduknya lebih 800 juta. ASEAN lebih 600 juta. Jadi kalaupun kita menjual barang kita, berniaga dalam negara kita, maka pasaran terhad kepada negara kita, jumlah penduduknya kecil. Jadi itu antara perkara-perkara yang mendorong kita untuk menyertai Perjanjian Perdagangan Bebas.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru pulang dari Turki untuk menghadiri Sidang Kemuncak OIC dan dalam ucapan Yang Amat Berhormat di sana dan juga di Malaysia, Yang Berhormat ada merujuk kepada bagaimana Malaysia mendapat faedah yang besar daripada penyertaan kita ataupun daripada FTA yang kita tandatangan dengan Turki yang berkuat kuasa 1 Ogos yang lalu.

#### ■1040

Umpamanya pada dua bulan pertama tahun ini, perdagangan kita dengan Turki meningkat lebih dua kali ganda dalam dua bulan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini faedah daripada penyertaan kita dalam FTA dengan Turki. Umpamanya, perdagangan meningkat daripada RM573 juta dua bulan tahun lepas, tahun ini Januari hingga Februari meningkat dua kali ganda kepada RM1.21 bilion, dua kali ganda bertambah perdagangan. Itu antara sebab kenapa kita menyertai FTA, Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Jadi soalan hari ini ialah bagaimana rakyat biasa boleh merasai faedah daripada TPP. Pertama ialah peluang pekerjaan. Pada hari ini umpamanya, syarikat-syarikat Amerika Syarikat dan Jepun yang melabur dalam negara kita, kita jangka apabila TPP berkuat kuasa, syarikat-syarikat ini dijangka akan menambah pelaburan mereka yang sudah ada di Malaysia dan ada juga syarikat-syarikat baru.

Mengikut kajian yang telah dibuat oleh *Pricewaterhousecoopers*, seperti yang saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan pada 28 Januari yang lalu, mengikut PwC, pelaburan dijangka meningkat antara USD130 bilion hingga USD200 bilion untuk tempoh 10 tahun. Katakan pelaburan meningkat USD100 bilion untuk tempoh 10 tahun, ini bermakna USD10 bilion setahun. Jadi apabila pelaburan telah meningkat, ini akan memberi kesan kepada penduduk negara kita.

Pada masa ini, syarikat-syarikat Amerika yang beroperasi di Malaysia mempunyai kira-kira 200,000 orang pekerja, manakala syarikat Jepun pula seramai 300,000 orang pekerja.

Kita jangka apabila terlaksana TPP, Malaysia akan lebih menarik lagi sebagai destinasi pelaburan, maka kesan pertama yang kita harap dapat dirasai oleh rakyat ialah peningkatan dalam pelaburan daripada negara-negara TPP. Jadi kalau hari ini syarikat Amerika mempunyai 200,000 orang pekerja, Jepun 300,000 orang pekerja, faedah yang dapat diperolehi oleh rakyat Malaysia adalah dalam bentuk peningkatan atau pertambahan dalam pekerjaan. Itu yang pertama.

Keduanya ialah akses pasaran yang lebih besar. Seperti saya sebutkan tadi bahawa pasaran kita 30 juta, TPP 800 juta. Kita menjangkakan bahawa akses pasaran keempat pasaran baru yang belum kita ada FTA iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico akan bertambah. Ini bermakna bahawa keluaran kita bertambah, eksport kita bertambah dan ini juga akan memberi kesan yang baik kepada peluang pekerjaan dan perniagaan.

Satu lagi ialah SME atau PKS yang merupakan *backbone* atau tulang belakang kepada negara kita. Ada 645,000 PKS dalam negara kita. Pada masa ini, cuma 17 peratus sahaja eksport negara disumbangkan oleh PKS. Kita harap dengan TPP, maka sumbangan eksport daripada PKS akan bertambah kepada 23 hingga 25 peratus. Ini juga akan memberi kesan baik kepada peluang perniagaan dan juga kepada peluang pekerjaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pelaburan di luar negara. Hujung tahun lepas sebanyak RM588 bilion, angka yang besar, pelaburan Malaysia di luar negara. Dengan akses pasaran lebih baik, iklim pelaburan yang lebih baik, kita menjangkakan syarikat-syarikat Malaysia akan lebih terdorong untuk melabur di luar negara. Jika syarikat ini milik swasta, maka dividen bertambah, dapat pendapatan lebih. Kalau syarikat ini milik kerajaan atau berkaitan kerajaan, maka ia akan menyebabkan dividen juga bertambah, memberi faedah kepada seluruh rakyat Malaysia.

Itulah Tuan Yang di-Pertua secara ringkas beberapa faedah secara langsung seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung berikutnya penyertaan Malaysia dalam TPPA. Terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi.

Manfaat kepada rakyat biasa boleh dalam bentuk pertambahan peluang pekerjaan, peningkatan dalam pesanan untuk bahan dan barang binaan dan sebagainya. Maka, apakah pula langkah atau usaha yang telah dan sedang dirancang oleh kerajaan mulai sekarang khusus untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing dan juga tempatan termasuk pengilang-pengilang barang berdasarkan eksport supaya mengkaji semula pelan perniagaan masing-masing dan memulakan perkembangan kilang atau meningkatkan kapasiti pengeluaran secara beransur-ansur dari sekarang *in anticipation*, dengan izin, TPPA akan mendapat ratifikasi Kerajaan Amerika Syarikat?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta ini dia tidak perlulah kita memberi terlalu banyak dorongan kerana mereka dapat menghidu, dengan izin, syarikat ini mereka *can smell the opportunities*. Jadi sebenarnya syarikat-syarikat sudah pun bersiap sedia, sudah pun melihat kepada pelan perniagaan selari dengan peluang yang ada.

Dua minggu lepas umpamanya, satu rombongan daripada Amerika Syarikat daripada *US-ASEAN Business Council* berkunjung ke Malaysia bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mereka begitu, bukan ghairah tetapi begitu tertarik dengan peluang-peluang yang ada dan mereka sudah pun bersiap sedia untuk mengambil peluang daripada TPP.

Begitu juga syarikat-syarikat dari Jepun. Bukan sahaja syarikat-syarikat daripada negara TPP, tapi ada laporan yang menyatakan syarikat-syarikat negara luar TPP pun sedang menimbang untuk menjadikan Malaysia lokasi perniagaan mereka. Syarikat-syarikat daripada China umpamanya, melihat Malaysia sebagai sebuah tapak perniagaan yang baik berikutnya penyertaan kita dalam TPP. Jadi itu maknanya syarikat-syarikat sudah pun mula untuk mengubah pelan perniagaan ataupun model *business* perniagaan mereka dan bagi pihak kerajaan, kita akan terus menggalakkan pelaburan.

Semalam dan juga hari Sabtu yang lalu, saya berada di Johor berjumpa dengan beberapa buah syarikat. Umpamanya Johor Corporation, semalam di depan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan saya, telah membeli tanah di Tanjung Langsat untuk memulakan perniagaan ataupun mengembangkan perniagaan dan pelaburan daripada syarikat-syarikat asing ini. Ada syarikat daripada Amerika, ada syarikat Singapura, Indonesia yang jumlah pelaburan mereka ialah RM1.8 bilion. Itu semalam di Johor Bahru. Kita yakin bahawa dengan pelaksanaan TPP, maka iklim pelaburan akan bertambah baik dan ini akan membawa kepada peningkatan pelaburan.

Selain itu, syarikat-syarikat Malaysia juga, bukan sahaja syarikat-syarikat asing masuk ke Malaysia, syarikat-syarikat Malaysia juga yang sedang beroperasi dalam negara sedang mengintai peluang-peluang termasuklah dalam negara TPP. Kita yakin peluang-peluang syarikat Malaysia di negara-negara seperti Kanada, Mexico. Kalau di Mexico, dalam bidang automotif komponen umpamanya. Kalau di Kanada, dalam bidang petroleum. Ini merupakan peluang-peluang baru yang terbuka bagi syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk bermula di luar negara.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimakah peluang kepada syarikat-syarikat SME kita di Malaysia untuk mengembangkan operasi mereka terutama dalam barang halal? Sebab, Malaysia memang sudah dikenali di seluruh dunia tentang pengiktirafan sijil halal. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, peluang ini ada dua secara umumnya. Pertama ialah pelaburan dan yang kedua ialah perdagangan. Jadi, boleh berdagang lebih, melabur lebih di luar negara dan syarikat asing juga mempunyai peluang yang lebih di Malaysia.

Halal ini satu agenda yang penting. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Majlis Halal dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mendorong kemajuan industri halal yang lebih tersusun dan lebih fokus. Di bawahnya ialah MITI dan juga JAKIM dan beberapa kementerian yang lain bersama-sama dengan pihak-pihak termasuklah wakil-wakil kerajaan negeri. Jadi, ini agenda penting.

Dalam TPP ini kita lihat potensi Jepun paling besar dan minat dari negara Jepun begitu tinggi. Beberapa rombongan dari Jepun sudah pun datang ke Malaysia. Kami pun ke Jepun untuk menggalakkan industri halal pelaburan di Malaysia dan juga untuk meluaskan pasaran kita di Jepun.

Jepun sekarang ini sedang bersedia untuk Olimpik tahun 2020. Tahun ini Olimpik di Brazil. Jadi tahun 2020 di Jepun, mereka sudah pun bersiap sedia untuk menyediakan makanan halal bagi atlet Muslim dan pegawai Muslim dan Jepun juga sedang mempromosikan *halal tourism*. Ini agenda baru Jepun dan kita melihat pasaran Jepun mempunyai peluang yang luas bagi syarikat-syarikat halal Malaysia.

#### ■1050

Begitu jugalah di Amerika dan negara-negara lain termasuklah Kanada. Bilangan penduduk Muslim bertambah dan ini juga membuka ruang kepada syarikat-syarikat PKS Malaysia. *Insha Allah*, kita akan promosikan pasaran-pasaran ini bagi syarikat-syarikat halal dari Malaysia. Terima kasih.

3. **Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, kenapa negara kita terutamanya negeri-negeri utara sekarang mempunyai suhu yang tinggi. Adakah kenaikan suhu ini dijangka berlaku setiap tahun.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, El Nino merupakan fenomena cuaca berskala besar yang berlaku di tengah dan di timur Lautan Pasifik. Kitaran fenomena ini kebiasaannya berlaku dalam tempoh setiap dua hingga tujuh tahun, dan dijangka memberi kesan kepada perubahan cuaca di kebanyakan negara di dunia terutamanya di negara-negara di sekitar Lautan Pasifik sehingga ke rantau Asia Tenggara dan Australia.

Di Malaysia, fenomena El Nino yang kuat lazimnya memberi kesan peningkatan suhu di antara *0.5 degrees Celsius* hingga *2 degrees Celsius* dan berlaku antara bulan Januari hingga April. Peningkatan suhu yang paling ketara akan berlaku di negeri-negeri utara dan di pantai timur Semenanjung, Sabah serta juga di Sarawak.

Memandangkan kedudukan negeri-negeri utara Semenanjung adalah terletak paling hampir dengan kawasan yang disebut, “*Subtropical ridge*”, iaitu kawasan sistem tekanan tinggi yang biasanya berlaku dipanggil *subsidence*. Keadaan ini menghalang pembentukan awan yang mengakibatkan kawasan di utara Semenanjung lebih panas dan kering. Kedua-dua faktor ini menyebabkan kawasan utara Semenanjung mengalami keadaan panas dan kering sehingga melebihi julat suhu normal iaitu di antara 28 sampai *35 degrees Celsius* iaitu dalam di antara 32 hingga *40 degrees Celsius*. Julatnya telah pun bertambah besar.

Namun begitu, peningkatan suhu luar biasa ini dijangka tidak akan berlaku setiap tahun seperti mana disoalkan oleh Yang Berhormat tadi. Berdasarkan pada rekod, fenomena El Nino kuat pernah berlaku pada tahun 1982 hingga 1983, tahun 1997 sampai 1998 dan antara tahun 2015 hingga 2016. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Menteri memberi jawapan. Soalan saya seperti jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa negeri-negeri yang suhunya begitu panas di negeri utara. Saya hendak tahu, dalam keadaan apakah Kementerian akan melakukan *cloud seeding* untuk membantu membawa hujan dan apakah kos untuk membuat satu operasi *cloud seeding* ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih kepada soalan itu. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, *cloud seeding* ini kita boleh buat apabila keadaan ada awan. Bila keadaan agak kering, kita bergantung pada faktor awan. Awan yang selalunya menjadikan hujan itu dipanggil *towering cumulus*. Awan yang nampak macam *tower* lepas itu dia ada itu... [Membuat isyarat tangan] Itu sahaja yang diperlukan. Kalau ada awan itu, kita boleh membuat *cloud seeding* anytime kerana kita boleh mempunyai peruntukan yang mencukupi yang telah dibekalkan oleh kerajaan.

Soalan yang kedua tadi, kos. Kosnya bergantung pada kapal terbang yang kita gunakan. Kalau di sebelah utara, kita pakai kapal terbang kecil Cessna yang mana kosnya RM20,000 ke RM30,000 satu kali penerbangan. Akan tetapi kalau kita menggunakan kapal terbang besar daripada TUDM, yang besar itu, selalunya kita *concentrate* di sebelah Labuan dan juga di sebelah selatan, berpangkalan di Subang, perbelanjaannya RM80,000 setiap satu penerbangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhami bin Abdullah.

**Dato' Mohd. Suhami bin Abdullah:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Setiap kali bencana-bencana sebegini seperti El Nino, haze, banjir, kita dapati sekolah ditutup. Apabila sekolah ditutup, berlaku kepada anak saya sendiri, bimbang kerana peperiksaan yang akan datang tidak cukup masa untuk mereka belajar dan sebagainya. Adakah kementerian mempunyai kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini kepada pelajar-pelajar di masa akan datang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sebenarnya, kalau hendak jawab itu di luar bidang kuasa kementerian saya sendiri. Akan tetapi Yang Berhormat walau bagaimanapun, saya menerangkan kita mempunyai kerjasama ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bertanya, kerjasama dengan kementerian, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, memang kita mempunyai kerjasama yang baik. Kita melaporkan setiap ini kepada MKN dan dalam itu ada jawatankuasanya dan kita mendapat Kementerian Pendidikan juga ada jawatankuasanya. Kita akan memberitahu tentang cuaca dan keadaan begini dan begini dan terpulanglah kepada Kementerian Pendidikan supaya menutup sekolah atau tidak dan mereka sepatutnya mengaturkan sesuatu untuk menggantikan balik yang ditutup. Akan tetapi, kerjasama antara kementerian ini memang sangat baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana ada wakil Kementerian Pendidikan, bolehkah salah seorang menjawab tentang itu, kalau untuk menjelaskan sikit? Yang Berhormat, faham kah tadi?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Saya boleh menjawab soalan itu Tuan Yang di-Pertua sekiranya diulang balik. Saya tidak begitu fokus tentang soalan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Tidak apalah. Agaknya bila sampai masa dia akan jawab.

4. **Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kejayaan Program Kluster Tenusu, sama ada terdapat rancangan untuk menambahkan bilangan syarikat yang menyertai skim ini dan langkah-langkah lain yang akan diambil untuk meningkatkan pengeluaran susu cair tempatan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah bertanyakan tentang susu, pengeluaran susu. Susu yang dikeluarkan di dalam negara kita ini memang tidak cukup. Permintaannya 70 juta liter setahun yang mana pengeluarannya cuma 56 juta setahun. Jadi dengan sebab itu, kita perlu meningkatkan pengeluaran susu ini dengan program kluster ladang tenusu ataupun kelompok ladang tenusu. Kita mulakan sejak tahun 2011.

Yang Berhormat bertanyakan kejayaan kluster tenusu ini. Sukacitanya, saya melaporkan bahawa sejak itu pengeluaran susu telah meningkat menjadi 19 juta liter pada tahun 2015 meningkat daripada 10 juta liter pada tahun 2012. Penternak-penternak yang menyertai kelompok ini juga telah dapat ditingkatkan pendapatan mereka dengan hasil keluaran yang lebih dan juga harga yang lebih baik kepada produk yang dikeluarkan berbanding sebelum ini Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) membeli RM 1.85 sen ke RM2.00 seliter tetapi syarikat peneraju atau *anchor company* yang menaungi penternak-penternak ini dapat memberikan harga yang lebih baik sebanyak RM2.50 ke RM3.20 seliter. Dengan itu, pendapatan penternak-penternak telah bertambah daripada sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Dewan, kekurangan bekalan susu cecair dalam negara kita ini ditampung dengan pembaucuan semula susu tepung yang diimport seperti daripada New Zealand dan Australia dan nilai import yang direkodkan ialah RM3 bilion setahun.

#### ■1100

Ini jumlah yang besar dan dengan sebab itu kerajaan akan meneruskan program kluster tenusu ini agar pengimportan kita akan dapat dikurangkan, pengeluaran dalam negara ditambah, keluaran mata wang asing akan dapat diselamatkan dan penternak akan mendapat meningkatkan pendapatan mereka dari semasa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan tadi. Kalau kita tengok jawapan tadi kita masih menghadapi kekurangan hampir lebih kurang 15 juta liter, ini susu cair ya. Soalan saya dua, kalau kita tengok program kluster tenusu, kalau tidak salah daripada segi penyertaan hanya tiga buah syarikat. Soalan saya kedua, soalan satu sama ada bilangan syarikat yang menyertai program ini akan ditambah dari tiga ke lebih sedikit itu satu supaya dapat menampung keperluan, yang kedua, apa rancangan kementerian untuk menggalakkan penyertaan belia dalam industri penternakan sebagai jangka masa panjang dalam industri untuk susu cair ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kita ingin meneruskan program meningkatkan pengeluaran susu dalam negara dan syarikat-syarikat yang ingin menjadi *anchor company* ataupun sebagai peneraju kepada kluster tenusu ini memang masih ada lagi ruang untuk menyertainya dan kita ada banyak sokongan dan bantuan yang kita berikan kepada pengusaha seperti kita beri geran bantuan secara *in kind*, begitu juga *reinvestment* pelaburan mereka dan juga mesin-mesin serta prasarana yang lain yang boleh kita bantu kepada syarikat *anchor company* ini, dan kita tidak mengehadkan kepada hanya tiga buah syarikat sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Akan tetapi, syarikat-syarikat ini perlulah mematuhi syarat-syarat yang kita kenakan bagi memastikan bahawa syarikat ini benar-benar menjadi peneraju kepada penternak-penternak yang menyertai program itu seperti punyai modal yang dibenar sebanyak RM5 juta, modal berbayar RM2.5 juta, berpengalaman dalam bidang penternakan, atau perkilangan sekurang-kurangnya tiga tahun dan ada beberapa lagi syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Selain daripada itu, kita juga menggalakkan penternak-penternak yang terdiri daripada pihak luar daripada kluster boleh membuat cadangan permohonan kepada pihak Jabatan Veterinar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya persilakan pertanyaan yang ke-5, Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua soalan saya yang ke-5, dan saya ambil kesempatan hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Haji Halim yang telah dilantik sebagai Timbalan Speaker dan juga Yang Berhormat Tuan Isa sebagai Ahli Dewan Negara yang baru. Soalan yang ke-5. Terima kasih.

5. **Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah kementerian menyediakan satu panduan atau *guidelines* bagi bayaran jurulatih sukan khususnya jurulatih warganegara Malaysia dan juga luar negara. Ini kerana beza bayaran yang diperoleh oleh jurulatih warganegara Malaysia tidak setimpal dengan jurulatih luar negara.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara MSN telah pun melaksanakan Skim Pinjaman Jurulatih Kebangsaan ataupun dikenali sebagai SPJK. Bagi menentukan tangga gaji dan elauan jurulatih tempatan yang kompetitif dan menarik di semua peringkat khususnya bagi jurulatih di peringkat kebangsaan berdasarkan tahap skim pensijilan kejurulatihan kebangsaan dan skim perlesenan kejurulatihan kebangsaan. Pelaksanaan skim gaji baru ini telah bermula pada tahun 2014 bagi menambah baik garis panduan lama yang dilaksanakan sejak mula diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan pada tahun 2006.

Manakala bagi jurulatih luar negara, pelantikan dan penentuan kadar gaji adalah berdasarkan beberapa panduan seperti berikut.

Pertama, penentuan gaji berdasarkan *market value* jurulatih tersebut yang dipengaruhi oleh negara asal jurulatih tersebut.

Kedua, kadar gaji jurulatih luar negara juga adalah bergantung kepada proses sebelum dan semasa jurulatih tersebut.

Ketiga, jurulatih yang di cadangkan oleh Badan sukan Antarabangsa sesuatu sukan berserta gaji dan syarat-syarat lain.

Keempat, pihak persatuan sukan kebangsaan perlu mencadangkan calon-calon jurulatih dalam negara ini melalui Jawatankuasa Kerja (JKK) yang ditubuhkan bersama pihak Majlis Sukan Negara untuk setiap jenis sukan untuk dibincangkan dan di persetujui.

Justeru, kementerian tidak menafikan perbezaan gaji di antara jurulatih tempatan dan jurulatih luar negara berdasarkan skim dan panduan yang tertentu. Namun demikian jurulatih tempatan juga memperoleh gaji dan elaun yang kompetitif dan menarik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan soalan tambahan daripada Tan sri Haji Ali Rustam

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berinformasi, saya hendak tanya, berapa orang jurulatih dari luar negara yang berkhidmat di Malaysia sekarang dan juga berapa puluh jurulatih yang dari dalam negara, dan ada tak jurulatih Malaysia yang berkhidmat pula di luar negara. Kalau ada angkanya berapa ramai? Terima kasih.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, seramai 72 orang jurulatih luar negara yang kini berkhidmat dalam 20 jenis sukan melalui Program Latihan Pelbagai Peringkat yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara bersama Persatuan Sukan Kebangsaan. Seramai 35 orang jurulatih bagi program senior; 13 orang jurulatih bagi program pelapis kebangsaan; dan 5 orang jurulatih bagi program pelapis serantau; dan 19 orang jurulatih bagi program pelapis negeri. Daripada jumlah tersebut, jumlah jurulatih mengikut negara adalah seperti berikut.

Dari Negara China - 25 orang; Uzbekistan - 9 orang; Nigeria - 6 orang; Australia - 3 orang; Indonesia - 3 orang; Rusia - 3 orang; Ukraine - 3 orang; England - 2 orang; Georgia - 2 orang; Jepun - 2 orang; Perancis - 2 orang; dan masing-masing seorang dari Negara Amerika Syarikat, Filipina, Finland, Canada, Kenya, Korea Selatan, Mesir, New Zealand, Latvia, Slovakia, Switzerland dan Thailand. Majlis Sukan Negara juga telah melantik seramai 197 orang jurulatih tempatan melalui program latihan di peringkat senior 59 orang; pelapis kebangsaan 46 orang; pelapis serantau 15 orang; pelapis negeri 50 orang; dan program Paralimpik 27 orang.

Pada masa yang sama, saya tidak mempunyai maklumat terkini mengenai jurulatih-jurulatih tempatan yang berkhidmat di luar negara. Saya difahamkan lebih kurang 219 orang. Saya pastikan kementerian sampaikan jawapan yang bertulis kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan soalan tambahan seterusnya Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mempunyai pelan tindakan tertentu yang komprehensif dalam pelbagai bidang sukan dalam memastikan kita mempunyai jurulatih yang benar-benar dapat meningkatkan sukan di negara ini terutamanya sukan yang sinonim dalam Malaysia dan kita sering juara di peringkat antarabangsa suatu ketika dahulu seperti sukan badminton, hoki, boling dan lain-lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengadakan pelbagai rancangan dan strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan kita lahirkan atlet-atlet bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, apabila ada sesuatu kegagalan kita tidak boleh menyalahkan jurulatih atau mana-mana pihak tertentu. Semua pihak termasuk persatuan, jurulatih, pemain semua harus walaupun Kementerian Belia dan Sukan ada pelbagai rancangan kompetitif untuk memastikan, melahirkan atlet antarabangsa, tetapi yang penting semua pihak terlibat daripada pemain sampai persatuan harus memainkan peranan yang penting. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan pertanyaan yang nombor 6, Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan

■1110

6. **Puan Bathmavathi Krishnan** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, persiapan yang telah dilakukan untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] termasuk mengenakan denda bagi ketidakpatuhan seksyen-seksyen tertentu Akta tersebut.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam usaha memastikan golongan orang kurang upaya mendapat kesaksamaan hak dan peluang serta inklusif dalam masyarakat. Bagi memastikan hak dan kepentingan mereka terus terpelihara, kerajaan telah menetapkan mekanisme yang menyeluruh daripada segi dasar dan perundangan di peringkat nasional mahupun antarabangsa termasuk penggubalan Akta OKU 2008 iaitu Akta 685 yang mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008.

Akta ini mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pelindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU. Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya bertujuan untuk memastikan golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang seperti anggota masyarakat yang lain. Justeru dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Secara amnya Akta OKU 2008 digubal dengan mengambil kira keperluan-keperluan yang termaktub di bawah konvensyen mengenai hak OKU.

Akta OKU 2008 merupakan sebuah akta yang berasaskan hak iaitu *rights based law*, dengan izin, dan tidak berbentuk *punitive*. Sehubungan itu sekiranya berlaku sebarang pelanggaran hak yang mendiskriminasikan golongan OKU seperti dalam aspek pendidikan, kesihatan, pekerjaan, *accessibility* dan sebagainya perkara tersebut akan ditangani di bawah perundangan lain yang sedang berkuat kuasa di negara ini. Sebagai contoh, ketidakpatuhan terhadap penyediaan kemudahan akses kepada bangunan dan penalti terhadap kesalahan salah letak kenderaan dinyatakan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan melalui pemakaian undang-undang kecil bangunan seragam di setiap negeri.

Penganiayaan atau penderaan terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaan orang tersebut perkara ini telah diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Kementerian berpandangan bahawa pendekatan *persuasive* berasaskan hak dan elemen punitif di bawah perundangan semasa masih memadai. Walau bagaimanapun pihak kementerian telah mengambil inisiatif awal untuk mengkaji semula Akta OKU 2008 dengan persetujuan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil.1/2016 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Beberapa cadangan penambahbaikan kepada Akta OKU 2008 telah dibincangkan termasuk:

- (i) cadangan agar elemen penguatkuasaan dan denda dibaca secara bersama dalam akta ini seperti Kanun Keseksaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.
- (ii) kajian semula keahlian Majlis Kebangsaan bagi orang kurang upaya untuk memasukkan agensi kerajaan berkaitan seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan
- (iii) menjelaskan secara terperinci berkaitan peranan yang perlu dijalankan oleh kementerian berkenaan di setiap bab dalam akta ini.

Usaha bagi meningkatkan tahap *accessibility* OKU dan memastikan hak dan kepentingan golongan OKU terus terpelihara akan terus dipergiatkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana kita ada banyak peraturan kita akan tamat pada hari ini saya persilakanlah setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan kita pada hari ini. Sekarang saya mempersilakan.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]*

### USUL

#### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.15 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahaha Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya minta seorang Menteri menyokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.]*

**USUL**

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman akan mencadangkan. Persilakan.

**11.16 pg.**

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi berangkat mencemar duli menyampaikan Titah Ucapan istiadat pembukaan persidangan Parlimen Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan bahawa satu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersemaikan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketiga Belas.”

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* kedudukan ekonomi negara pada ketika ini masih kukuh walaupun dibelenggu keadaan ekonomi global yang semakin mencabar. Harga minyak yang dahulunya berkisar diparas USD105 setong sehingga bulan Oktober 2014 telah menjunam ke USD56.79 setong pada 31 Disember 2014 dan jatuh lagi sepanjang tahun 2015 ke USD37.71 setong. Kejatuhan harga minyak dunia ke paras USD27.83 setong pada 20 Januari awal tahun ini telah mematahkan segala sentimen optimis yang mengharapkan harga minyak kembali stabil pada tahun ini.

Terdapat juga ahli-ahli pakar ekonomi yang menyebut adanya kemungkinan harga minyak turun ke serendah USD10 setong pada ketika itu. Namun pada hari Rabu yang lepas harga minyak telah kembali stabil ke paras USD44.17 setong menghampiri paras harga USD48 setong ketika Bajet 2016 diumumkan pada 23 Oktober lepas.

**■1120**

Di samping itu, penyusutan nilai mata wang Ringgit juga telah mengeruhkan sentimen ekonomi tempatan dan Indeks Keadaan Perniagaan atau *Business Conditions Index*, dengan izin, oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. Kadar tukaran Malaysia dengan USD telah merosot daripada RM3.49 pada 1 Januari tahun lepas ke RM4.46 pada bulan September baru-baru ini. Namun *alhamdulillah* sekali lagi ia semakin pulih ke paras RM3.88 pada 13 April minggu lepas. Selain faktor-faktor luaran yang juga memainkan peranan, peningkatan nilai Ringgit dan pemulihan indeks keadaan perniagaan yang dilihat hari ini adalah juga hasil daripada pelbagai langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Pihak Kerajaan Pusat telah menyemak semula bajet tahunan dan mengumumkan pengubahan Bajet 2016 pada 28 Januari bagi memastikan keadaan ekonomi negara sentiasa berada dalam empat tahap dinamik dan kompetitif di peringkat negara dan antarabangsa.

Pengubahsuaian ini dijangkakan dapat menjimatkan sebanyak RM9 bilion dalam perbelanjaan operasi dan pembangunan kerajaan, lantas mengekalkan paras defisit fizikal pada 3.2 peratus.

Sokongan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas pengubahsuaian Bajet 2016 amatlah disanjung tinggi oleh Dewan ini. Pelaksanaan 11 langkah pengubahsuaian dan penstrukturkan haruslah diimplementasikan dan disokong oleh kesemua agensi kerajaan, swasta, NGO dan rakyat agar ekonomi negara bertambah baik untuk kemakmuran semua. Sebagai contoh, pengurangan potongan caruman KWSP sebanyak 3 peratus dapat membantu sedikit sebanyak golongan berpendapatan rendah dalam perbelanjaan harian untuk mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Kaitangan swasta masih mempunyai pilihan sekiranya mereka ingin mengekalkan kadar caruman 11 peratus yang sedia ada. Melihat kepada perkembangan terkini ekonomi Malaysia, kadar pertumbuhan KDNK pada keseluruhannya tahun 2015 masih utuh pada kadar 5 peratus walaupun kadar pertumbuhan adalah lebih perlahan pada suku akhir tahun 2015 yakni 4.5 peratus berbanding 4.7 peratus suku sebelumnya.

Unjuran kadar pertumbuhan KDNK pada tahun 2016 menunjukkan potensi perkembangan ekonomi sebanyak 4 peratus hingga 4.5 peratus meskipun dalam situasi ekonomi dunia yang masih mencabar. Jika kita lihat daripada segi rizab antarabangsa pula, angka terkini pada 31 Mac 2016 sedikit berkurangan sebanyak RM381.6 bilion berbanding RM389.7 bilion pada bulan yang sama tahun lepas. Jumlah ini boleh membiayai lapan bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negara jangka pendek yakni pada paras yang sihat. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya menurunkan defisit fizikal daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.2 peratus pada tahun 2015.

Namun begitu, masih terdapat beberapa pihak yang masih tertanya-tanya, adakah Malaysia masih mampu untuk mengekalkan defisit fizikal pada 3.2 peratus pada akhir tahun ini dan juga untuk mencapai sasaran bajet berimbang menjelang tahun 2020. Langkah pihak kerajaan untuk memulakan pelaksanaan sistem cukai barang dan perkhidmatan ataupun GST yang bermula pada 1 April 2015 telah membantu menjadi penampang bagi menggantikan pengurangan akibat turunkan pendapatan negara yang berasaskan minyak dan gas.

Saya juga berbangga dengan pencapaian kerajaan yang berjaya mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas daripada lebih 40 peratus pada tahun 2009 kepada 21 peratus pada tahun 2014. Menurut laporan daripada Kementerian Kewangan Malaysia, sumbangan sektor petroleum kepada hasil cukai langsung pada tahun 2014 adalah sebanyak RM26.96 bilion yakni 21 peratus manakala pada tahun 2015, dianggarkan sumbangan ini bakal turun kepada 8 peratus yakni hanya RM9.53 bilion. Jurang perbezaan ini telah diselamatkan oleh pelaksanaan GST di mana anggaran kutipannya RM27 bilion pada tahun 2015. Jumlah ini dianggarkan... [Telefon berbunyi] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Jumlah ini dianggarkan akan meningkat ke RM39 bilion pada tahun ini. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ke atas kestabilan dan kemampuan kewangan negara. Di samping prestasi kewangan negara yang mampan, kita juga dapat melihat beberapa pencapaian negara di peringkat antarabangsa seperti mana yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

- (i) kejayaan mempengaruhi sidang kemuncak ASEAN Ke-27 dan memeterai Perjanjian Deklarasi Kuala Lumpur 2015 pada 31 Disember yang lalu bagi memantapkan kerjasama ekonomi negara-negara ASEAN;
- (ii) menduduki Kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019;
- (iii) mengekalkan Kerusi Anggota Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa kali keenam berturut-turut;

- (iv) menduduki tempat ke-18 daripada 144 buah negara di dunia menurut laporan daripada Daya Saing Global atau *Global Competitiveness Report* oleh *World Economic Forum*, dengan izin bagi tahun 2015 dan 2016; dan
- (v) menduduki tempat ke-18 daripada segi indeks kemudahan menjalankan perniagaan atau *Ease of Doing Business* oleh *World Bank*.

Agensi penarafan antarabangsa seperti *Moody's Investment Service* menjangkakan pertumbuhan KDNK di Malaysia akan berkembang sebanyak 4.4 peratus tahun ini dan berada dalam lingkungan yang telah disasarkan oleh kerajaan Malaysia sebanyak 4 peratus ke-4.5 peratus. Agensi penarafan lain seperti *Fitch Ratings* juga telah mengesahkan penarafan kemungkinan penerbit ataupun *Issuer Default Ratings* dengan izin, mata wang asing dan tempatan jangka panjang Malaysia masing-masing kepada A- dan A dengan unjuran stabil. Secara keseluruhannya, keadaan ekonomi Malaysia diberi penarafan yang stabil oleh agensi penarafan antarabangsa. Penarafan tersebut salah satu tanda aras membuktikan kekujuhan kedudukan ekonomi Malaysia di peringkat global.

Selain itu, daripada segi kejayaan sosial dan kemasyarakatan, baru-baru ini kita telah melihat pencapaian rakyat Malaysia di persada sukan antarabangsa yang boleh dibanggakan seperti kemenangan tidak dijangka oleh Khairul Idham Pawi yang menjadi penunggang pertama yang memenangi kejohanan MotoGP Dunia dalam kategori perlumba Moto3 pada *Grand Prix Motorcycle Argentina* di litar Termas de Rio Hondo.

#### ■1130

Datuk Lee Chong Wei juga telah merangkul kejuaraan dalam Badminton Terbuka Malaysia di Stadium Melawati baru-baru ini mengalahkan pemain nombor satu dunia dari China, Chen Long. Satu lagi pencapaian adalah kejayaan atlet Muay Thai negara meraih empat pingat emas dan dua perak pada kejohanan *1st International Thai Martial Art Games* di Bangkok Thailand. Ini menunjukkan pencapaian negara masih berada pada tahap membanggakan sama ada dalam bidang sukan di peringkat negara ataupun antarabangsa.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]*

Cuma yang sekarang kita harapkan mutu pasukan bola sepak negara dipulihkan ke tahap yang lebih baik daripada ranking FIFA, 174 pada masa sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin lupa bahawa ranking Malaysia pada tahun 1993 ialah di tempat ke-79. Ini bermakna kita telah merudum sebanyak hampir 100 tangga dalam masa 23 tahun.

Pemulihan ini haruslah dilakukan secara sistematik dengan matlamat jangka panjang seperti mana yang disarankan oleh Majlis Sukan Negara melalui Pelan Pembangunan Sukan Jangka Panjang 2015-2023. Bercakap mengenai sukan negara dan memandangkan Sukan Olimpik 2016 di Brazil dalam empat bulan lagi, ingin saya mengucapkan selamat berjaya kepada atlet-atlet kebangsaan. Semoga berjaya membawa pulang pingat emas Olimpik pertama bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh beberapa isu yang telah disebutkan dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertama berhubung dengan keselamatan negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah supaya usaha untuk mengekang perkembangan ancaman militan dan anasir keganasan yang mula menular di negara ini diperlengkapkan. Kita bimbang dengan adanya kumpulan ekstremis yang cuba meracuni fikiran rakyat jelata yang boleh mengganggu keselamatan dan menggugat kesejahteraan negara.

Pada 5 Mac 2016 kita dikejutkan dengan berita 47 orang rakyat Malaysia yang dikesan berada di Syria dan Iraq dan terlibat dengan kumpulan militan DAISH dan bukan sahaja melibatkan orang dewasa lelaki dan wanita malah kanak-kanak. Ada juga yang telah terlibat dengan militan *Islamic State* (IS) dan telah terkorban.

Tambahan lagi kejadian tragik pengeboman yang melibatkan pasukan militan dilihat menular di rantau ini seperti yang telah berlaku di Jakarta Indonesia.

Kita bersimpati terhadap negara-negara yang telah menjadi mangsa kekejaman militan ini. Dalam masa yang sama kita juga perlu memantau kegiatan ini terutamanya yang melibatkan rakyat negara kita agar ia tidak menular dan merosakkan keamanan di negara Malaysia yang tercinta ini. Oleh itu, saya amat menyokong penubuhan Agensi Keselamatan Sempadan bagi meningkatkan kawalan agensi keselamatan di perbatasan negara dalam memerangi keganasan yang semakin berleluasa di rantau ini.

Terdapat juga usaha lain seperti penyertaan negara dalam penempatan pusat serantau pintas mesej. Di mana Malaysia dengan Amerika Syarikat bersetuju bahawa Malaysia akan dijadikan sebagai pusat serantau digital bagi memintas mesej melalui komunikasi. Sebagai sebuah negara berbilang kaum, bangsa dan agama toleransi sesama kita adalah penting untuk memastikan keharmonian, keamanan dan kemakmuran negara dapat terpelihara.

Usaha-usaha pihak berkuasa askar dan polis mestilah mantap dan saya berharap agar bilangan anggota yang memasuki bidang ini dapat dipertingkatkan dengan peruntukan yang mencukupi. Untuk membekalkan peralatan dan latihan yang terbaik kepada mereka ini supaya aset terbesar negara dapat dijaga iaitu sebuah negara yang aman damai.

Kedua mengatasi kelembapan ekonomi dan menjana pertumbuhan ekonomi negara. Seperti yang saya nyatakan dalam mukadimah kepada ucapan saya, pertumbuhan ekonomi negara adalah di landasan yang betul. Situasi harga minyak, nilai ringgit, eksport negara dan pendapatan negara kasar per kapita atau *gross national income per capita*, dengan izin, adalah mencabar dan sedang melalui era transformasi. Usaha kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Program*, harus diteruskan untuk meningkatkan ekonomi.

Perlaksanaan GST terbukti tepat kerana dapat membantu secara langsung untuk memulihkan pendapatan kerajaan akibat penurunan harga minyak dunia. Untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tan Sri minta berhenti sebentar. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepercayaan beliau melantik saya selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara [*Tepuk*]

Saya berharap agar semua Ahli Yang Berhormat dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab dengan berpaksikan kepada prinsip, "Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh." Hidup bak kata orang tua-tua tadi seperti aur dengan tebing, sandar menyandar. Juga bertunjangkan kepada hidup harmoni seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri iaitu kita fahamlah bahawa hidup harmoni itu berpaksi kepada yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Itu dia tadi. Bak kata pantun orang Melayu.

*Bunga Melur bunga Melati,  
Mari pakai di lubuk hati,  
Budaya orang kita ini yang tua dihormati,  
Yang muda dikasihi.*

Diharapkan juga kita terus terutama Yang Berhormat dapat memberi kerjasama kepada saya seperti diberi kepada Tuan Yang di-Pertua dahulu. Saya hendak lihat selaku Ahli Senator saya sangat senang hati dengan cara yang Tuan Yang di-Pertua kita mengendalikan itu. Bahawa saya dapat bahawa amanah itu harap kita teruskan. Diharapkan juga kita menanamkan taat setia kepada pemimpin negara dan seterusnya menanamkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara. Kesetiaan itulah tunjang kejayaan negara kita ini. Terima kasih.

Minta Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman sambung, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak semua Ahli mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan dan pemilihan Yang Berhormat sebagai Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta izin meneruskan.

Seperti yang saya nyatakan dalam mukadimah kepada ucapan saya, pertumbuhan ekonomi negara adalah di landasan yang betul. Situasi harga minyak, nilai ringgit eksport negara dan pendapatan negara kasar per kapita adalah mencabar dan sedang melalui era transformasi. Usaha kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Program*, dengan izin, harus diteruskan untuk meningkatkan ekonomi. Pelaksanaan GST terbukti tepat kerana dapat membantu secara langsung untuk memulihkan pendapatan kerajaan akibat penurunan harga minyak dunia.

Untuk mengatasi masalah kenaikan harga barang oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab, pada Januari tahun ini Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengadakan Ops Jejak GST 2016 di seluruh negara, bagi menjelak dan mendaftar mana-mana individu, syarikat atau perniagaan yang layak mendaftar tetapi masih belum berbuat demikian.

#### ■1140

Kompaun RM5,000 dikeluarkan kepada setiap peniaga yang tidak mematuhi peraturan berkaitan GST sepanjang Ops ini dilakukan. Setakat ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menganggarkan sebanyak 100,000 buah syarikat yang layak tetapi masih belum berdaftar berbanding jumlah syarikat yang telah berdaftar di seluruh negara sebanyak 400,519 pada tahun lalu.

Walaupun situasi ekonomi dijangkakan akan lebih mencabar, pemangkin pertumbuhan seperti projek-projek infrastruktur utama dan inisiatif-inisiatif yang diisyiharkan dalam Bajet 2016 masih akan diteruskan. Antara projek mega yang pernah diketengahkan adalah *Malaysia Vision Valley*, *Cybercities and Cybercentres* di Cyberjaya, *Aeropolis KLIA*, *Kedah Rubber City* dan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak. Projek-projek ini diharapkan akan dapat membantu merangsang lebih banyak pelaburan dan aktiviti ekonomi dalam negara.

Di samping itu, projek-projek untuk menaik taraf beberapa buah lebuh raya akan diteruskan termasuk Lebuhraya Pan-Borneo di Sabah dan Sarawak yang telah bermula. Sambungan sistem pengangkutan LRT bakal disiapkan dalam tahun ini dan MRT tahun hadapan. Saya amat gembira melihat sebahagian daripada sambungan sistem pengangkutan LRT ini telah mula beroperasi iaitu dari Stesen Awan Besar sehingga Stesen Bandar Puteri dan tren elektrik ETS dari Kuala Lumpur ke Padang Besar. Perbelanjaan infrastruktur oleh kerajaan harus diteruskan agar pertumbuhan ekonomi akan terus terangsang di samping dapat menyejahterakan rakyat dengan penyediaan pelbagai kemudahan yang diperlukan sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Ketiga, isu berkaitan perumahan. Isu Rumah Mampu Milik masih hangat diperdebatkan di kalangan masyarakat. Kerajaan mensasarkan sebanyak 1 juta Rumah Mampu Milik yang akan dibina menjelang tahun 2020 semenjak tahun 2013. Mengenai status pelaksanaan Rumah Mampu Milik menjelang 2018, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan sehingga 31 Disember tahun lalu, sebanyak 183,755 unit telah siap dibina, 214,000 unit dalam pembinaan dan 309,571 unit dalam pelbagai peringkat perancangan. Ini membawa jumlah sebanyak 707,337 unit Rumah Mampu Milik yang telah siap dibina, dalam pembinaan dan dalam perancangan iaitu 70 peratus daripada sasaran 1 juta menjelang tahun 2020.

Pihak kerajaan telah mengisyiharkan dalam pengubahsuaian Bajet 2016 bahawa semua rumah kediaman baru yang berharga sehingga RM300,000 adalah terhad kepada pembeli rumah pertama sahaja memandangkan isu kemampuan beli rumah adalah antara isu utama yang menjadi perhatian di dalam negara pada masa ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa program ini akan dilaksanakan mulai bulan ini.

Daripada statistik JPPH, kadar pertumbuhan bilangan unit perumahan atau kediaman di antara tahun 1991 sehingga 2000 - 192,008 unit setahun. Kadar pertumbuhan bilangan unit perumahan ini meningkat kepada 197,770 unit setahun di antara 2000 hingga 2010. Sejak tahun 2010 sehingga 2014, kadar pertumbuhan stok kediaman telah menurun ke hanya 96,400 unit dibina setiap tahun. Pada tahun 2015, kadar pembinaan telah meningkat sedikit di mana sebanyak 60,264 unit rumah telah siap dibina pada pertengahan tahun.

Saya mengharapkan jurang terhadap sasaran sebanyak 163,249 unit rumah yang mesti dibina setiap tahun selama 5 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga akhir tahun 2020 dapat dirapatkan. Sasaran ini sekiranya tercapai akan dapat meningkatkan bilangan penawaran unit perumahan yang secara teori dapat menurunkan kadar kenaikan harga rumah ke paras yang lebih mampan.

Di sini saya ingin mengetengahkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dan salah satu isu utama yang berkaitan dengannya. Ketika membentangkan Bajet 2016, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib mengumumkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi membantu pembeli rumah pertama. Ini inisiatif terbaru kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan sederhana iaitu M40, membiayai kos deposit rumah.

Skim ini melibatkan pemberian sumbangan sebanyak 10 peratus daripada harga jualan atau maksimum RM30,000 kepada pembeli rumah pertama untuk membantu mereka membeli rumah yang berharga kurang daripada RM500,000. Ini dilaksanakan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana yang mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM3,000 dan RM10,000. KPKT akan melaksanakan penapisan pemilihan permohonan yang diterima berdasarkan kelayakan berikut:

- (i) pemohon mestilah warganegara Malaysia, berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ketika permohonan dibuat dan tiada umur maksimum ditetapkan;
- (ii) permohonan ini adalah bagi tujuan pembeli rumah yang pertama bagi satu isi rumah;
- (iii) pendapatan kasar dari RM3,000 sehingga RM10,000. Pendapatan kasar bulanan adalah termasuk semua bentuk ganjaran hasil dari pekerjaan atau perniagaan;
- (iv) pemohon mestilah mempunyai kelayakan untuk membuat pinjaman perumahan dengan mana-mana institusi pembiayaan; dan
- (v) pemohon yang layak akan diberikan kelulusan bersyarat dengan tempoh 30 hari untuk menandatangani perjanjian jual beli rumah yang hendak dibeli.

Permohonan bagi Skim MyDeposit ini telah diumumkan secara rasmi pada 6 April 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dilancarkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun di peringkat akar umbi atau *on-the-ground* dengan izin, pelaksanaan skim ini haruslah dimantapkan. Masih ramai orang awam yang tidak tahu akan kewujudan skim ini dan publisiti perlu dipertingkatkan. KPKT pada awal tahun ini tidak dapat memberi sebarang kata putus atau mengarah pemohon ke saluran yang sepatutnya.

Jika belum dilaksanakan sepenuhnya, tolonglah beritahu. Ini adalah kerana ramai pemaju kecil yang hendak membantu pembeli rumah menggunakan skim tersebut tetapi tidak berhasil. Masih ramai orang yang hendak memohon tetapi walaupun skim ini telah dilancarkan, tetapi pelaksanaannya dan publisiti perlulah dipertingkatkan agar ia boleh dijalankan secara efektif.

Isu keempat, membantu golongan B40 dan M40 dalam menangani kos sara hidup. Dalam usaha kerajaan untuk mempertimbangkan kebijakan rakyat secara menyeluruh, harus diingat golongan majoriti dalam populasi negara ini adalah tergolong dalam golongan B40 yang melibatkan 2.7 juta isi rumah daripada 6 juta isi rumah di seluruh negara.

**■1150**

Golongan B40 isi rumah yang berpendapatan bulanan purata RM2,537 dan M40 dengan purata pendapatan isi rumah sebanyak RM5,662. Mereka hanya mampu membeli rumah berharga RM197,000 hingga RM435,000 dan juga mempunyai masalah sara hidup yang lebih ketara berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi. Beberapa cadangan telah dibuat untuk meningkatkan taraf hidup dua golongan tersebut iaitu B40 dan M40 yang melibatkan penjanaan usahawan dan institut latihan untuk memantapkan pendapatan isi rumah yang melibatkan semua kaum bumiputera, masyarakat Cina dan India. Antara program-program yang bakal dijalankan ialah:

- (i) memperluaskan kegiatan untuk melahirkan usahawan bumiputera dan mengembangkan perniagaan sedia ada dengan jumlah dana sebanyak RM500 juta kepada TEKUN;
- (ii) RM50 juta disediakan untuk membantu usahawan India oleh SME Bank dan RM100 juta melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India oleh TEKUN;
- (iii) tambahan RM90 juta untuk pinjaman Mikro Kredit Penjaja dan Peniaga Kecil Cina termasuk KOJADI dan untuk projek infrastruktur dan pinjaman mudah kepada penduduk Kampung Baru Cina bagi membantu pembayaran premium tanah dan membaiki pulih rumah;
- (iv) sebanyak RM300 juta diperuntukkan untuk pelbagai program bagi Orang Asli;
- (v) RM100 juta bagi membantu golongan B40 untuk mendapat pekerjaan dan memulakan perniagaan;
- (vi) RM50 juta disediakan untuk Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya serta Program Peningkatan Pendapatan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (vii) RM100 juta bagi Program eRezeki dan eUsahawan akan diperluaskan dengan sasaran seramai 100,000 orang yang akan dapat manfaat;
- (viii) gaji minimum bagi pekerja di negara ini juga telah dinaikkan daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan RM800 sebulan kepada RM920 sebulan bagi Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga memberi perhatian kepada golongan M40 dengan memberikan pelbagai insentif cukai. Program-program dan pelepasan cukai oleh kerajaan ini seharusnya dapat membantu golongan B40 dan M40 ini. Akan tetapi masalah dasarnya adalah untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti mereka terutama golongan B40 yang kebanyakannya berada di luar bandar yang membawa kepada isu kelima iaitu pemerkasaan kawasan luar bandar dan transformasi luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sering kali anak-anak muda yg tinggal di kawasan luar bandar pasti akan mempertimbangkan untuk berhijrah ke bandar di mana terdapat lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Walau bagaimanapun, kita muh melihat anak-anak luar bandar juga boleh menyumbang tenaga bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk turut sama memajukan kawasan luar bandar selar ini dengan kemajuan di bandar.

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa masih banyak yang perlu diperbaiki di kawasan luar bandar terutamanya daripada segi penyediaan kemudahan dan infrastruktur untuk membantu mereka di luar bandar. Ini mengembangkan bakat mereka dan menjana pendapatan yang lebih baik di kawasan luar bandar berbanding di bandar.

Oleh itu, usaha untuk memperkasakan kawasan luar bandar telah diperkenalkan melalui transformasi luar badar yang telah dilancarkan tahun lepas oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program ini mengetengahkan enam bidang utama iaitu prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian perkhidmatan. Ini adalah antara usaha pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang progresif di luar bandar.

Peranan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) adalah antara satu inisiatif menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu memberi kemudahan urusan kepada rakyat. Ia diwujudkan untuk meningkatkan pendapatan, mengurangkan kos sara hidup serta memperluaskan akses serta kemudahan perkhidmatan kerajaan kepada penduduk di kawasan luar bandar.

Isu keenam melahirkan belia yang berkemahiran. Pada tahun 2015, kerajaan telah melancarkan Dasar Belia Malaysia yang baru dan lebih komprehensif untuk pembangunan belia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pada awal tahun ini, negeri Sabah telah mengambil langkah proaktif dengan menjadi negeri pertama di negara ini yang telah melancarkan indeks belianya sendiri selepas pelancaran Indeks belia Malaysia (IBM) oleh Menteri Belia dan Sukan iaitu Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin.

Indeks Belia Sabah (IBS) 2015 menjadi penanda aras bagi mengukur taraf kesejahteraan hidup belia di Sabah serta menyediakan input bagi penggubalan polisi atau dasar untuk pembangunan holistik golongan berkenaan. Indeks itu juga akan memandu pelan tindakan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup belia di Sabah serta sebagai indikator bagi mengukur pencapaian dasar belia Malaysia dan dasar belia Sabah. Justeru itu kita patut mengambil contoh pada kesungguhan mereka di Sabah dan bersama-sama membantu untuk meningkatkan kesejahteraan hidup belia di negeri ini. Secara keseluruhannya dalam usaha untuk melahirkan belia yang berkemahiran serta mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi untuk masa hadapan negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga pernah mengumumkan bahawa kerajaan juga akan membangunkan tiga *Youth City*, dengan izin, tidak lama lagi bagi memberi peluang kepada golongan muda dalam bidang keusahawanan. Dengan adanya medium seperti ini, diharapkan para belia boleh manfaatkan peluang yang sedia ada bagi meningkatkan kualiti diri dan seterusnya boleh menjana pendapatan yang lebih lumayan dan boleh menghasilkan peluang masa depan yang lebih cerah.

Isi ketujuh, penyediaan modal insan yang jitu melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Bagi melahirkan generasi muda yang akan menjadi pewaris dalam menerajui negara untuk mencapai taraf negara maju. Sektor pendidikan adalah sangat penting dan adalah antara penyumbang utama untuk mewujudkan tenaga kerja mahir yang akan menjadi penggerak dan pencetus kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan. Sering kali kita mendengar pihak majikan yang menghadapi masalah untuk mengisi kekosongan jawatan walaupun terdapat banyak tenaga kerja yang berada di pasaran. Kita masih menghadapi masalah untuk mengisi ruang-ruang pekerjaan yang sedia ada dalam era ini yang sentiasa dilihat kompetitif dan mencabar. Bagaimanakah kita boleh menghadapi dua masalah berbeza pada waktu yg sama. Yakni lambakan tenaga kerja yang mencari kerja dan kekurangan majikan untuk mencari pekerja yang sesuai untuk mengisi jawatan yang diperlukan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran telah meningkat daripada 3.2 peratus pada bulan Januari 2015 kepada 3.4 peratus pada bulan yang sama tahun ini. Pada Oktober tahun lepas menurut kenyataan akhbar, terdapat 200,000 orang siswazah yang telah mendapat ijazah di institusi-institusi pengajian tinggi masih gagal mendapat pekerjaan. Ini adalah agak membimbangkan kerana kita memerlukan anak-anak muda ini bagi mengerakkan arus pembangunan dan pemodenan negara dan seterusnya menyediakan bakal-bakal pelapis yang berdaya saing.

#### ■1200

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan penyediaan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk meningkatkan kebolehpasaran ataupun *marketability*, dengan izin, graduan dan melahirkan modal insan yang holistik.

Pendekatan yang digunakan melibatkan penilaian oleh pakar-pakar dan agensi antarabangsa seperti Bank Dunia, UNESCO dan OECD.

Saya menyokong Titah Diraja Tuanku untuk memupuk minat dan kecenderungan pelajar dalam memilih bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik bagi membangunkan modal insan untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan inovasi berimpak tinggi negara selaras dengan Pelan Induk Sains, Teknologi dan Inovasi Negara yang akan digubal.

Saya ingin menyarankan untuk pihak kerajaan memberi lebih keutamaan terhadap sektor pendidikan vokasional dan teknikal seperti kolej-kolej komuniti, politeknik, institut kemahiran dan sebagainya untuk menambahkan lagi bilangan pekerja mahir teknikal di samping fokus sedia ada terhadap bilangan siswazah.

Dengan izin, ramai antara golongan pelajar kita yang dilatih menjadi pengurus tetapi tidak seimbang dengan bilangan pekerja mahir teknikal dan vokasional. Jangan pula sampai masanya kita ada ramai pengurus atau bos-bos tetapi tidak ada pekerja untuk diurus.

Pada ketika ini, kita sudah pun melihat banyak syarikat swasta yang terpaksa mengambil pekerja asing yang berkemahiran teknikal dan vokasional untuk mengisi ruang-ruang pekerjaan. Saya difahamkan ada juga pekerja asing seperti dari Bangladesh di sektor pembinaan yang berpendapatan lebih RM8,000 sebulan seperti *wielders* dan *heavy machinery operators*, dengan izin.

Dengan ini, saya menyokong Titah Diraja Tuanku agar usaha-usaha seperti Pelan Induk Sains, Teknologi dan Inovasi, Pelan Pembangunan Pendidikan dan Penggalakan Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik ini diteruskan agar generasi muda kita mendapat pendidikan setanding dengan sistem pendidikan terbaik di dunia dan berhasil untuk menjadi pewaris bagi menerajui negara pada masa hadapan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berharap usaha-usaha dan inisiatif pelbagai pihak dalam memastikan kemajuan dan kemakmuran serta keselamatan negara diteruskan dengan lebih komprehensif dan dasar-dasar yang telah dirancang dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dalam kita mengejar matlamat untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Apa yang penting, ia mestilah dilakukan secara telus dengan integriti dan urus tadbir yang baik dan *inshaa Allah*, seperti Titah Tuanku, Malaysia kita yang tercinta terus maju dan makmur serta rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, sejahtera, bersatu-padu dan sentiasa hidup aman sentosa di bawah lindungan Allah SWT.

Sekian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Datuk Lihan Jok.

#### **12.04 tgh.**

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sebagai wakil yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, tumpuan isi kandungan sokongan saya ini akan banyak berkisar berhubung dengan kehendak aspirasi negeri Sarawak.

Kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa Pilihan Raya Negeri Sarawak hanya dua atau tiga minggu lagi. Pilihan raya ini amat penting kerana ia akan menyaksikan penambahan 11 buah Kerusi yang baru, menambah 71 buah Kerusi yang sudah ada. Jadi jumlahnya 82 buah Kerusi. Pada 25 hari bulan yang akan datang ini, telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk penamaan calon. Pada 3 Mei diberi untuk pengundian awal. Pada hari Sabtu, 7 Mei, merupakan hari membuang undi bagi kesemua 82 buah Kerusi ataupun kawasan ini.

Ini tarikh yang amat penting, bukan sahaja untuk Sarawak tetapi untuk negara kita Malaysia kerana Sarawak salah satu *partner* ataupun rakan yang penting dalam penubuhan Malaysia dilihat oleh Kerajaan Pusat sebagai, dalam bahasa Inggeris, '*fixed deposit*' dengan izin, iaitu simpanan tetap, *pillar*, tunggak Kerajaan Pusat. Jadi, sebab itulah kemenangan pilihan raya bagi Sarawak pada kali ini amat penting sekali bagi Malaysia dan Sarawak.

Perkara yang amat penting yang sentiasa menjadi perbualan, perbincangan rakyat di Sarawak, cara mana kerajaan akan menang, cara mana pihak pembangkang akan menumbangkan kerajaan berkisar dengan kuasa autonomi Sarawak. Semua rakyat akan melihat sejauh manakah, atau cara manakah Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengembalikan autonomi yang sepatutnya kepada negeri Sarawak. Jika kerajaan yang ada sekarang ini gagal untuk menempuh aspirasi yang sedemikian, maka sukarlah untuk kerajaan sekarang menegakkan kemenangan.

Oleh sebab yang demikian, perkara hal ekonomi Sarawak ini saya hendak bawa untuk kita sama-sama melihat supaya kerajaan yang ada sekarang akan mengambil tekad untuk, walaupun masa yang singkat, untuk membantu negeri Sarawak dalam hal autonomi ini.

Akan tetapi sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kita ke belakang sedikit untuk melihat sejarah. Kita melihat hubungan Sarawak dengan Persekutuan ini, kita lihat sebagai satu yang lebih mudah, yang lebih selalu kita cerita ini di Sarawak ialah satu perkahwinan. Contohnya, saya cerita begini. Pada 13 Ogos 1957, seorang jejaka yang bernama Tanah Melayu atau Malaya meraikan hari jadinya iaitu pada tanggal 31 Ogos 1957.

#### ■1210

Nun jauh di seberang Laut China Selatan, ada seorang gadis manis yang bernama Sarawak, meraikan hari jadinya pada 22 Julai 1963. Jadi jejaka Tanah Melayu ini datang ke Sarawak, ingin berkahwin dengan wanita ini. Mereka bersetuju dan mereka menetapkan 16 September 1963 sebagai hari pernikahan mereka dan berjanji dan bersetuju untuk menamakan keluarga mereka ini 'Malaysia'.

Ini kerana Tanah Melayu ini seorang jejaka yang ghairah dan kuat. Dia tiap-tiap tahun hanya mengingatkan meraikan hari jadinya sahaja, 31 Ogos 1957 dan hampir-hampir terlupa meraikan hari jadi isterinya, Sarawak. Namun, isteri ini sabar, dia tidak marah. Jadi pada suatu ketika, dia pergi berjumpa dengan suaminya dan mencadangkan supaya mereka meraikan hari pernikahan mereka berdua iaitu 16 September tiap-tiap tahun dan mereka sebut hari ini 'Hari Malaysia'.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam semangat ini, perjuangan Sarawak dan kesabaran Sarawak di dalam Malaysia selama 53 tahun sejak kita merdeka. Banyak perkara yang sudah hilang dari Sarawak kerana telah diambil alih oleh tujuan murni Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan program-program pembangunan di dalam negara kita. Jadi dalam hal ini, ada beberapa perkara yang Persekutuan lupa sehingga banyak hati yang tidak begitu senang di Sarawak sehingga tertubuhnya babit-babit penentangan, sehingga ada kumpulan-kumpulan beberapa tahun ini sudah tumbuh dan menentang.

Kita lihat mereka ini kelompok-kelompok yang kecil pada mulanya, tetapi dua tahun yang lepas mulai menjadi besar. Contohnya pertubuhan yang digelar 'Sarawak for Sarawakian'. Mereka ini berusaha mengumpulkan 10 peratus tandatangan orang Sarawak yang berhasrat memohon supaya keluar dari Malaysia. Kita ingat perkara ini menjadi perkara yang remeh-temeh dan ada orang yang macam tidak pedulikannya. Akan tetapi bila mana dua tahun yang lalu, seorang Ketua Menteri yang baru iaitu Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Adenan Haji Satem mengambil alih tumpuk kerajaan negeri Sarawak, perjuangan S4S ini makin hebat sehingga perkara yang kecil yang kita boleh ketepikan menjadi agenda utama ramai rakyat di Sarawak.

Jadi, pada suatu ketika pada awal tahun ini, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah membuat satu *statement* yang begitu kuat, yang meminta supaya rakyat Sarawak memberi beliau lima tahun lagi.

*In his words he said, "Give me five more years", dengan izin, dan dalam perkataan dia juga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "Give me more mandate. So that I can speak for you in Kuala Lumpur".*

Jikalah seorang Ketua Menteri telah mempunyai aspirasi yang demikian untuk membawa hasrat Sarawak ke Kuala Lumpur dengan nada yang demikian, kita tidak boleh melihat perkara ini sebagai perkara remeh lagi. Oleh sebab yang demikian, pilihan raya negeri Sarawak yang kesebelas ini banyak tertumpu bagaimana Kuala Lumpur memberi ruang supaya Aspirasi 18 or 18-Points Agreement yang telah diisyiharkan dalam tahun 1963 itu dapat ditunaikan. Jadi perkara-perkara inilah yang saya hendak bawa supaya pihak kerajaan untuk cara mana kita mencari untuk membantu Sarawak menang dalam pilihan raya ini supaya agenda pembangunan untuk membangun bukan sahaja di Semenanjung tetapi di luar bandar negeri Sarawak dapat dilaksanakan dengan baik.

Kita di Sarawak sangat berterima kasih, sangat beruntung kerana kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu prihatin. Kalau kita lihat sehingga minggu ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak mengambil tumpuk Kerajaan Malaysia telah melawat Sarawak lebih 50 kali... [Tepuk] Mengalahkan semua lima orang Perdana Menteri walaupun jumlah lawatan mereka dijumlahkan, Dato' Sri Najib telah melawat Sarawak 50 lebih kali. Inilah seorang Perdana Menteri yang begitu prihatin, yang melihat rintihan dan denyutan rakyat Sarawak.

Oleh sebab yang demikian, rakyat Sarawak perlu mengekalkan kepimpinan yang ada sekarang supaya agenda pembangunan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ingin memajukan negeri Sarawak yang begitu ketinggalan. Mengikut laporan negeri Sarawak dua tahun yang lepas, kita di ke belakang 20 tahun daripada segi infrastruktur. Jadi, untuk tujuan ini, saya hendak sentuh beberapa point yang telah di....

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh beri laluan?

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya mendengar Yang Berhormat bercakap soal *Malaysians for Malaysia (M2M), and Sarawak for Sarawakian (S4S)*. Kita faham dan kita tahu daripada segi politiknya, siapakah yang memperjuangkan M2M ini. Pada masa yang sama juga, Yang Berhormat menyatakan bahawa lebih daripada 50 kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat Sarawak. Jadi saya rasa, kalau S4S itu perjuangan yang dibawa oleh kemungkinan segelintir daripada *Sarawakian* di sana, adakah pandangan Yang Berhormat ini akan mengakibatkan situasi yang tidak baik di antara Persekutuan dan Sarawak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab itu, saya hendak memetik ucapan *statement* Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Adenan Haji Satem. Dia menyatakan dalam bahasa Inggeris ya. *"We will never leave Malaysia today, tomorrow or ever."*

■1220

*Malaysia is the umbrella that gives us safety, security and prosperity. We will never leave this country,* Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Dalam usaha menangani tuntutan S4S ini, Tuan Yang di-Pertua. Ketua Menteri kita sudah mempunyai siri mesyuarat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Siri yang pertama membawa 13 persoalan ataupun permintaan rakyat Sarawak untuk tujuan autonomi.

Ketiga-tiga belas ini, dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan perkara ini, berita inilah yang sedikit sebanyak membuka jiwa nurani masyarakat Sarawak. Bahawa kita mempunyai persekutuan. Kepimpinan persekutuan yang rela mendengar rintihan.

Jadi oleh sebab yang demikian, usaha-usaha yang fanatik untuk tujuan membawa Sarawak keluar dari Malaysia ini telah direkodkan kerana kita mempunyai- kedua kepimpinan yang saling memahami satu sama yang lain supaya rintihan rakyat itu tadi boleh didengar dan cara mana kita boleh tunaikan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya teruskan. Perkara yang perlu kita lihat dalam *18 points agreement* ini, yang selalu dibincangkan supaya autonomi itu balik pada Sarawak. Contohnya poin nombor satu, berhubung dengan kebebasan beragama dalam *18 points agreement* ini. Poin satu menyatakan, Negeri Sarawak yang telah dipersejui oleh Tanah Melayu juga memang tidak mempunyai agama rasmi ini kerana banyak sangat suku-suku, kepercayaan yang ada di Sarawak dan kita sukar untuk menentukan bahawa adalah satu-satu agama itu menjadi agama rasmi.

Jadi oleh sebab yang demikian, hal-hal seperti usaha untuk membuat anak-anak sekolah memeluk agama yang ini yang itu telah menjadi isu di Sarawak kebelakangan ini. Jadi oleh sebab yang demikian, kita minta Sarawak minta supaya kebebasan ini diteruskan. Contohnya yang membuat S4S ini lebih hebat tempoh hari contoh pengguna perkataan-Tuan Yang di-Pertua saya mungkin silap sebutkah, perkataan, “*Allah*” dalam penyembahan kita agama Kristian yang telah tidak dipersejui oleh sesetengah pihak di Sarawak...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** [Bangun]

**Datuk Lihan Jok:** Jadi ini telah menimbulkan rasa kurang senang hati sehingga ada sebahagian orang yang benci kerajaan, menyatakan kerajaan tidak adil. Perkara macam inilah maksud saya dan juga...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat Senator Lihan Jok?

**Datuk Lihan Jok:** Silakan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan isu penggunaan kalimah “*Allah*” sebab perkara ini saya rasa telah menjadi isu yang hangat dan banyak tidak difahami oleh rakyat Malaysia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat isu kalimah “*Allah*” ini kita pertekankan hanya di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak tidak ada hal, kerana di Sabah dan Sarawak penggunaan nama kalimah “*Allah*” telah digunakan berpuluhan-puluhan tahun yang lepas tidak bermasalah. Tidak ada masalah. Kita tidak menyekat.

Persoalannya, ia menjadi sensitif apabila di Semenanjung. Di gereja Sabah dan Sarawak telah menggunakan kalimah “*Allah*” begitu lama dan sebelum ini pun *British missionary* apabila mereka sampai ke Sabah dan Sarawak penggunaan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* adalah meluas. Itu sebab Bahasa Melayu digunakan. Di Semenanjung ini, bezanya tidak pernah kalimah “*Allah*” digunakan dalam *church* dalam gereja selama ini. Akan tetapi, tiba-tiba tidak semena-mena sampai hendak bergaduh dengan pihak kerajaan supaya dibenarkan penggunaan kalimah “*Allah*” dalam *church* di Semenanjung.

Walhal seperti kita tahu, di Semenanjung ini ada rakyat Malaysia yang lebih 50 tahun berumur tidak boleh bercakap Melayu bahkan dalam Parlimen pun mereka meminta untuk menggunakan bahasa Inggeris. Kenapa tiba-tiba gereja di Malaysia, di Semenanjung minta supaya menggunakan kalimah “*Allah*”, kitab-kitab Injil dalam Bahasa Melayu, *church* menggunakan Bahasa Melayu apa sebabnya? Mesti ada sebab. Kita orang Islam di Semenanjung ini begitu sensitif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebab utama, dalam pembacaan saya sebagai seorang ahli akademik. Sebab utama adalah untuk mengelirukan masyarakat Islam dan berusaha untuk memurtadkan masyarakat Islam di Semenanjung. Bukan di Sabah dan Sarawak- di Semenanjung. Perkara ini telah digunakan begitu efektif di Indonesia. Penggunaan kalimah “*Allah*”, iman, syahadah dan lain-lain telah menjadikan Indonesia pada hari ini 2 juta orang Islam berjaya di murtadkan tiap-tiap satu tahun.

Seramai 2 juta dimurtadkan tiap-tiap satu tahun oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak perlu saya sebut di sini yang berusaha untuk mengelirukan orang Islam dari segi akidah dan falsafahnya dan juga memurtadkan orang Islam di Semenanjung. Sabah Sarawak saya jelaskan tidak ada hal- *don't worry*. Kerajaan tidak pernah mengatakan Sabah Sarawak tidak boleh. Kita bimbang hanya di Semenanjung kerana usaha puak-puak ini untuk memecahbelahkan perpaduan menggunakan isu agama di Semenanjung. So, saya hendak jelaskan kalau saya ada masa nanti saya akan jelaskan dalam perbahasan saya. Terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua hal-hal yang serupa ini telah saya mohon jika ada contohnya ahli-ahli akademik seperti Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah ini turun ke Sarawak dalam waktu kita berkempen ini menjelaskan perkara yang demikian. Ini permintaan yang saya sebagai *Sarawakian* yang banyak yang tidak faham supaya perkara ini kita redakan supaya perkara ini tidak boleh digunakan oleh pihak yang tertentu untuk tujuan memecahbelahkan rakyat di Sarawak.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *I'm ready. It's high time* kalau pihak Yang Berhormat Senator dapat menjemput saya menerangkan sebelum pilihan raya. Terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Perkara yang kedua, iaitu poin nomor dua dalam *18 points agreement* mengutamakan bahasa Inggeris iaitu ini permintaan Sarawak iaitu meletakan bahasa Inggeris itu sebagai bahasa rasmi yang digunakan dalam urusan pentadbiran negeri dan Persekutuan. Bahasa Inggeris ini, Bahasa Malaysia Tuan Yang di-Pertua memang bahasa perpaduan kita. Akan tetapi, untuk memajukan pembangunan Sarawak dalam banyak aspek di global ini, Sarawak melihat bahasa Inggeris itulah wahana begitu penting untuk membawa Sarawak lebih maju dalam dunia.

Oleh sebab yang demikian, kita di Sarawak memohon supaya penggunaan bahasa Inggeris itu di perhebatkan dalam cara kita. Supaya bahasa Inggeris ini digunakan dalam borang-borang rasmi dalam urusan rasmi di Sarawak. Jadi ini adalah penting supaya Kerajaan Persekutuan sentiasa melihat kebebasan untuk menggunakan bahasa Inggeris ini jangan menjadi perkara yang boleh membuat kita salah faham satu sama yang lain.

### ■1230

Sebenarnya niat kita murni kerana ini untuk membangunkan negeri Sarawak cepat kerana kita ini mundur. Kita melihat bahasa Inggeris itu akan membantu anak-anak muda kita dalam banyak segi urusan sehari-hari. Jadi perkara ini juga banyak dipersoalkan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengumumkan hasrat yang baik ini.

*Point* yang keenam iaitu berhubung dengan imigresen di mana hal-hal kemasukan ke negeri Sarawak memerlukan kebenaran kerajaan negeri. Jadi dalam hal ini, baru-baru ini, minggu yang lepas, ada sekumpulan dari Semenanjung. Seorang pemimpin daripada UMNO dengan kumpulan yang berhasrat untuk datang ke Sarawak, mungkin untuk membantu dalam pilihan raya tetapi telah disekat di Lapangan Antarabangsa Kuching dan disuruh balik. Ini kerajaan negeri telah menggunakan veto atau kuasa dalam hal imigresen. Yang saya hendak sebutkan di sini supaya perkara ini bukan sahaja, undang-undang ini, Akta Imigresen 1963 ini yang memberikan Sarawak mempunyai hak muktamad dalam mengurus hal-hal kemasukan orang dari Semenanjung ke Sarawak.

Ini kerana kita harus faham penyekatan ini bukan sebarang. Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai caranya tersendiri untuk melihat, menilai, memerhatikan individu-individu yang tidak sesuai yang sudah dikenal pasti akan membawa hal-hal yang tidak baik yang akan memecah-belah rakyat kita yang begitu berharmoni, bersatu padu yang sudah lama di Sarawak. Oleh sebab yang demikian, individu-individu yang telah dikenal pasti yang boleh menaburkan bibit-bibit kebencian antara satu sama yang lain, antara kumpulan etnik yang berbeza, di antara orang yang mempunyai agama yang berlainan memang tetap dihalang. Orang masyarakat Malaysia dari Semenanjung yang mempunyai niat yang baik, yang datang bekerja di Sarawak, Sarawak sentiasa membuka pintu.

Jadi jangan kita salah faham. Hanya yang disekat itu pelampau-pelampau politik, pelampau-pelampau agama, fanatik-fanatik politik, fanatik-fanatik agama, bukan sahaja dalam golongan Barisan Nasional tetapi yang pihak pembangkang pun atau pun mana-mana individu daripada dunia luar yang hendak masuk ke Sarawak tetapi dikenal pasti yang akan membawa bibit-bibit yang memecah rakyat, yang akan membawa bibit kebencian, kerajaan negeri menggunakan kuasa imigresen ini, memang tetap menyekat. Jadi dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, pihak Sarawak memohon kefahaman dalam hal ini kerana tujuannya murni, supaya Sarawak sebahagian dari Tanah Persekutuan ini ialah sebuah negeri yang aman makmur. Bukankah ini idaman kita? Oleh sebab yang demikian, saya sebagai rakyat Sarawak, saya yang dituju, disuruh datang mewakili negeri Sarawak memohon kefahaman kita di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang seterusnya, *point* yang kelapan.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat bagi beberapa nama yang telah ditahan oleh Kerajaan Sarawak daripada memasuki Sarawak dan termasuk juga adakah ada rakyat dari luar negara juga ditahan, tidak boleh masuk Sarawak? Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Memang Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lepas, terdapat beberapa orang individu baik daripada pihak fanatik agama dan demikian juga pelampau politik yang telah ditahan sehingga minggu lepas ini. Saya tidak mempunyai senarai nama mereka, Yang Berhormat tetapi ada.

*Point* yang kelapan iaitu dalam hal-hal autonomi ini, perkara *point* yang kelapan dalam 18 *points agreement* diutarakan ialah supaya memberi individu bijak pandai di Sarawak itu peluang bekerja atau memimpin dalam mana-mana jabatan yang penting baik dalam bertugas di Tanah Melayu, Semenanjung atau di Sarawak, pejabat-pejabat Persekutuan yang ada. Ini yang dipohon.

Perkara ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah bersetuju sangat kerana 13 permintaan itu, perkara inilah yang diutarakan juga. Akhir sekali ialah *point* yang ke-15 iaitu hal-hal pendidikan hal negeri. Ini yang dipersebutui sebelum kita menubuhkan Malaysia, bahawa hal-hal pendidikan harus diberikan pada Sarawak dan Sabah. Dalam hal ini, permintaan negeri Sarawak bahawa dalam tiga tahun yang akan datang ini, mulai tahun yang lepas dan sehingga tahun hadapan, jumlah guru di Sarawak 90 peratus daripada jumlah guru di Sarawak adalah orang tempatan. Jadi 10 peratus itu bolehlah dari Sabah ke atau dari Semenanjung. Ini satu permintaan.

Jadi dalam hal ini kita minta Kerajaan Persekutuan untuk mengambil berat dan menguruskan hal-hal ini supaya tempoh *target* sasaran yang telah ditentukan itu maka menjelang mungkin 2018, kebanyakan guru-guru yang mengajar di sekolah di Sarawak guru tempatan yang lebih memahami kebudayaan. Ini kerana...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah, Yang Berhormat?

**Datuk Lihan Jok:** Silakan, Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu kagum dan mengucapkan terima kasih, tahniah kepada Yang Berhormat Sarawak kerana telah dengan ikhlas, dengan jujur menerangkan peri pentingnya keharmonian di Sarawak. Bahkan saya cukup bersetuju bahawa Sarawak merupakan sebuah negeri yang cukup mengamalkan konsep perpaduan, integrasi keharmonian, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi mengatakan tadi, kalau boleh minta saya ke Sarawak.

Bahkan saya rasa, saya katakan tadi memang patut sebab untuk pengetahuan Yang Berhormat, keharmonian kita ini telah menjadikan satu perkara yang cukup dicemburui oleh kumpulan-kumpulan tertentu dan mereka berusaha untuk menghancurkan perpaduan di kalangan kita, Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Gerakan-gerakan ini merupakan gerakan yang sulit, yang orang tidak tahu. Saya hendak menjelaskan, pendeknya, saya hendak menjelaskan dengan terus-terang, Sabah, Sarawak, Semenanjung, perpaduan ini, ada gerakan yang ingin menghancurkan dan saya akan cuba menerangkan siapakah mereka, apakah strategi mereka, jika saya dibenarkan datang ke Sarawak sebelum PRU. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Suhaiimi bin Abdullah:** Minta penambahan penjelasan sedikit berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Tan Sri.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Mohd. Suhaiimi bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi persoalan Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam yang bertanya berhubung dengan senarai yang telah ditangkap, tidak dibenarkan masuk ke Sarawak. Jadi sekarang ini Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah akan ke Sarawak. Saya hendak bertanya juga, hendak minta penjelasan, adakah nama Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah juga ada dalam senarai itu?

#### ■1240

Sebab kita tidak tahu. Kalau saya contohnya dijemput untuk berceramah di sana, kita tidak tahu. Jadi, adakah senarai-senarai itu kerana kita kalau kita tengok perkembangan seminggu yang lepas apabila yang ditahan itu dalam keluarga kita, abang kita, adik kita yang sama-sama memperjuangkan benda yang sama tapi dia tahan. Tamparannya kita juga yang merasa. Tamparannya, presiden parti juga merasa. Jadi, adakah senarai itu supaya kita *be prepared*. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Mohd. Suhaiimi. Senarai itu saya memang secara jujur memang saya tidak- walaupun saya tahu memang kita sudah tahu beberapa orang sudah kita tahan di Airport Kuching dan minta balik. Untuk memastikan bahawa senarai Tan Sri itu ada, saya kurang pasti. Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaiimi, saya tidak boleh jawab. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua saya teruskan perkara *innovation* tadi.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** *[Bangun]*

**Datuk Lihan Jok:** Okey, pendidikan. Jadi kerana guru-guru yang datang dari Semenanjung, kurang memahami kebudayaan dan juga mereka ini cepat-cepat hendak balik. Oleh sebab yang demikian, terbantutlah kadang-kadang program pelajaran yang patut disambung dengan baik itu telah terbantut akibat guru yang tidak lama, guru yang sentiasa pindah. Jadi oleh sebab yang demikian hasrat untuk supaya 90 peratus daripada jumlah guru itu pada tahun 2017, kita minta supaya pihak kerajaan dapat urus ini dengan cepat-cepat.

Satu perkara yang berhubung dengan autonomi pendidikan ini ialah berhubung dengan sekolah Cina. Jadi yang banyak diperdebatkan atau banyak dipersoalkan, kenapa kelulusan sesetengah sijil tidak diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan. Contohnya iaitu *United Examination Certificate* (UEC). Kebanyakannya, semua yang mengambil sijil UEC ini, *United Examination Certificate* ini adalah kalau ikut pendirian ataupun tafsiran kita, itu memang Cina tetapi di Sarawak keadaannya berlainan. Kebanyakannya, 60 peratus contohnya di sebuah sekolah di dalam kawasan yang bernama SK Kee Tee. Seramai 60 peratus orang anak-anak sekolah yang pergi ke sekolah ini adalah dari masyarakat bumiputera. Yang Cina itu hanya 40 peratus. Demikian juga di tempat-tempat lain.

Jadi yang banyak mengambil *United Examination Certificate* ini bukan sahaja masyarakat Cina itu sendiri tetapi masyarakat Melayu, Bidayuh, Orang Ulu, Iban. Oleh sebab yang demikian, bila mana UEC ini tidak diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan, maka ini menimbulkan kesukaran untuk anak-anak sekolah yang telah mengikuti dan telah memiliki sijil ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat *tertiary education*.

Jadi oleh sebab yang demikian, dalam hal permintaan Sarawak supaya berautonomi dalam pendidikan ini, kerajaan memohon supaya di peringkat Persekutuan pun UEC ini boleh diiktirafkan.

Jadi, mana-mana komponen UEC ini yang mungkin melanggar kehendak tatacara pendidikan, oleh sebab ia tidak diiktiraf, kami mohon supaya perbincangan seterusnya supaya mungkin mata pelajaran ataupun *syllabus* di dalam beberapa subjek yang di dalam *certificate* ini mungkin melanggar dengan kehendak Kementerian Pendidikan. Jadi perlu perkara ini dibincangkan. Seterusnya dalam hal ini juga, UEC yang telah banyak dibincangkan di Sarawak dan juga dalam *wish list* 13 yang telah diajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara ini memang mempunyai masa untuk membuat keputusan.

Akan tetapi dalam hal ini kita mohon sejauh manakah perbincangan ini sudah dilakukan supaya keputusannya lebih kita ketahui, supaya baik pun keputusan itu negatif atau positif tetapi rakyat Sarawak berhak mendapat keputusan daripada kerajaan. Ini kerana ramai pemilik UEC ini ingin mengetahui masa depan mereka kerana perkara yang tidak diiktirafkan di peringkat Persekutuan menjadi masalah kepada pemilik sijil yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sedikit pembentangan saya berhubung dengan pilihan raya...

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Lihan Jok:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit. Boleh.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampak Yang Berhormat hendak habis ya, kerana kita ini hendak membuat dasar nanti saya hendak sentuh satu perkara iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Sarawak. Saya fikir yang ini tidak berapa cantiklah. Saya punya pandangan bahasa rasmi negara kita mesti Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris kita telah anggap sebagai bahasa kedua. Jadi kalau Sarawak hendak gunakan borang-borang kerajaan ada dalam bahasa Inggeris, saya fikir itu kita boleh *compromise* lah kerana kita lihat banyak juga jabatan kerajaan ataupun agensi swasta, bank pun saya tengok banyak lagi borang dia ada Bahasa Melayu, ada juga bahasa Inggeris.

Jadi macam kita di Semenanjung sudah tidak ada lagi gunakan bahasa Inggeris sebagai borang rasmi. Akan tetapi kalau Sarawak kalau nampak hendak, itu kita jadikan dia bahasa kedua. Sudah ada dalam dasar negara kita Bahasa Malaysia, bahasa rasmi. Bahasa Inggeris bahasa kedua. Jadi kalau macam itu nampak kita ini sama mendaulatkan Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa utama negara. Jadi saya fikir ini lebih baiklah daripada tiba-tiba Sarawak pula bahasa rasmi bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia pula sudah jadi bahasa kedua. Jadi tidak berapa elok bagi perpaduan negara kita.

Kedua, bagi cikgu perlu lebih ramai di Sarawak ini, saya memang sokonglah. Kita pun di Malaysia hadapi masalah, cikgu duka lara kerana ramai kahwin dengan orang Sarawak, jadi suaminya dekat Semenanjung, isteri dekat Sarawak. Jadi dia duka lara. Malam-malam bangun tengok, suami tidur seorang, isteri pun tidur seorang. Kalau duka nestapa yang susah Tuan Yang di-Pertua, nanti isteri bangun tidur seorang, bila suami bangun sudah ada seorang lagi sebelah dia. Jadi itu masalah juga.

Jadi saya sokonglah supaya guru-guru di Sarawak ini lebih ramai orang Sarawak. Kalau boleh orang Sarawak kahwin dengan orang Melaka ramai sikit, orang Johor kah. Cari guru-guru itu juga. Jadi saya Semenanjung tidak ada masalah, boleh pindahkan guru-guru wanita ini ke Sarawak, syarat kahwin dengan orang Sarawak lah ataupun Sarawak yang perempuan, kahwin pula orang Semenanjung lelaki. Jadi kita benarkan mereka ini berpindah ke Sarawak. Dengan cara itu pun baik juga untuk integrasi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memang setujulah, Sarawak ini memang patutlah kita bantu sebaik mungkin. Saya lihat ada parti-parti pembangkang mengambil kesempatan. Macam isu agama tadi, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah cakap, semua sudah tahu di Sarawak, Sabah, mereka yang beragama Kristian dia guna versi Indonesia.

Indonesia punya merdeka, satu bangsa satu negara, satu bahasa satu budaya, agama pilihlah apa suka. Akan tetapi kita di Malaysia bermula dari zaman Kerajaan Melaka dulu, orang Melayu itu mestalah beragama Islam.

■1250

Itu pakaian kita. Itulah sebabnya kita di Semenanjung ini, orang Melayu itu memang Islam. Kalau tak Islam, tak payah dipanggil Melayu. Sampai orang sebut masuk Melayu itu atau masuk Islam menjadi masuk Melayu. Sebenarnya masuk Islam, tetapi sudah jadi adat dari zaman Melaka dahulu. Akan tetapi tak sama di Sabah dan Sarawak, itu sebab di Sabah dan Sarawak digunakan Kitab Injil dari Indonesia dalam bahasa Melayu. Kebetulan bahasa Indonesia juga menggunakan Bahasa Melayu. Oleh sebab bahasa Indonesia itu asalnya juga daripada Bahasa Melayu, jadi disebut Allah, iman dan sebagainya.

Jadi, itulah jadi kebiasaan di Sarawak dan Sabah dan kita benarkan. Akan tetapi pihak pembangkang macam DAP, dia hendak cari modal politik, dia hendak gunakan pula versi Indonesia itu di Semenanjung. Ini yang menjadi isu politik. Sepatutnya benda ini tidak boleh lagi dipertikaikan kerana semua sudah faham. Jadi saya sokonglah kepada Yang Berhormat Sarawak, kawan dia orang dari Semenanjung yang jahat-jahat macam ini hendak merosakkan perpaduan kita, jangan benar mereka masuk Sarawak. Itu saya sokonglah kerana semua sudah ada caranya sendiri. Jadi kalau begini perkauman dilakukan, saya fikir tak habislah negara kita. Lama-lama kita boleh jadi bergaduh kerana isu-isu yang patut sudah selesai, tetapi dibangkit-bangkitkan semula.

Itulah sebabnya dunia tak aman Tuan Yang di-Pertua, sekarang. Dunia kecoh kerana orang hendak kedudukan kuasa, tetapi menganiaya orang ramai. Menganiaya mereka, mencucuk mereka, memfitnah mereka dan akhirnya manusia bergaduh sesama sendiri tanpa sebab-sebab wajar.

Oleh sebab itu saya melihat apa yang berlaku di Sarawak ini kerana banyak kegiatan pihak pembangkanglah terutamanya DAP sendirilah, macam-macam isu ditimbulkan. Saya percaya, sekarang dicucuk bahasa Inggeris pula. Dulu sudah Allah, sekarang bahasa Inggeris. Selepas ini esok, entah apa-apa lagi yang mereka akan menggunakan dan akhirnya kita sesama rakyat Malaysia akan berpecah. Kalau kita berpecah Tuan Yang di-Pertua, kita akan rugi. Mereka pihak luar hendak tengok juga Malaysia ini berpecah bukan? Kalau kita berpecah, siapakah hendak jaga keamanan kita? Nanti orang lain datang ambil kesempatan hendak jaga keamanan Semenanjung. Orang lain ambil kesempatan dan jaga keamanan Sabah dan Sarawak. Lama-lama kita di sini menjadi kawasan huru-hara yang tak tentu pasal seperti mana yang telah banyak berlaku di luar negara termasuk dulu di Yugoslavia. Sebuah negara yang besar, kalau kita ingat masa Tito. Sekali bergasak-bergasak, pecah kepada berbelas-belas buah negara dan berlaku pembunuhan yang ramai di Bosnia, *ethnic cleansing*.

Sampai hari ini orang-orang Bosnia dengan negara-negara lain yang Islam di sana dan bukan Islam bergaduh tak tentu fasal. Kita ada seminar antarabangsa minta pelaburan baru, yang bergaduh hendak baik balik tetapi semua takut. Katanya kalau hari ini kita labur, lagi lima tahun nampak aman, selepas itu gaduh balik.

Jadi kita patut melihat sejarah-sejarah buruk di seluruh dunia ini sebagai satu panduan kitalah supaya jangan mengulangi perkara-perkara yang tidak baik. Agar dijauhkan Allah SWT supaya ia berlaku di negara kita, harap keamanan ini patutlah kita hargai. Kita bersyukurlah apa yang telah kita peroleh sekarang dan kita ucap terima kasihlah pada Sarawak kerana rakyatnya sentiasa menyokong kerajaan pimpinan Barisan Nasional dan termasuk juga Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan bin Satem yang hari ini memimpin dengan baiknya. Saya doakan supaya BN berjaya dengan cemerlangnya dalam pilihan raya yang akan datang. Terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaaatuH*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila sambung Yang Berhormat.

**Datuk Lihan Jok:** Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Saya hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Lihan Jok:** Lahir pada tahun 1957 dan kalau ada seangkatan dengan saya dari Sarawaklah, saya berasib baik betul Tuan Yang di-Pertua, saya hidup dalam dua buah negara. Saya pernah hidup dalam sebuah negara yang bernama Sarawak dan selepas itu saya hidup dalam sebuah negara Malaysia. Jadi sebagai mempunyai dua *citizenship* yang serupa, saya melihat negara baru saya ini Malaysia, negara yang begitu baik yang boleh membawa harapan aspirasi anak cucu kita di seluruh negara. Baik suku apa pun, Malaysialah naungan kita. Demikianlah tekad Kerajaan Negeri Sarawak supaya Sarawak sentiasa tetap dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan demikian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput, ada tak Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, ada?... Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty?

#### 12.56 tgh.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan. Saya mengucapkan terima kasih atas ruang yang diberikan dalam masa yang terhad ini sebelum kita berhenti untuk membuat suatu respons kepada ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama, saya ingin menyentuh mengenai Titah Baginda mengenai kepentingan menjaga keamanan negara serta mengekang pengaruh militan yang telah menampakkan pengaruhnya di negara ini. Usaha Kementerian Dalam Negeri dan PDRM yang melakukan pelbagai usaha bagi menggagalkan sebarang percubaan untuk membuat keganasan di Malaysia sangat dialu-alukan oleh semua pihak yang prihatin terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan kestabilan negara. Mutakhir ini kita mendengar rakyat Malaysia ditahan kerana disyaki menyertai kumpulan ISIS. Namun, statistik penahanan yang tinggi tidak bermakna usaha kita mengekang militan sudah tercapai. Malahan, sepatutnya kita berfikir dengan mendalam apakah sebab-sebab mereka yang terdiri daripada golongan muda dan berpelajaran mudah terpengaruh dengan agenda ISIS yang terpesong daripada ajaran Islam yang suci.

Usaha pembanterasan keganasan di negeri ini tidak seharusnya dibebankan ke atas PDRM semata-mata, namun usaha-usaha tersebut perlu mendapat kerjasama yang sepenuhnya oleh semua agensi institusi pemerintah, NGO-NGO, badan-badan korporat, media dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Selanjutnya JAKIM, YADIM, IKIM dan jabatan-jabatan agama negeri sewajarnya telah pun siap sedia menawarkan modul-modul yang komprehensif dan efektif tentang kewajipan memahami konsep jihad yang kini telah disalah tafsir oleh kumpulan ISIS. Selain itu, modul-modul tersebut juga hendaklah mengupas salah faham tentang konsep negara Islam yang menjadi ideologi utama ISIS.

Dalam hubungan ini, karya-karya penting seperti Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi, tokoh ulama sedunia seperti *Fiqh-ul Jihad* dan *Feeqah Kenegaraan Islam* wajar dijadikan rujukan penting. Karya-karya tersebut boleh menyelesaikan banyak kekeliruan dan kekusutan pemikiran dalam masyarakat. Kita juga memerlukan kepakaran personaliti media sosial untuk berhadapan dengan kelicihan ISIS yang berjaya meluaskan pengaruhnya dalam media sosial. Inilah kelompok yang perlu diberikan latihan sosial media kerana khusus tentang memahami konsep jihad dan negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia perlu meneruskan lagi usaha memahami sindiket pemedagangan manusia. Ini dapat dianggap sebagai jenayah perhambaan zaman moden yang telah memberi nama buruk kepada negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jam pukul 1.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Jam pukul, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh ditangguhkan. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang dan Yang Berhormat akan sambung.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, sekarang kita sambung semula Majlis kita pada hari ini. Dr. Mohd Nor sudah habis?

**Seorang Ahli:** Sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat Datuk Chin Su Pin.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Saya belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum habis lagi?

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya tanya itu. Seterusnya, saya mempersilakan Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty untuk menyambung.

## 2.35 ptg.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Saya sambung semula atas ucapan yang telah ditangguhkan tengah hari tadi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia perlu meneruskan lagi usaha membasmi sindiket pemerdagangan manusia. Ini dapat dianggap sebagai jenayah perhambaan zaman moden yang telah memberi nama buruk kepada negara. Kebanyakan daripada mangsa pemerdagangan manusia adalah daripada kalangan pelarian yang melarikan diri daripada negara asal kerana takut dengan ancaman terhadap keselamatan nyawa, diri dan keluarga mereka.

Oleh yang demikian, mereka perlu dibezakan dengan imigran yang datang atas dasar pilihan untuk mencari kerja di negara ini. Namun, pelarian tidak ada pilihan lain selain mendapat perlindungan sementara di negara ketiga yang lebih aman. Kerajaan perlu juga memastikan pelarian di negara ini mendapat kebajikan yang sewajarnya atas dasar kemanusiaan. Kita wajar mempertimbangkan keperluan mereka mendapat pekerjaan dan peluang pendidikan kepada anak-anak mereka. Sekiranya mereka tidak bekerja atau bersekolah, saya cukup yakin mereka akan terjebak ke dalam kegiatan jenayah.

Malaysia melalui syarikat kebanggaannya Petronas, telah sentiasa menjadi salah sebuah syarikat terbesar di Asia dan sentiasa menjadi, dengan izin, *benchmark* dalam industri minyak dan gas asli. Namun, beberapa tahun kebelakangan ini harga minyak telah menurun dan simpanan minyak dunia pun sudah semakin berkurang kerana penggunaannya yang semakin meningkat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Selain itu, konflik di negara-negara pengeluar seperti di Timur Tengah merumitkan lagi pasaran keluaran minyak sedunia.

Kerajaan perlu menambah program pembudayaan rakyat terutamanya dalam mempromosikan aktiviti ekonomi yang merakyat. Barangkali sampai masanya untuk kerajaan memberi pelbagai insentif bantuan kewangan dan latihan keusahawanan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang baru bersara.

Bagi orang-orang muda pula, pendidikan keusahawanan perlu digalakkan sejak pendidikan kolej dan pengajian tinggi. Tentulah mereka perlu dibantu dalam memberi bantuan modal awal supaya mereka lebih yakin dalam memulakan perniagaan. Seperti kata pepatah, perjalanan yang jauh bermula dengan langkah pertama dan kerajaan sepatutnya membantu mereka dalam memulakan langkah pertama itu.

Saya cukup yakin bahawa untuk menjadi negara maju, rakyat kita perlu menjadi usahawan yang berani dalam mengambil risiko, bukan semata-mata bekerja di pejabat dan menunggu hari persaraan. Orientasi bekerja dalam sektor swasta wajar dipromosikan dengan lebih meluas. Dengan ini, pasaran pekerjaan akan lebih terjamin pada masa hadapan dan sekali gus pengangguran dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan rasa bimbang dengan kejatuhannya wang ringgit yang terburuk sejak krisis kewangan 1998. Meskipun pagi tadi kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas ucapan beliau yang menunjukkan ada sedikit peningkatan daripada segi kenaikan nilai mata wang Ringgit Malaysia.

Selanjutnya, rakyat juga mengalami kesengsaraan akibat daripada kejatuhan harga getah. Bebanan GST, kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang keperluan harian, kesukaran rakyat memilih rumah yang selesa kerana harga rumah yang terlalu mahal, kurangnya khidmat kesihatan yang berkualiti dan lain-lain aspek bebanan hidup.

#### ■1440

Kesemuanya itu telah menyebabkan kesenjangan pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Junjungan Muhammad SAW bersabda bahawa, "*Kefakiran hampir-hampir mencetuskan kekufuran*". Justeru, kerajaan seharusnya mengelakkan pembaziran dalam pengurusan wang negara serta melaksanakan projek-projek pembaziran seperti projek 1MDB yang telah menjadikan teruk imej negara kepada negara-negara luar.

Berhubung dengan saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya mutu pendidikan negara dipertingkatkan, saya ingin menyatakan rasa terperanjat kerana pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi untuk menamatkan kontrak profesor-profesor yang berumur lebih 60 tahun di IPTA semata-mata kerana gugatan krisis ekonomi negara yang sedang berlaku saat ini. Rasanya, langkah sedemikian merugikan masa hadapan pembangunan negara kerana berbanding dengan negara-negara maju, IPT awam di negara-negara tersebut sentiasa meraikan khidmat ilmu dan kepakaran ilmuwan yang sudah meningkat umur lebih 60 tahun. Semakin umur mereka bertambah, semakin dirasakan keperluan pengalaman keilmuan mereka untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Malangnya di Malaysia, pengalaman mereka tidak dihargai. Kita hendaklah ingat bahawa untuk mendapatkan seorang profesor yang terlatih, perlu melibatkan perbelanjaan yang besar dan masa yang lama.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan pemotongan beraswa JPA ke luar negara. Pemotongan ini merencatkan pendedahan keilmuan di negara luar yang selama ini menjadi salah satu nilai tambah kepada kekuatan modal insan di Malaysia.

Mutakhir ini, pertembungan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah semakin rancak. Ini adalah kerana undang-undang syariah bukan sekadar terhad kepada orang-orang Islam sahaja seperti yang kita fahami sebelum ini, namun ia juga memberi kesan tidak langsung kepada orang-orang bukan Islam seperti kes penceraian, penjagaan anak, pewarisan harta dan lain-lain. Saya fikir, sudah tiba masanya kita menggubal undang-undang terutamanya dalam kes kekeluargaan supaya memberi keadilan kepada semua pihak. Ini adalah penting supaya keharmonian beragama yang kukuh terus dipelihara.

Oleh sebab ia melibatkan kuasa agama di negeri-negeri dalam Persekutuan, maka jalan terbaik bagi mengelakkan konflik seumpama ini berterusan, dicadangkan supaya Majlis Raja-Raja Melayu menubuhkan sebuah suruhanjaya khas bagi menyelesaikan pertikaian antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Ini disebabkan dalam kes-kes yang kontroversi, sering kali keputusan di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil berbeza dan ini menyebabkan kegelisahan dan kekeliruan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya menyokong saranan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang jelas menunjukkan bahawa authority agama di negara ini hendaklah menguasai dengan mendalam keilmuan Islam supaya tidak dapat dipertikaikan sama sekali oleh pelbagai kelompok di dalam masyarakat Islam dan bukan Islam. Authority Islam di negara ini wajar diberi ruang yang seluas-luasnya untuk mendapat pendedahan dari para ilmuwan Muslim semasa di dalam dan di luar negara bahkan mereka tidak hanya perlu menguasai ilmu-ilmu naqli, dengan izin, *revealed knowledge* tetapi juga ilmu-ilmu aqli dengan izin, *rational sciences*. Kita yakin dengan penguasaan kedua-dua cabang ilmu tersebut, hujah-hujah yang dikeluarkan oleh authority Islam di Malaysia mempunyai kekuatan justifikasi yang dapat diterima kerana kekentalan fakta serta menandingi rasional yang selari dengan realiti semasa.

Sebagai permulaan, Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkilfi Mohamad Al-Bakri, Mufti Pulau Pinang, Sahibul Samahah Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor yang menerima kunjungan hormat daripada pemimpin-pemimpin Kristian dari negeri masing-masing ialah satu langkah terpuji yang boleh mengurangkan salah faham terhadap agama Islam dan lain-lain agama. Selain itu, bagi memurnikan percanggahan pemikiran Islam seperti yang sedang rancak berlaku saat ini di media sosial dan akbar bercetak, maka pihak berkuasa Islam di negeri ini wajar mengambil pendekatan dengan izin, *engagement* dengan pelbagai individu dan kelompok-kelompok yang kritikal. Kita kembali kepada pendekatan al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125 yang bermaksud, “*Serulah manusia ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang Maha Tahu tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk*”.

Akhir sekali, sesungguhnya, kita sebagai penggubal undang-undang di Dewan yang mulia ini mempunyai pertanggungjawaban yang berat di hadapan Allah SWT dan rakyat Malaysia untuk menyelamatkan negara ini sebagai sebuah negara yang mendapat limpahan nikmat yang tidak terhitung. Justeru, slogan ‘transformasi’ tidak mempunyai apa-apa makna seandainya tidak dilaksanakan dengan adil, telus dan amanah. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam*. Yang Berhormat, itu kali pertama Yang Berhormat berucap di Dewan ini, saya ucapkan syabas.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk menarik perhatian kepada semua Ahli Yang Berhormat, tolong bagi nama-nama yang ingin berucap dalam perbahasan Titah Diraja supaya senang saya membuat percaturan masa. Tanpa buang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

## 2.46 ptg.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut sama berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Mac 2016 di Dewan Rakyat. Kita bersyukur kerana Yang di-Pertuan Agong masih lagi diberi kesihatan yang baik untuk menyampaikan amanatnya kepada kita dalam mentadbir negara. Titah perasmian oleh Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai bidang dan isu semasa termasuklah politik, keselamatan, perpaduan kaum, ekonomi, pendidikan dan juga lain-lain lagi.

Pada hemat saya, apa juga yang telah dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, menuntut perhatian serius daripada kita. Seharusnya, semua daripada kita di dalam Dewan ini dapat sama-sama menghayati Titah Ucapan Seri Paduka Baginda dan sama-sama lah kita mengambil iktibar serta dijadikan pedoman untuk kita meneruskan tugas dan amanah kita sebagai Ahli Dewan Negara dan juga sebagai penggubal undang-undang di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama saya ingin berbahas adalah berkenaan dengan prestasi Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM. Tidak dapat dinafikan bahawa ramai pelajar cemerlang yang gagal mendapat Gred 'A' bagi mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia walaupun mereka mendapat keputusan yang cemerlang dan memperoleh gred tertinggi dalam mata pelajaran lain bagi tempoh sepuluh tahun ini. Menurut keputusan SPM 2015 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, peratusan Gred 'A' dalam mata pelajaran Bahasa Cina telah jatuh kepada 12.4 peratus daripada 18.3 peratus pada tahun 2014. Manakah pergi sekolah-sekolah yang mempunyai reputasi dan rekod prestasi yang menghasilkan keputusan cemerlang? Keputusan SPM Bahasa Cina kali ini adalah satu tamparan hebat kepada mereka.

Sebagai contoh, *Chong Hwa Independent High School* iaitu sekolah menengah Cina yang paling berprestij di negara ini, menurut guru besar sekolah tersebut, pelajar yang mendapat A+ dalam SPM Bahasa Cina hanya lima orang bagi SPM 2015 daripada 43 orang pada tahun 2014, dan mereka mendapat 'A' menjunam kepada 34 orang daripada 100 orang pada tahun yang sama.

#### ■1450

Dalam kertas Kesusastraan Cina SPM hanya seorang pelajar mendapat A+ berbanding 8 orang pelajar pada tahun 2014. Ini bukan sahaja yang paling rendah tetapi jauh sangat rendah. Satu perkara yang agak ganjil ialah ramai calon yang mendapat A+ dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris tetapi gagal mendapat A+ bagi Bahasa Cina yang sebenarnya merupakan bahasa ibunda dan bahasa yang paling dikuasai mereka. Ini sesuatu yang agak pelik.

Bahasa yang bukanlah bukan bahasa ibunda mereka, mereka boleh mendapat A+ tetapi untuk bahasa ibunda mereka, sukar untuk memperolehi A+. Jadi saya harap agar Lembaga Peperiksaan menerangkan dengan lebih terperinci isu serta kelemahan yang dihadapi pelajar dan janganlah terlalu *confidential* dan sebagainya kerana ia tidak akan menyelesaikan isu ini. Perlunya Lembaga Peperiksaan mengkaji semula gred yang dipakai selama ini dan lebih terbuka untuk mengadakan perbincangan dengan NGO dan persatuan-persatuan sekolah Cina bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita bangga dengan perwujudan sistem pendidikan bahasa Cina yang sempurna di luar negara seperti di China dan Taiwan. mengikut rekod, standard bahasa Cina di negara ini adalah di kedudukan keempat selepas negara China, Taiwan dan Hong Kong. Oleh yang demikian, prestasi yang mengecewakan akan menjadikan ramai calon SPM khususnya daripada keturunan Cina semakin ragu-ragu untuk mengambil kertas Bahasa Cina di peringkat SPM. Akibatnya saya khuatir suatu hari nanti guru ke SKJC juga akan terjejas akibat tidak ramai yang ambil bahasa Cina dan tidak layak untuk ambil bahasa Cina di institusi pengurusan.

Oleh itu saya mohon kementerian akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas ataupun bagi mengenal pasti sebab-sebabnya serta mencari langkah-langkah penyelesaian. Isu prestasi bahasa Cina ini sudah berdekad lamanya dan saya berharap pada akhirnya kerajaan akan dapat mencari jawapan kepada permasalahan ini.

Saya terus kepada isu sekolah Cina khasnya di Sabah. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kami kekurangan maklumat berkenaan segala peruntukan yang diberikan kerajaan pada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sabah. Akibat kekurangan data ini, kami agak sukar untuk mengemukakan cadangan kepada kementerian bagi menambahbaik mutu pendidikan serta fasiliti-fasiliti sekolah ini khasnya di Sabah.

Oleh yang demikian, saya mohon untuk diberikan data lengkap berkenaan peruntukan daripada kementerian kepada SRJK di seluruh negara dan khasnya di Sabah bagi tahun 2011 sehingga tahun 2016. Saya juga memohon agar diberikan maklumat berkenaan data peruntukan tahunan yang telah pun diluluskan bagi setiap tahun di SRJK di negeri Sabah dan peruntukan yang telah dipotong di SRJK di negeri ini. Saya juga ingin kementerian jelaskan secara terperinci syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian bagi setiap sekolah SRJK yang memohon peruntukan daripada kementerian dan jenis keutamaan permohonan peruntukan yang akan diluluskan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu bekalan RON97 di Sandakan, Sabah. Kali ini sahaja sudah masuk kali ketiga saya membahaskan isu ini di Dewan yang mulia ini. Bukan sahaja melalui perbahasan, saya juga telah menulis surat kepada Menteri, Timbalan Menteri dan KPDNKK dan juga MoF. Saya juga memohon untuk diadakan perjumpaan bersama Menteri Kewangan II bagi menyelesaikan isu ini. Akan tetapi masih gagal untuk berjumpa dengan beliau atas pelbagai alasan yang diberikan. Saya memahami bahawa jadual kerja beliau yang padat tetapi sebagai menteri yang bertanggungjawab, ambillah sedikit masa untuk mendengar masalah rakyat di Sandakan ini kerana isu ini telah berpanjangan bagi tempoh yang lama.

Saya amat kecewa dengan jawapan-jawapan yang diberikan kementerian ke atas cadangan saya untuk mengatasi masalah ini. Antara cadangan saya akan diberikan subsidi pengangkutan kepada pihak Shell terutamanya kepada pengusaha stesen minyak TNS Batu 8 Sabah bagi penjualan RON97. Cadangan kedua saya ialah Kementerian Kewangan tanpa mengurangkan duit kerajaan untuk mempertimbangkan pengenalan harga yang sedikit lebih tinggi dari harga pasaran iaitu penambahan 10 sen setiap liter bagi penjualan RON97 ini di Sandakan khas bagi menampung kos pengangkutan yang menjadi masalah dan alasan kepada pengusaha minyak di daerah ini.

Malangnya MoF selaku kementerian yang bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan ini menolak mentah-mentah cadangan ini atas pelbagai alasan tanpa memberikan sebarang alternatif lain untuk menyelesaikan isu ini. Oleh itu saya ingin Kementerian Kewangan jelaskan kepada saya apakah kaedah yang digunakan oleh stesen minyak di Semenanjung bagi memastikan bekalan RON97 di sini dapat diperolehi. Mengapa tiada sebarang aduan berkenaan kekurangan bekalan RON97 di Semenanjung? Apakah sebarang panduan atau kelulusan yang diberikan oleh kerajaan bagi memastikan bekalan sentiasa diperolehi di Semenanjung?

Saya selaku Senator dari Sabah ingin tegaskan di sini terutamanya kepada Kementerian Kewangan, rakyat Sabah sudah cukup kecewa dengan layanan tidak adil yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan selama ini. Mereka menganggap seolah-olah mereka dianaktirikan walaupun selama ini Sabah telah menyumbang dengan banyak kepada ekonomi Malaysia khasnya melalui hasil minyak dan gas dari negeri ini. Malangnya isu-isu rakyat Sabah yang seperti ini yang sebenarnya mudah untuk diselesaikan dibakulsampaikan begitu sahaja oleh kerajaan. Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa negeri Sabah tidak boleh kekal sebagai simpanan tetap Barisan Nasional sekiranya isu-isu rakyat seperti ini tidak dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu pekerja asing dan levi. Kita maklum bahawa pekerjaan 3D iaitu “dangerous”, “dirty”, dan “difficult” merupakan pekerjaan yang kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kita. Sebagai sebuah negara yang memerlukan pekerja sokongan, kita perlulah mengambil pekerja asing untuk menjadi buruh kasar dalam negara kita. Melalui penstrukturran bajet 2016 ataupun lebih dikenali dengan *recalibration* kerja melaksanakan program penggajian dan penempatan semula pendatang asing tanpa izin yang bekerja secara haram diberi permit kerja yang sah.

#### ■1500

Perkara ini bukan sahaja dapat memenuhi permintaan tenaga buruh kasar bahkan dapat mengelakkan PATI ini daripada penjenayah dalam negara kita. Isu ancaman kebanjiran PATI ini bukan sahaja berlaku dalam negara kita tetapi turut berlaku di negara-negara maju.

Ini disebabkan peluang pekerjaan dan daya tahan ekonomi sesebuah negara menjadi faktor penyebab kepada penghijrahan manusia ke satu-satu tempat sehingga golongan ini berani memasuki negara dengan halangan-halangan yang memungkinkan nyawa mereka tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa industri perladangan, pembinaan, pembuatan memerlukan lebih ramai tenaga kerja untuk memastikan kelangsungan industri ini dapat menyumbang kepada pendapatan negara. Oleh sebab itu usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menyusun semula pendatang asing tanpa izin ini merupakan langkah yang bijak dalam memastikan kita dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk membawa masuk pekerja asing dan menangkap golongan pendatang asing tanpa izin ini untuk dihantar pulang ke negara asal mereka.

Umum mengetahui bahawa kerajaan terpaksa berbelanja RM29 juta daripada Januari hingga Oktober 2015 untuk menanggung kos makanan pendatang asing tanpa izin dalam depot tahanan dan menghantar mereka pulang ke negara asal. Wang perbelanjaan RM29 juta ini seharusnya boleh diguna pakai untuk meningkatkan pembangunan sesuatu ataupun subsidi bantuan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan. Maka saya kira usaha untuk memberi peluang kepada pendatang asing tanpa izin yang berada di Malaysia untuk diberikan permit sah bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam mengurus permasalahan PATI tetapi mampu menyumbang kepada pertumbuhan industri yang memerlukan tenaga buruh kasar.

Maka kita lihat keperluan tenaga asing dalam negara kita tidak boleh dinafikan kerana keperluan ini bukan sahaja untuk merancakkan ekonomi negara tetapi untuk pembangunan negara yang akhirnya dinikmati oleh rakyat. Jadi saya mencadangkan di sini walaupun kita amat memerlukan pekerja asing untuk bekerja di negara kita, saya cadangkan supaya agensi-agensi yang bertugas untuk pengambilan-pengambilan pekerja ini mestilah diselaraskan dan kita mesti dapat makluman ataupun data-data yang terkini. Keperluan-keperluan daripada industri ini beberapa orang pekerja yang diperlukan supaya kita boleh diselaraskan pengambilan-pengambilan pekerja untuk negara ini.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji semula sistem levi yang dikenakan pekerja asing di negara kita khasnya kepada buruh-buruh asing ini dan menggunakan pakai sistem levi yang dilaksanakan oleh negara Singapura dalam mereka mengurus dan menyelesaikan isu pekerja asing di negara tersebut. Sistem levi yang digunakan pakai dalam negara tersebut bayaran secara bulanan dan dipotong terus ke dalam akaun syarikat. Akan tetapi, sekiranya pekerja tersebut telah berhenti bekerja di syarikat pada bulan tersebut potongan levi tidak akan dikenakan dan permit kerja pekerja tersebut juga akan terbatal.

Tuan Yang di-Pertua, industri-industri tempatan khasnya industri pembinaan di negara ini mengalami kerugian apabila terpaksa membayar levi yang banyak akibat daripada tindakan pekerja yang melarikan diri kerana levi yang dibayar adalah secara tahunan dan bukan bulanan. Bila mereka melarikan diri syarikat terpaksa mencari pekerja baru dan terpaksa membayar jumlah levi yang baru. Tidak sampai tiga bulan masalah yang sama berulang pekerja melarikan diri dan ia seperti tidak ada kesudahan.

Sistem levi di Singapura juga dilihat berkesan dalam mengawal dan memantau pergerakan pekerja asing tersebut dan pada masa yang sama syarikat swasta dan kerajaan dapat memainkan peranan bersama dalam mengekang isu pekerja asing tanpa permit di negara tersebut. Malah, mereka juga mewajibkan majikan untuk mencarum dalam *Skill Development Levy* yang mana semua kutipan SDL dikumpulkan dan disalurkan kepada tabung pembangunan kemahiran yang akan digunakan untuk menyokong program peningkatan tenaga kerja dan untuk menyediakan geran latihan kepada majikan apabila mereka hantar pekerja mereka menghadiri latihan di bawah pendidikan dan latihan berterusan di negara mereka.

SDL ini ditadbir oleh agensi pembangunan tenaga kerja Singapura. Saya percaya jika ini dilaksanakan di Malaysia Tuan Yang di-Pertua masalah-masalah yang berkaitan dengan pekerja asing di negara kita akan dapat diselesaikan.

Saya juga menggesa kerajaan akan memberikan peluang pekerja kepada pendatang tanpa izin khasnya di sektor-sektor 3D di Sabah kerana kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di Sabah membabitkan mereka adalah banyak berpunca kerana mereka tidak bekerja. Ini akan menambahkan masalah sosial di Sabah. Saya mencadangkan supaya diberikan sebuah kad identiti khas kepada mereka supaya proses pemantauan dan penguatkuasaan dalam dipermudahkan pada masa yang akan datang. Pada masa yang sama, majikan juga dapat menyumbang dalam membantu kerajaan mengatasi masalah pendatang tanpa izin di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah hampir setahun sejak GST dilaksanakan pada 1 April 2015 dan sedikit sebanyak kita boleh melihat kesan positif terhadap pendapatan negara. Tindakan berani walaupun ia tidak popular dengan penurunan harga mendadak minyak dunia ini secara tidak langsung memberi kesan kepada pendapatan negara. Bagaimana kerajaan hendak mentadbir Malaysia dengan baik sekiranya pendapatan kita adalah terhad. Hasil pendapatan daripada GST menjadi penampung bagi menutup kekurangan pendapatan yang dialami oleh kerajaan.

Sekiranya dan seandainya GST ini tidak ada dilaksanakan dan kita masih dengan sistem SST yang sebelum ini hasil negara akan berkurang sebanyak RM21 bilion. Jika dihalusi lagi kalau kita kekal dengan SST kutipan hanyalah sekitar RM18 bilion berbanding GST iaitu sebanyak RM39 bilion. Kekurangan sebanyak RM21 bilion yang ditampung oleh GST ini kerajaan gunakan semula bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik bagi kelestarian rakyat.

Cuba bayangkanlah jika kita tidak berani untuk melaksanakan GST tempoh hari pasti akan banyak tanah sama ada tanah pembangunan atau mengurus yang akan terkesan. Namun begitu saya percaya masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan GST sistem percukaian yang benar-benar lebih baik berbanding SST. Walaupun terdapat hampir 400 ribu buah syarikat yang berdaftar dengan GST dengan kadar patuh serahan atau *submission* mencapai lebih 90 peratus masih ada kelompongan yang boleh diperbaiki. Masih ada segelintir peniaga yang menaikkan harga barang dengan sesuka hati dan menggunakan GST sebagai alasan. Sikap buruk segelintir peniaga telah menyebabkan rakyat marah terhadap kerajaan. Kerajaan perlulah mencari kaedah terbaik bagi mengatasi masalah ini.

#### ■1510

Peniaga-peniaga yang bersikap seperti ini tidak boleh di biarkan berleluasa. Tindakan yang lebih tegas perlulah dikenakan kepada mereka jika semasa awal-awal pelaksanaan GST tempoh hari, kerajaan banyak menjalankan program-program penerangan bagi menjelaskan apa itu tentang GST, bagaimana GST berfungsi dan sebagainya. Saya merasakan program-program seperti harus di teruskan, namun dibuat dari sudut yang berbeza khasnya program penerangan khusus kepada orang awam mengenai kaedah-kaedah mengesan penipuan yang dilakukan oleh peniaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang kah lagi? Sedikit lagi.

**Datuk Chin Su Phin:** Ramai sebenarnya orang awam yang tidak tahu kaedah pengiraan dan pelaksanaan GST. Oleh sebab itu, jika peniaga memberikan alasan harga barang naik kerana GST, mereka menerima dengan bulat-bulat dan akhirnya menyalahkan kerajaan. Jika ramai orang awam yang tahu kaedah-kaedah untuk mengesan penipuan GST, saya yakin peniaga pasti akan berfikir berpuluhan kali untuk menipu, mereka ini sekali gus secara tidak langsung akan menjadi agen tidak rasmi kerajaan dalam memantau GST.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus menerima hakikat bahawa Malaysia kini berdepan dengan cabaran yang amat besar dalam pelbagai aspek seperti kewangan, keselamatan sosial, perpaduan menerusi persepsi dan politik, oleh yang demikian saya memohon agar kita berganding bahu merapatkan barisan dan bekerja sama dengan barisan kepimpinan sedia ada bagi menghadapi cabaran-cabaran ini. Sekaligus menjadi Malaysia sebagai sebuah yang dihormati dan dikenali di mata dunia. Oleh itu, saya mohon menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas.

### 3.12 ptg.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Selepas itu Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng sila berada dalam dewan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berbahas menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan Titah Ucapan yang penuh bermakna di Dewan yang mulia ini.

Titah ucapan tuanku merangkumi banyak perkara, meliputi pelbagai usaha kerajaan untuk memajukan negara di samping menyentuh beberapa perkara yang perlu dimantapkan lagi demi kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan rakyat jelata. Sesungguhnya apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu perlu diberi perhatian khusus yang sewajarnya kerana tempoh untuk mencapai wawasan 2020 bagi menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi, hanya tinggal lebih kurang empat tahun sahaja lagi.

Dalam tempoh masa yang singkat ini, terlalu banyak cabaran yang terpaksa diharungi oleh negara terutama dalam iklim ekonomi global yang tidak menentu dan tahap keselamatan yang agakmengancam. Tidak kurang juga pergeseran politik yang memberi kesan terhadap kestabilan politik dan perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat sekalian supaya kita sama-sama mengetepikan segala perselisihan politik yang negatif agar kita dapat bersama-sama berganding bahu memantapkan negara bagi mencapai objektif Wawasan 2020 yang telah ditetapkan. Saya melihat negara kita sekarang telah diserang secara langsung dan tidak langsung dengan pelbagai cara baik dari sudut ekonomi, sosial dan politik.

Tidak kurang juga ancaman serangan pengganas dan juga ancaman bencana alam yang semakin ketara akhir-akhir ini. Jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas, pada waktu ini negara kita sudah mengalami tekanan yang begitu hebat apabila ada usaha secara serius oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi dengan meminta campur tangan asing, menyingkirkan Perdana Menteri dan kerajaan yang sedia ada.

Peliknya individu yang hendak menjatuhkan pemimpin dan kerajaan kita secara demikian adalah orang yang pernah menjadi Perdana Menteri pada satu ketika dahulu. Pada zaman itu beliau telah melarang rakyat Malaysia daripada meminta kerajaan atau pihak asing daripada campur tangan dalam hal ehwal Malaysia sehingga sanggup mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang ingkar. Bukti pada waktu itu, ramai yang telah dipenjarakan di bawah undang-undang ISA. Saya amat malu dengan pemimpin sedemikian kerana tindakan beliau itu telah menjatuhkan maruah bangsa, agama dan negara. Inilah pemikiran orang yang terlalu taksub dan masih gila kepada kuasa sehingga sanggup berbuat demikian apa sahaja demi memuaskan hati dan nafsu mereka yang rakus walaupun terpaksa menggadai maruah bangsa dan negara.

Negara kita sekarang sudah hampir sampai ke puncak kejayaan sebagai sebuah negara maju. Oleh itu janganlah kita biarkan negara kita didedah kepada kelemahan yang boleh digunakan oleh pihak luar untuk menghancur dan memecahbelahkan kita apa pun ke tidak fahaman dan percanggahan pendapat hendaklah diselesaikan secara demokratik berlandaskan kepada undang-undang dan Perlembagaan Negara, yang penting sekali perpaduan dan sifat toleransi yang menjadi teras kejayaan negara selama ini hendaklah terus dipupuk dan dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh soal apa yang sahabat kita dari Sabah bentangkan tadi iaitu soal pekerja asing. Saya melihat persoalan ini, persoalan masa kini dan mendatang ialah untung nasib rakyat Malaysia dalam industri pekerjaan yang dilihat semakin mendesak dalam suasana ekonomi global yang mengucup, akibatnya tempias turut terkesan pada peringkat domestik dengan pelbagai cabaran susulan daripada pendapatan negara yang berkurangan disebabkan kejatuhan harga minyak, komoditi dan nilai Ringgit.

Syukur *alhamdulillah*, kerajaan baru-baru ini telah membatalkan hasrat untuk mengambil 1.5 juta orang pekerja daripada Bangladesh bagi mengisi permintaan pekerja asing yang mendesak. Namun begitu, masih ramai pekerja asing yang bekerja di Malaysia yang dianggarkan seramai 6.7 juta yang telah mencari rezeki dalam pelbagai sektor pekerjaan. Ini bermaksud jumlah yang ada sekarang bersamaan dengan 22 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Bilangan ini akan bertambah jika kemasukan secara haram pendatang asing tidak dibendung dengan sewajarnya oleh pihak berkuasa.

Isunya kehadiran sebegini ramai pekerja asing telah mencetuskan perasaan bimbang di kalangan rakyat, bukan sahaja akan menjelaskan peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, malah mereka ini mampu menguasai ekonomi sekiranya terus diberi peluang. Selain itu, mereka juga menikmati pelbagai bentuk subsidi dan kemudahan yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat Malaysia sendiri. Malah ada yang berpendapat jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, bilangan pekerja asing ini akan terus bercambah sebagai cendawan selepas hujan sehingga sukar untuk dikawal lagi. Jadi tidak mustahil pada suatu hari kelak pekerja rakyat asing akan monopoli kebanyakan sektor pekerjaan di negara ini.

#### ■1520

Akhirnya, kerajaan akan berdepan dengan pelbagai masalah yang dibawa oleh pekerja rakyat asing ini sehingga kek ekonomi dan sosial yang sepatutnya dinikmati oleh warganegara Malaysia akan di songlap oleh rakyat asing. Bukan sahaja setakat itu, malah apabila telah lama berada di Malaysia, mereka ini akan mula membuat pelbagai kerensah dan onar dengan menuntut hak politik, ekonomi dan sosial. Ini termasuk juga mengganggu gugat tahap keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita. Akibatnya, imej negara akan tercemar dan kerajaan akan disifatkan sebagai lemah.

Tuan Yang di-Pertua, soal pekerja asing saya rasa tidak kunjung padam. Ia terkesan, amat terkesan terutama di dalam Parlimen saya. Soal pokok ini telah saya bawa di Dewan ini beberapa kali. Akan tetapi tidak pernah diambil tindakan atau sebagainya sebab semakin hari semakin lama semakin kita melihat bahawa keadaan itu masih lagi, malah bertambah buruk, Tuan Yang di-Pertua.

Di kawasan Parlimen Batu ada pasar borong iaitu Pasar Borong Selayang, tempat orang berniaga ikan, sayur dan buah-buahan. Kalau kita pergi ke negara luar, kita pergi ke negara Singapura sahaja, kita tidak payah pergi ke Jerman, kita tidak payah pergi ke London, kita tidak payah pergi ke negara-negara maju. Kita pergi ke negara jiran kita Singapura. Kita lihat pasar borong mereka jauh berbeza dengan pasar borong kita. Pasar borong kita dimonopoli oleh warga asing. Pasar borong kita suatu ketika dulu pada tahun 70-an, saya adalah antara orang yang bekerja di pasar borong pada waktu itu, rakyat Malaysia, anak tempatan.

Akan tetapi pada hari ini kita masuk ke pasar borong, kadang-kadang kita takut Tuan Yang di-Pertua. Kita bimbang dengan keadaan hari ini. Baru-baru ini ada kes tembak-menembak antara Myanmar dan Bangladesh, antara Myanmar dan India. Dia macam harimau hendak berebut kawasan, Tuan Yang di-Pertua, kawasan berniaga. Kalau kita biarkan keadaan ini berlarutan, yakinlah, percayalah, akhirnya pasar borong menjadi tempat segala masalah sosial. Segala masalah yang kita tidak ingin akan berlaku, akan berpunca di situ. Orang-orang Myanmar berselindung di bawah UNHCR. Saya pun tidak fahamlah. Berlindung.

Semua negara lain yang tidak terima, yang datang melalui kapal laut, bot, tongkang dan sebagainya, datang melalui Bukit Kayu Hitam, yang tidak ada tempat untuk bekerja, dilonggokkan di pasar borong. Apakah hendak jadi? Apakah hendak jadi Tuan Yang di-Pertua?

Kalau Tuan Yang di-Pertua pergi hari ini ke pasar borong pada pukul 1 pagi sampai ke pukul 5 pagi, Ya Allah! Kita pun takut. Depa berniaga tepi jalan, depa meniaga ada gerai dalam pasar borong pun disewakan oleh masyarakat tempatan kepada warga asing termasuklah Myanmar. Ini harus diambil tindakan segera oleh pihak yang berwajib.

Jangan biarkan ia terus berlarutan sampai bila-bila. Sebab pasar borong juga ialah imej negara kita. Imej tempat rakyat kita, tempat orang Melayu, orang Islam, orang Cina, orang India untuk membeli barang-barang yang segar di situ. Kalau itulah berlaku, Ya Allah! Kalau kita masuk di *parking* kereta itu Tuan Yang di-Pertua saya hendak beritahu, puaku-puak Myanmar ini dia makan sirih, makan buah pinang apa semua ini, dia pakai sebut “chic”, “chic”, begitu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa itu Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Macam kadang-kadang kalau kita lalu pun betis kita pun di semburnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dipercikkan itu apa Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tidak tahulah, saya pun tidak tahu. Ikut mulut itu “chup”, “chup”, merah, habis jalan. Tepi-tepi parit, tepi-tepi jalan itu habis merah dengan air sirih dia. Jadi inilah yang harus dibendung. Bagi saya, soal keselamatan menjadi pokok utama untuk kita menjaga rakyat negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Dari sudut ekonomi, kehadiran pekerja asing telah menyumbang kepada masalah pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan. Mengikut statistik yang diberi oleh Kementerian Sumber Manusia, terdapat 400,000 orang penganggur dewasa ini yang memerlukan pembelaan. Sikap sesetengah majikan yang lebih mengutamakan pekerja asing berbanding pekerja tempatan telah menyebabkan kenapa masalah ini tidak dapat diselesaikan. Keadaan bertambah rumit lagi apabila pekerja tempatan mempunyai sikap yang suka memilih pekerjaan dan menuntut gaji yang lebih tinggi disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Jadi, siapakah yang hendak kita salahkan? Oleh itu, sudah tiba masanya Malaysia mencontohi negara-negara maju seperti Jepun, Jerman, Korea Selatan dan Amerika Syarikat dengan beralih kepada teknologi mesin bagi menggantikan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Saya ingat lagi dalam perbahasan yang lalu, ada rakan kita dalam kalangan Yang Berhormat berhenti di stesen minyak, yang jaga kaunter pun orang Bangladesh. Betul atau tidak? Kalau kita berhenti di stesen minyak di sepanjang jalan dari Seremban ke Kuala Lumpur, ke Kuala Lumpur ke Seremban - sebab saya duduk di Seremban, sebab tidak jauh lebih dari itu. Kita berhenti di stesen Shell kah, kita berhenti di stesen Petronas kah, yang tuang minyak, sudah tentu Bangladesh. Akan tetapi yang menjadi masalahnya, di kaunter pun dalam kalangan pendatang asing dalam kalangan orang luar. Sepatutnya ia dipenuhi oleh rakyat tempatan, warga tempatan. Kita kena beri peluang kepada warga tempatan. Janganlah kerana gaji yang begitu rendah yang boleh kita gajikan kepada warga asing, kita tinggalkan warga tempatan. Ini perkara yang harus diberi perhatian, dikaji semula...  
[Disampuk]

Apa dia? Saya kena ganggu ini payah sikitlah. Jadi, inilah perkara-perkara yang harus diambil berat, diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan yang berwajib. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 telah menambah baik gaji minimum yang dinikmati oleh pekerja swasta daripada RM900 kepada RM1,000 sebulan bagi pekerja di Semenanjung. Manakala di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dinaikkan kepada RM920 sebulan. Ini bermakna, pekerja asing turut menikmati gaji minimum kadar baru yang ditetapkan oleh kerajaan. Namun pada hakikatnya, pekerja asing dalam sesetengah sektor seperti dalam sektor pembinaan, gaji yang diterima mereka lebih tinggi daripada gaji minimum yang diterima oleh pekerja tempatan.

Sebelum ini diberitakan kerajaan Indonesia telah memohon kepada kerajaan Malaysia supaya menaikkan gaji minimum pembantu rumah dari negara tersebut kepada RM1,200 sebulan. Jadi, adakah setimpal jika pembantu rumah Indonesia diberi gaji melebihi daripada gaji minimum yang diterima oleh pekerja tempatan?

Bayangkanlah, jika semua pekerja asing seramai 6.7 juta ingin menghantar balik wang pendapatan mereka ke negara asal mereka, sudah pasti tindakan ini akan merugikan negara kerana wang gaji yang diterima oleh pekerja asing tidak dibelanjakan semula ke dalam negara kita.

Menurut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Parlimen dalam sesi soal jawab pada 16 Mac 2016, sebanyak RM34.75 bilion telah dihantar balik oleh pekerja asing ke negara asal setakat bulan Disember 2015.

#### ■1530

Peningkatan 23.2 peratus dari tahun 2014 yang berjumlah RM28.21 bilion. Peningkatan yang ketara jika dibandingkan dari tahun-tahun sebelumnya. Tuan Yang di-Pertua, mengikut kaji selidik yang dilakukan oleh kerajaan, pekerja asing telah menghantar balik 80 peratus daripada hasil gaji mereka. Persoalannya, adakah langkah membenarkan pekerja asing membawa keluar wang pendapatan mereka itu satu tindakan yang menguntungkan negara?

Setelah kerajaan bermati-matian berusaha untuk merangsang ekonomi domestik kesan daripada eksport Malaysia yang semakin menyusut, maka sudah sampai masanya satu mekanisme baru diperkenalkan bagi membolehkan kerajaan mengawal pengaliran keluar wang oleh pekerja asing ke negara asal, model tabungan pekerja seperti yang dilakukan oleh Wang Simpanan Pusat Singapura satu contoh yang boleh dipelajari. Dari sudut lain, ramai pekerja asing yang masuk sebagai buruh kasar tetapi kemudiannya mempunyai perniagaan sendiri sehingga ada yang mengusahakan kedai runcit, penjaja pasar malam, restoran dan pemandu teksi. Lawatilah kawasan seperti Chow Kit, Pasar Datuk Keramat, pasar borong yang saya katakan tadi, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling di Kuala Lumpur. Kita boleh berjumpa ramai tauke rakyat asing di situ.

Yang nyata, pekerja asing yang datang bekerja ke Malaysia mempunyai hasrat yang lebih tinggi. Mereka tidak mahu selama-lamanya menjadi buruh. Akibatnya tindakan mereka ini telah menjelaskan perniagaan peniaga-peniaga tempatan dan menutup peluang bagi usahawan baru. Ada kemungkinan tindakan peniaga asing yang tidak berdaftar ini boleh menjelaskan usaha kerajaan yang mahu memperkasakan agenda bumiputera seperti yang dicanangkan dalam Bajet 2016. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan melaporkan kerugian sebanyak RM30.47 juta disebabkan keengganan pesakit menjelaskan bil perubatan. Kebanyakan 58 peratus hutang tertunggak yang tidak dijelaskan rakyat asing, akhirnya kerajaan juga yang terpaksa menanggung kerugian ini. Dalam Bajet 2016, kerajaan telah menetapkan supaya caj penuh rawatan bagi rakyat asing akan dikenakan bermula pada 1 Januari 2016. Namun begitu, langkah ini masih membolehkan rakyat asing mengelak diri daripada menjelaskan kos rawatan.

Oleh itu disarankan supaya kerajaan menetapkan syarat supaya semua rakyat asing yang ingin mendapat rawatan di hospital dan klinik kerajaan diwajibkan mempunyai perlindungan insurans perubatan terlebih dahulu. Tidak dinafikan bahawa pengambilan pekerja asing amat penting untuk membangunkan dan mengembangkan ekonomi negara tetapi proses pengambilan ini perlu diurus dan diawasi dengan baik agar rakyat sendiri tidak diabaikan. Janganlah mengambil pekerja asing secara semberono semata-mata untuk menjana keuntungan sahaja.

Sudah tiba masanya kita memilih pekerja yang berpengetahuan, mahir dan berpengalaman yang boleh memberi impak yang besar kepada ekonomi pembangunan negara. "Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kehausan." Inilah yang terjadi hari ini Yang Berhormat sekalian. Persoalan besar yang ingin diutarakan ialah sehingga bila negara perlu bergantung pada pekerja asing dengan pertambahan jumlah penduduk dan bilangan penganggur yang semakin meningkat terutamanya di kalangan belia dan siswazah. Sudah tiba masanya kerajaan mengkaji semula dasar pengambilan pekerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang hendak saya bawa ialah ini soal rakyat. Saya hendak menceritakan sedikit tentang penderitaan pemandu teksi. Di sini saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu dan masalah yang menyelubungi pemandu teksi negara yang dilihat sebagai macam tiada penghujungnya.

Meskipun Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ditubuhkan sejak enam tahun yang lalu, maka ketika ini terdapat 39,000 orang pemandu teksi di sekitar Lembah Klang dengan kira-kira 75 peratus daripada mereka memandu secara menyewa permit milik syarikat teksi manakala selebihnya menggunakan permit sendiri. Antara masalah utama pemandu teksi yang dihadapi sekarang ialah isu berhubung kereta sapu profesional ataupun *Grab Car* dan *UBER* yang secara jelas beroperasi sebagai pengangkutan awam tanpa permit dan lesen memandu kenderaan awam.

Selain daripada itu, operasi kereta sapu ini juga boleh mendatangkan risiko besar kepada penumpang kerana mereka mengangut penumpang tanpa perlindungan insurans. Kegiatan mereka ini jelas melanggar Akta Pengangkutan Awam 2010. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyediakan ialah kalau kita perlu ke luar, pergi ke Australia. Sahabat kita ini pernah pergi ke Australia, selalu pergi ke Australia. Kalau pergi ke US, kalau pergi ke London, Tan Sri bawa saya ke London, terima kasih. Terima kasih. Jasa mu dikenang sampai bila-bila.

**Seorang Ahli:** Hendak pergi lagi kah?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Kalau boleh. Apabila kita dapat teksi di luar negara, kita naik sebagai penumpang teksi. Setiap pemandu teksi yang bawa kita ke lokasi-lokasi yang hendak kita pergi, pemandu teksi tidak pernah menceritakan tentang keburukan negara mereka sendiri. Betul ataupun tidak?

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Dia tidak pernah bercakap tentang keburukan Perdana Menteri beliau, beliau tidak pernah bercakap tentang keburukan negara beliau, tidak pernah. Hanya mereka bercakap kalau kita tanya keindahan negara mereka. Itu yang kita peroleh, tidak seperti di Malaysia. Hari ini saya harap MOT kena ambil tindakanlah sedikit, kena beri perhatian. Kita tahan teksi, kita naik teksi. Saya pun selalu naik teksi, sahaja seronok-seronok hendak naik teksi malam-malam. Duduk sahaja, *driver* teksi yang memulakan cerita, kita tak tanya pun. “*Oh! Susahlah, banyak susahlah sekarang ini!*” “*Kenapa?*” “*Susahlah, kerajaan zalimlah, kerajaan tidak betullah*”, macam-macam yang dia mencaci kerajaan. Dia pemandu teksi yang dapat permit daripada kerajaan. Ini harus dilihat secara jelas, harus diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berwajib supaya jangan sewenang-wenangnya. Saya tidak nafikan ada juga pemandu teksi yang berhemah, yang baik, ada. Bukan tidak ada, bukan semua pemandu teksi di Kuala Lumpur, di Lembah Klang ini bersikap sedemikian tetapi yang segelintir inilah yang membuatkan negara kita jadi keadaan yang memburukkan negara kita di mata dunia.

Bayangkan kalau orang luar, musim sekarang ini musim pameran DSA. Banyak orang luar, banyak Mat Saleh, banyak orang luar datang. Kalau naik teksi, *driver* teksi mencemuh kerajaan kita, mencemuh negara kita, apakah akan jadi? Apakah akan jadi? Jadi inilah perkara-perkara yang juga yang harus diberi perhatian yang khusus kepada kementerian, daripada kementerian supaya panggil *driver* teksi ni, *educate* mereka. Kalau terpaksa beri kursus, hantar kursus, berilah mereka kursus. Jangan hendak salahkan kerajaan kerana pendapatan tidak seberapa, jangan hendak salahkan Perdana Menteri. Awak pemandu teksi, pandu teksi sahajalah. Ini masalah-masalah yang dihadapi hari ini. Banyak rungutan daripada rakan-rakan saya di luar sana supaya boleh sedikit beri penjelasan ataupun panggil *drivers* teksi ini, buat satu kursus dan sebagainya, *educate* mereka.

#### ■1540

Supaya mereka tahu ke mana dan sebab apa diberi kursus dan sebagainya kerana untuk menjelaskan kepada negara luar. Kalau ada orang-orang luar bahawa negara kita tidak seperti yang di gembar-gemburkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, langkah membenarkan kereta sapu profesional ini bergerak secara haram telah menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan pemandu teksi sebenarnya. Ini kerana pendapatan mereka terjejas teruk disebabkan oleh ramai yang beralih minat untuk menaiki kereta sapu ini daripada menaiki kereta biasa. Ini pun satu masalah, yang tidak ada masalah kenapa timbulkan masalah.

Kenapakah perlu wujudkan lagi teksi sapu ini? Teksi sapu ini sudah lama sudah tidak ada. Zaman dahulu sahaja ada teksi sapu ini, zaman sekarang zaman moden ini sudah tidak ada sudah teksi sapu. Kenapakah kementerian membenarkan lagi teksi sapu ini bergerak daripada LRT stesen kereta api ke tempat-tempat yang hendak dituju? Tidak perlu.

Kalau kita tengok beberapa hari yang lepas, beberapa bulan yang lepas, minggu yang lepas drebar teksi ini mogok dalam bandar kita. Mogok di Kuala Lumpur kerana tidak berpuas hati SPAD ataupun kementerian membenarkan teksi sapu ini beroperasi. Ini sudah tentu menjelaskan pendapatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ada jugalah lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pergi ke *point* yang seterusnya.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Akan tetapi patutnya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Hari ini 18 [Ketawa] Sampai 24 hari bulan ada enam hari lagi lebih kurang dan Tuan Yang di-Pertua akan meninggalkan kita. Kita merasa sedih dan sayu sebenarnya dengan kehilangan seorang tokoh yang sangat berwibawa [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan buang masa Yang Berhormat saya benarkan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang sukar kita cari ganti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat sila, sila.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya saya hendak sebut masalah-masalah di kawasan saya. Kalau saya tidak sebut saya tidak berbicara soal kawasan rakyat jelata kawasan saya melihat saya. Kenapa harus perjuangkan soal nasional sedangkan di Bahagian Batu sendiri tidak pernah ada pembelaan.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Boleh saya mencelah?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat ada kawasankah? [Ketawa]

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya Ketua UMNO Bahagian Batu. Walaupun saya bukan wakil rakyat pilihan rakyat hanya pilihan Presiden Parti, saya juga bertanggungjawab merasakan Parlimen Batu kawasan saya [Tepuk] Tidak salahkan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat teruskan, teruskan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Jadi saya kena berbicara, saya kena bercakap soal kawasan saya. Di kawasan saya ada tujuh buah kawasan PPR. Tuhulah masyarakat PPR, sewa rumah PPR RM124 sebulan. Ada yang bayar sewa ada yang tidak, satu. Akan tetapi bukan itu soalnya, bukan itu yang saya hendak bercakap hari ini tetapi soal-soal keselamatan di kawasan rumah PPR. Soal-soal penagihan dadah yang berleluasa di rumah PPR. Baru-baru ini masalah sosial yang begitu tidak boleh dikawal.

Baru-baru ini ada keluar dalam *Utusan Malaysia* bahawa mengatakan kawasan rumah PPR Beringin salah sebuah tempat sarang penagih dadah dan sarang penjualan dadah. Apabila saya turun ke bawah saya akui tetapi yang menjadi persoalannya kenapa tidak ambil tindakan?

Kenapa penguatkuasaan sudah tahu, sudah keluar *paper*, sudah keluar berita, kenapa tidak ambil tindakan tentang unsur-unsur jenayah ini di kawasan tersebut. Ini mengecewakan saya.

Kita walaupun kawasan Parlimen Batu tidaklah seperti kawasan Johor yang maju, yang mungkin bersebelahan berjiran dengan Singapura. Kawasan Batu walaupun di bandar, di kota raya Tuan Yang di-Pertua tetapi penduduknya boleh dikatakan *medium class*. Tidak susah mana dan tidak senang mana. Penduduk PPR kebanyakannya datangnya dari setinggan. Saya tidak hendak mengatakan bahawa mereka adalah *low class*, bukan? Akan tetapi mentaliti mereka jauh berbeza dengan kita. Mereka biasa duduk di setinggan, cara bercampur mereka agak berbeza dengan kita. Kita lihat anak-anak mereka hari ini macam tidak ada kawalan. Baru-baru ini ada seorang kena tangkap. Emak keluarga dia datang jumpa saya minta tolong sayabebaskan. Mana boleh, kes jenayah. Kalau minta tolong anak masuk sekolah boleh saya jumpa Menteri. Kalau hendak lepas kes dadah mana boleh saya bantu. Saya kata saya tidak mampu dan akhirnya dijamin dibebaskan dengan ikat jamin.

Akan tetapi apa yang menyediakan saya hendak beritahu di dalam Dewan yang mulia ini. Apabila budak itu keluar sahaja dan berjumpa dengan taikun-taikun di sana, *pusher-pushers* di sana, pengedar-pengedar di sana budak itu dikenakan *warning*. “*Kalau engkau cakap, kalau engkau pecah tembelang, kamu hendak parang ataupun kamu hendak pistol?*” Ini masalah. Jadi kalau kita biarkan pihak berkusa tidak mengambil tanggungjawab dalam soal ini sudah tentu ia akan berterusan sampai bila-bila. Jadi saya harap Kementerian Dalam Negeri tengok sahaja, kena tengok dan kena ambil tindakan. Bukan sahaja di PPR Beringin malah kebanyakannya PPR di Wilayah Persekutuan ini juga saya yakin dan percaya menjadi pusat pengedaran utama dadah di Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi kena ambil tindakan segeralah.

Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua di atas mungkin ada keterlanjuran saya. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih banyak-banyak sekian lama telah memberi tunjuk ajar kepada saya dan kepada rakan-rakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mcelah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Boleh Puan Hajah Khairiah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin sangat tertarik tadi dengan ucapan berkait dengan masalah di perumahan PPR. Cumanya apa yang disebut tadi adalah berkait dengan Kementerian Dalam Negeri tetapi saya rasa pihak yang sangat relevan dengan isu di PPR Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan keluarga sendiri. Perlu memainkan peranan dan membina pusat-pusat komuniti ataupun pusat-pusat transit untuk anak-anak kecil supaya masalah keluarga mereka ini tidak diwarisi. Jadi saya kira peranan yang lebih besar di PPR ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Bukan setakat jangka pendeknya Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Soal dadah saya kira bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri malah dia melibatkan rumah PPR Bandar Raya juga ada terkait. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun ada juga terkait, AADK juga kena bertanggungjawab, kena mengambil tindakan.

#### ■1550

Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi akhirnya dan akhirnya sekali lagilah saya mengulangi kata-kata saya bahawa sejak saya bermula 7 hari bulan Oktober 2013 bersama dengan Datuk Megat, bersama dengan Datuk Khairuddin, Tan Sri Ali datang ke Parlimen, masuk Parlimen. Hari pertama saya melihat muka Tan Sri Abu Zahar, Tan Sri Speaker dan tidak ada orang lain yang sekian lama selama tiga tahun ini yang telah memberi tunjuk ajar kepada saya.

Saya sebenarnya orang kampung, Tan Sri. Saya tidak petah bercakap. Saya takut untuk bercakap di hadapan khalayak sebegini.

Tambahan pula di dalam Dewan yang mulia ini tetapi di atas semangat tunjuk ajar yang diberi oleh Tan Sri sekian lama yang membolehkan saya memberanikan diri saya [Tepuk] Untuk saya berucap sedemikian seperti hari ini. Jadi jasa-jasa itu tidak mungkin saya lupakan sehingga penghujung hayat hidup saya.

Jadi terima kasih banyak-banyak, Tan Sri. Jasa Tan Sri tetap saya kenang, kalau selepas ini kalau boring-boring ajaklah kami bertiga, Megat, Datuk Din, saya, Tan Sri Ali minum-minum kopi petang-petang pun kita terima tidak ada masalah dan selamat bersara, selamat beristirahat kepada Tan Sri. Saya mendoakan semoga Yang Berhormat Tan Sri beroleh kejayaan di luar sana dan semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan yang lebih baik kepada Tan Sri. Walaupun umur Tan Sri sudah hampir 80, 70 lebih nampak sihat, nampak bergaya, nampak masih muda.

Sekian. *Wabillahitaufil walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kalau saya dengar tadi kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat bercakap macam Datuk ini bagus juga kerana yang penting saya tekankan ialah sama ada pihak mana pun yang mewakili Dewan Negara dan saya hendakkan Dewan Negara menjadi satu Dewan untuk mengemukakan masalah sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, tanpa segan dan silu. Ini menunjukkan kemudahan dalam Dewan ini.

Itu sebabnya kadangkala saya di satu bab saya terpaksa mengawal masa tetapi saya cukup menghargai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Di samping itu kepada rakan-rakan khususnya yang baru sahaja angkat sumpah, tengoklah bagaimana agaknya rakan-rakan lama kita yang boleh berhujah untuk mewakili dan kita tidak mahu orang menganggap Dewan Negara sebagai *rubber stamp*. Akan tetapi kalau macam tadi punya detail tidak, walaupun tidak ada kawasan tetapi dia bertanggungjawab kepada rakyat dan negara. Ini saya ucapan syabas kepada Datuk. Sekarang tanpa buang masa saya persilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim. Cuba cakap macam mana yang Datuk Yahaya cakap, Yang Berhormat.

### 3.53 ptg.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam 1Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Titah Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen ke-13 oleh Yang di-Pertuan Agong pada 7 Mac yang lepas merupakan Titah Baginda yang begitu menitikberatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Baginda telah mengambil kira segala aspek pembangunan negara yang seiring dengan pembangunan modal insan. Sesungguhnya kita bertuah untuk dianugerahkan dengan Yang di-Pertuan Agong yang cukup prihatin dengan nasib rakyat berbilang kaum di negara kita. Semoga Allah SWT akan menganugerahkan baginda dengan kesihatan yang baik untuk terus bertakhta.

Tuan Yang di-Pertua, kala rakyat jelata menghayati inti pati Titah Baginda ada pula suara sebilangan Ahli Dewan Rakyat yang mempertikaikan kandungan titah baginda yang menurut mereka teks Titah tersebut disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri. Ini jelas satu tindakan terdesak mereka untuk mengheret Baginda ke kancang politik. Tuduhan melulu mereka jelas tidak menghormati prinsip Rukun Negara yakni kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Sejarah membuktikan bahawa sejak kemerdekaan hingga kini kesemua Yang di-Pertuan Agong telah menjalankan amanah mereka kepada rakyat jelata tanpa memihak kepada mana-mana parti politik. Maka suatu tindakan yang tidak wajar untuk membuat tuduhan melulu terhadap baginda.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melalui Pilihanraya Umum Ke-13 pada bulan Mei 2013. Dalam pilihan raya tersebut Kerajaan Barisan Nasional telah sekali lagi diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah untuk tempoh lima tahun.

Kerajaan ini dipilih melalui satu proses pilihan raya yang cukup telus. Ini sejajar dengan sistem pemerintahan negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Perdana Menteri juga dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Apa yang kita agak terkilan adalah ada beberapa pihak yang cuba untuk menurunkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui demonstrasi jalanan dan deklarasi haram bagi meraih sokongan rakyat. Apa yang lebih mengecewakan gerakan ini diketuai oleh seorang mantan Perdana Menteri yang berkuasa selama 22 tahun. Beliau sanggup duduk sepantas dengan musuh seterus beliau semasa memerintah negara. Beliau terdesak untuk mencari sokongan hingga sanggup berkomplot dengan mereka demi mencapai agenda politik beliau.

Saya yakin bahawa majoriti rakyat tidak akan terpengaruh dengan dakah pembangkang yang ingin melihat kejatuhan negara. Majoriti rakyat akan menilai keupayaan pemerintah berdasarkan pencapaian dan dasar yang dibawa demi kemajuan dan pembangunan negara. Saya yakin dalam tempoh 59 tahun dekad ini rakyat telah matang dari pelbagai sudut dan tahu membezakan di antara kaca dan permata.

Pembangkang pula tidak habis-habis dengan fitnah dan tohmahan palsu mereka. Mereka memutarbelitkan fakta serta menyebarkannya dalam media sosial. Umum mengetahui bahawa masalah dalaman dalam pakatan pembangkang sendiri tidak pernah lenyap. Terbaru seorang Ketua Menteri terbabit dengan isu pembelian banglo beliau di bawah harga pasaran. Ini jelas bertentangan dengan prinsip ketelusan *accountability* yang mereka kononnya perjuangkan. Perkara yang sama apabila dilakukan oleh bekas Menteri Besar Selangor, parti Ketua Menteri inilah yang paling kuat bersuara.

Akan tetapi hari ini kita lihat mereka *spin* dan *spin* lagi fakta untuk menyelamatkan diri daripada kesalahan jenayah rasuah yang dimainkan oleh mereka sendiri. Kita muhu SPRM untuk segerakan kertas siasatan dan menghadapkan mereka ini ke muka pengadilan. Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan...

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada seorang bangun, Yang Berhormat. Beri laluan?

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Boleh.

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Tentang kes Lim Guan Eng dan banglo yang dibeli dengan harga yang begitu bawah sekali, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perbahasan tentang isu ini haruslah diadakan antara sesiapa yang buat tuduhan dengan Lim Guan Eng supaya penjelasan yang lebih rapi dapat dikemukakan? Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat meneruskan juga izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat ya. Saya rasa Yang Berhormat baca surat khabar kan? Sekarang ini semua pihak menyatakan kalau boleh perkara ini jangan dibahaskanlah. Perkara ini mungkin berlaku, saya menasihatkan sahaja kalau Yang Berhormat hendak teruskan, teruskan tetapi nasihat saya kalau boleh tidak usah usiklah perkara itu. Terus kepada tajuk yang lain.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini hanya katakan Ketua Menteri, saya tidak sebutkan Lim Guan Eng. Kenapakah menyusahkan diri? Saya pun tidak faham juga. Saya tidak sebutkan nama dia pun.

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita semua ada perasaan. Sindiran-sindiran itu orang semua faham. Tidak payahlah Yang Berhormat. Pergi ke tajuk lain.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Sejak kemerdekaan sehingga sekarang, kerajaan telah membawa pelbagai dasar dan inisiatif bagi pembangunan bumiputera dalam segenap aspek. Ini jaminan yang diberi dalam Perlembagaan Persekutuan terutamanya dari sudut hak keistimewaan bumiputera. Kewujudan Dasar Ekonomi Baru juga bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kaum.

Dalam tempoh 59 tahun selepas negara mencapai kemerdekaan, banyak kemajuan dicapai oleh bumiputera terutamanya dari aspek pendidikan dan sosioekonomi. Walaupun ada peningkatan dalam pemilikan ekuiti bumiputera, ia masih rendah jika dibandingkan dengan komposisi kaum di negara kita.

Ada statistik menunjukkan pemilikan ekuiti bumiputera di kawasan bandar hanya 14 peratus. Ini jelas merupakan satu angka yang rendah. Jika langkah-langkah peningkatan gagal diambil dari sekarang, saya bimbang jurang perbezaan dalam pemilikan ekuiti ini akan semakin melebar pada masa-masa akan datang.

Saya percaya, dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kita harus memastikan keseimbangan pemilikan ekuiti berdasarkan komposisi kaum di negara kita.

Agensi-agensi kerajaan juga harus melipatgandakan usaha dalam memastikan segala dasar dan inisiatif kerajaan untuk kaum bumiputera sampai ke peringkat akar umbi. Agensi seperti Teraju dan Peneraju perlu lebih komited dalam membawa lebih banyak program kemahiran berskala tinggi dalam bidang kritikal.

Saya mohon Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan maklumat lanjut berkenaan insentif kerajaan bagi bumiputera yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016 dan setakat mana progress inisiatif tersebut setakat hari ini yang telah masuk suku kedua tahun ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat.]*

Tuan Yang di-Pertua, prinsip kedaulatan undang-undang harus dipelihara dalam apa jua keadaan sekalipun. Anak-anak kita di sekolah diterapkan nilai ini sejak di bangku sekolah setiap kali membaca Rukun Negara.

Akan tetapi, sejak kebelakangan ini, ada yang sudah besar dan tua-tua lupa akan prinsip Rukun Negara ini. Mereka bebas mempersoalkan institusi kehakiman negara sewenang-wenangnya. Ada yang ingat apabila mereka bergelar pengamal undang-undang, mereka boleh mempersoalkan segala-galanya.

Mereka perlu ingat bahawa sistem kehakiman negara kita bebas dari segala bentuk campur tangan politik. Kita tidak boleh kaitkan dengan unsur politik setiap kali ahli politik itu dijatuhkan hukuman di mahkamah. Kita dapat lihat di seluruh negeri Selangor, banyak papan tanda gergasi menuntut pembebasan bekas Ketua Pembangkang yang sedang menjalani hukuman penjara atas kesalahan jenayah. Apa yang lebih mengejutkan, ia papan tanda milik pihak berkuasa tempatan.

Kita agak terkilan apabila Kerajaan Negeri Selangor sanggup mengeluarkan belanja yang agak besar demi seorang individu berbanding menyampaikan mesej khidmat masyarakat yang memberi manfaat kepada rakyat.

Rakyat harus dididik untuk menghormati prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Rakyat dihasut untuk ke jalan raya untuk parti politik untuk menjayakan ideologi politik mereka. Mereka menghasut rakyat kononnya sistem kehakiman kita tidak adil dan bersifat partisan.

Kita harus sedar bahawa kerajaan sehingga hari ini memberikan keadilan kepada semua. Yang salah tetap bersalah. Di negara kita, ribuan orang yang sedang menjalani hukuman penjara untuk pelbagai kesalahan. Kalau mereka menuntut pembebasan seorang, maka kita harus membebaskan semua orang dan menutup semua penjara. Apakah pakatan pembangkang mempunyai niat untuk meningkatkan kadar jenayah di negara ini?

Umum sedar bahawa di kalangan mereka pun ada pelakon yang hebat yang sanggup simpul tangan di belakang untuk meraih simpati rakyat kononnya Ahli Parlimen digari. Akhirnya mereka sendiri termakan dengan lakonan mereka apabila media menyiarkan cerita sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam meningkatkan pendapatan isi rumah golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Semasa kenaikan kos sara hidup, golongan inilah yang paling terhimpit dengan kekangan kewangan. Golongan ini perlu dibimbing dan ditunjuk jalan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Bantuan kewangan sahaja tidak memadai. Ini adalah kerana golongan ini perlu dilengkapkan dengan ilmu keusahawanan dan kemahiran.

Kerajaan seharusnya menubuhkan pusat pembangunan usahawan di setiap kawasan Parlimen. Dengan adanya pusat seperti ini, kita akan dapat menyediakan program-program seperti pembangunan usahawan, pembangunan produk dan khidmat nasihat kepada mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan.

Kerajaan juga boleh memperkenalkan semula program *incubator* usahawan luar bandar selari dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS. Saya yakin jika usahawan kita ini dilengkapi dengan ilmu keusahawanan, maka mereka akan lebih bersedia untuk menempuh cabaran di alam keusahawanan. Ini secara tidak langsung dapat mendidik rakyat untuk berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Jawatankuasa Khas bagi Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup juga perlu lebih proaktif dalam mencapai solusi jangka panjang. Sebagai sebuah kerajaan yang peka dengan nasib dan kehendak rakyat, saya yakin kerajaan mampu membawa perubahan dalam memastikan golongan berpendapatan rendah dan pertengahan terus dibela. Kita harus sedar bahawa kerajaan sahaja sandaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan negara yang kaya dengan keindahan alam semula jadi. Ada di antara pusat pelancongan kita setanding dengan pusat percutian antarabangsa.

Selaras dengan Titah Yang di-Pertuan Agong, industri pelancongan negara akan lebih berkembang jika alam semula jadi dipelihara, kebudayaan dikekalkan dan kebersihan persekitaran dipertingkatkan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga harus mempunyai strategik khusus untuk merancangkan pelancong domestik.

Kita dapat lihat ada peningkatan dalam kemasukan pelancong luar pada tahun 2015 dan 2016 selepas tahun suram 2014 di mana kita dikejutkan dengan peristiwa MH370 dan MH17. Walaupun tumpuan terarah kepada pelancong asing, sumbangan pelancong domestik juga tidak boleh dipandang rendah. Kenaikan mata wang asing juga mendorong rakyat Malaysia untuk bercuti dalam negara. Kementerian Pelancongan juga harus membangunkan promosi dan pakej pelancongan untuk rakyat Malaysia.

Saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia boleh membawa cadangan kepada pihak LHDN untuk memberi satu hak pelepasan cukai kepada pembayar cukai yang melancong dalam negara. Ini secara tidak langsung akan merancakkan lagi aktiviti pelancongan dalam negara dan pada masa yang sama mengawal aliran keluar mata wang ringgit.

Sebelum saya berundur, ingin saya memberi peringatan ini kepada semua. Malaysia merupakan sebuah negara yang cukup aman dan damai. Kita telah memelihara keamanan ini melalui prinsip perkongsian kuasa selama hampir 60 tahun. Sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, tanggungjawab kita cukup besar. Marilah sama-sama kita jalankan amanah ini dengan sebaiknya demi pembangunan bumi bertuah ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Chia Song Cheng.

■1610

#### 4.10 ptg.

**Tuan Chia Song Cheng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Tumpuan ucapan saya akan menumpukan kepada isu Sistem Transit Rapid (RTS) atau *High Speed Rail* (HSR).

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2010, sistem RTS telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dan Singapura bagi menghubungkan bandar raya di Malaysia dengan Singapura di bawah pemantauan oleh SPAD. Sistem ini dijangkakan akan mengurangkan masalah kesesakan terutamanya di tambak Johor apabila mula beroperasi kelak. Sistem ini jaraknya sepanjang 330 kilometer dengan kelajuan 220 kilometer per jam antara kedua-dua ibu kota negara masing-masing yang dibina oleh syarikat-syarikat besar seperti MMC Corporation Berhad yang terdiri daripada GAMUDA Berhad dan Sistem Penyepudu dari China dan Eropah serta YTL Corporation Berhad yang bekerjasama dengan TALGO atau CAF yang dari Sepanyol.

Namun begitu, kos yang terlibat bagi projek HSR tersebut dikatakan melibatkan sebanyak RM40 bilion. Menurut Tan Seri Syed Hamid Albar, Pengurus SPAD berkata perancangan ini dibina seiring dengan standard negara asing yang berkelas pertama dan mengikut prosedur negara serta juga membawa kesan yang baik untuk merangsang ekonomi kita sehingga menjadikan negara kita yang berpendapatan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun perancangan sistem ini masih terdapat isu-isu atau cabaran masih diwujudkan seperti dari penentuan laluan dan stesen, kekurangan kemahiran tempatan dan juga *“localization”*, dengan izin, penentuan harga tiket bagi perjalanan sehala dan bilangan penumpang dijangka serta manfaat utama kepada kumpulan sasaran tertentu. Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin membangkitkan beberapa isu dan juga cadangan bagi penambahbaikan projek tersebut.

Pertama iaitu **penentuan laluan dan juga stesen projek HSR**. Pembinaan HSR melibatkan beberapa buah lokasi negeri di Semenanjung selain daripada negeri Johor dan juga negara jiran Singapura. Oleh itu, penentuan laluan dan stesen transit seharusnya dibincangkan bersama dalam satu forum agar HSR dapat diatur dan juga ditentukan di lokasi yang strategik. Faktor ini amat penting bagi memastikan HSR membawa manfaat kepada negeri yang terlibat. Selain itu HSR juga perlu mempertimbangkan reka bentuk laluan yang akan memotong kawasan hijau, bukit serta keadaan geologi yang sensitif. Dengan itu soalan saya kepada kementerian yang terlibat dalam projek HSR ialah apakah kriteria yang menentukan, lokasi laluan atau penempatan stesen untuk projek tersebut.

Kedua, **kemahiran tempatan dan juga *localization*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua**. Kekangan yang utama dalam pelaksanaan projek mega seperti HSR di Malaysia ialah kekurangan pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi terutamanya jurutera. Dengan itu, kerajaan selalunya perlu mengubah golongan profesional atau jurutera asing seperti Amerika Syarikat dan China.

Selain itu, negara kita tidak dapat melahirkan tenaga kerja yang seimbang untuk memenuhi permintaan yang semakin tinggi menyebabkan kekurangan pekerja tersebut masih diwujudkan. Walaupun SPAD sudah menubuhkan sebuah institusi, SPAD Akademi bertujuan mengatasi masalah kekurangan pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor kejuruteraan kereta api tetapi masalah bekalan masih berada di tahap rendah berbanding dengan permintaan yang tinggi.

Oleh itu, saya berharap pusat kerajaan dan juga kementerian menumpukan masalah ini serta mengambil tindakan untuk mengurangkan pergantungan kepada jurutera asing untuk mencapai pembangunan secara berpositif serta bajet dapat dijimatkan. Difahamkan juga pengaliran keluar pekerja Malaysia yang berkemahiran tinggi perlu dipertimbangkan oleh kerajaan. Maka kerajaan perlulah memikirkan kaedah untuk menarik golongan profesional ini kembali ke Malaysia dan melibatkan mereka dalam projek HSR. Pada masa yang sama juga, pemindahan teknologik juga perlu dipastikan oleh kerajaan agar golongan pekerja tempatan juga dapat menikmati latihan sekiranya projek tersebut mempunyai penglibatan negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu projek HSR tidak memperjelaskan peratusan bahagian tempatan yang akan terlibat sekiranya projek ini dilaksanakan. Dengan kata lain dan juga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*What is the local content especially local material or localization of HSR project?*” Adakah keseluruhan projek tersebut, kerajaan akan mempergunakan bahan import? Sekiranya tidak, saya ingin mengetahui bagaimanakah penglibatan tempatan atau bahan tempatan dalam projek HSR tersebut.

Ketiga, penentuan harga tiket bagi perjalanan sehala dan juga bilangan penumpang yang dijangka, ini juga penting.

■1620

Majoriti mereka perjalanan antara Singapura dengan Kuala Lumpur masih bergantung dengan cara darat seperti kereta api atau kereta. Oleh itu, perkembangan untuk sistem HSR masih mempunyai permintaan besar daripada majoriti mereka yang perlu berulang alik Kuala Lumpur-Johor ke Singapura setiap hari. Maka, harga tiket HSR bagi setiap penumpang haruslah pada harga yang berpatutan dan relevan untuk mereka. Maka, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menekankan isu ini kepada kementerian terlibat agar membuat pertimbangan yang mendalam dan tidak terburu-buru. Harga tiket HSR menjadi satu persoalan yang amat penting kepada pengguna dan juga memberi kesan kepada jangka masa pulangan pelaburan.

Menurut laporan daripada pihak media massa, SPAD mencadangkan agar setiap harga tiket bagi perjalanan sehala seharusnya di antara kereta api tradisional dengan harga tiket kapal terbang iaitu RM180. Namun, pandangan media massa di Singapura menyatakan harganya perlu sekitar RM240 bagi perjalanan sehala. Ketua Pegawai Eksekutif daripada program HSR, Mohd Nur Ismail Mohamed Kamal berpendapat bahawa setiap harga tiket tidak seharusnya melebihi RM400 serta bermungkinan boleh diselaraskan kepada harga RM200 pada masa tertentu.

Berdasarkan jadual daripada media massa, dijangkakan bahawa tiket harga adalah pada tahap RM300. Ia memerlukan 8.3 *billion* penumpang bagi setiap tahun untuk membayar RM2.5 bilion setiap tahun bagi kos kewangan yang belum pembayaran balik. Berdasarkan Kementerian Pelancongan Singapura, jumlah pelancong Malaysia ke Singapura sekitar ini hanya 1.3 *million*. Manakala 2.73 *million* pelancong Singapura ke Malaysia dengan cara penerbangan.

Di sini saya ingin mencadangkan agar harga tiket keistimewaan juga diwujudkan kepada golongan tertentu seperti orang kurang upaya, warga emas dan juga pelajar. Selain itu, harga tiket kepada pengguna yang kekerapan tinggi juga perlu diberikan pertimbangan yang terperinci. Ini adalah untuk memastikan projek HSR ini memberikan pulangan keuntungan kepada pelaburan yang dilaburkan, dalam masa yang sama pengguna memberi sambutan. Ia juga menjadi tidak relevan kepada pengguna untuk memilih HSR sekiranya harganya sama atau lebih tinggi berbanding dengan penerbangan walaupun, HSR dipromosikan lebih selamat dan juga mudah diakses.

Akhir sekali, pertanyaan saya berkaitan dengan manfaat utama kepada kumpulan sasaran tertentu. Berdasarkan media massa Singapura, melaporkan sebahagian pakar menyatakan sistem HSR tidak sesuai untuk tujuan berulang-alik secara harian. Walaupun HSR boleh memendekkan masa perjalanan dari hampir sehari kepada 90 minit, namun harga tiket serta lokasi stesen boleh mempengaruhi bilangan penumpang untuk berulang-alik secara harian.

Kebanyakan pakar menyatakan manfaat utama HSR ialah kepada golongan peniaga yang berulang alik antara Singapura dan Kuala Lumpur secara mingguan, bulanan serta melibatkan dalam projek jangka pendek. Mereka akan menggunakan perkhidmatan ini untuk hadir mesyuarat, insentif persidangan dan juga pameran dalam sehari atau masa pendek sahaja. Cara ini menjimatkan kos perniagaan mereka, termasuklah kos penerbangan dan juga penempatan hotel. Selain itu, mereka juga menjimatkan masa serta menggunakan pemergian ke pusat kota.

Seterusnya, sasaran yang boleh ditarik adalah pelancong yang membeli pakej pelancong antara dua kota, Singapura dan Kuala Lumpur dengan menggunakan perkhidmatan ini untuk melancong. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Pusat serta kementerian terlibat memberi perhatian kepada isu ini agar keputusan bagi projek HSR dikaji secara terperinci dan mengatasi kekangan teknikal dan juga kemahiran sebelum memulakan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada saya membangkitkan projek HSR ini, ada dua lagi perkara penting yang saya ingat mahu ambil peluang ini untuk saya membahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara kedua yang ingin saya hendak bangkitkan ialah tentang lebuh raya dari Tol Skudai di negeri Johor yang saya tinggal ini ke Tol Ayer Keroh. Oleh sebab apa yang kita lihat, Lebuhraya Utara-Selatan walaupun dapat dibina sudah hampir 40 tahun lebih, tetapi di kawasan lebuh raya dari Tol Skudai ke Tol Ayer Keroh masih dengan keadaan dua lorong sahaja, yang saya lihat ia tidak mampu menampung kenderaan yang melalui, khasnya pada cuti hari dan juga semasa musim cuti. Ia telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang serius sering berlaku.

Lebuh raya dari Melaka ke Sungai Besi telah ditambahkan ke tiga lorong dan juga ada kawasan empat lorong meningkatkan kapasiti trafik lebuh raya. Maka dalam Dewan yang mulia ini, saya berharap semoga pihak kementerian yang bertanggungjawab dapatlah dengan secepat mungkin boleh menjalankan projek pelebaran lorong ketiga di lebuh raya antara Tol Skudai dan Tol Ayer Keroh dapat dilaksanakan dengan segera untuk memberi manfaat jangka panjang kepada orang ramai dan juga pengguna lebuh raya di kawasan ini.

Akhir sekali, perkara yang saya hendak bangkitkan iaitu tentang projek Sungai Segget, di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, kontrak pembangunan bermula untuk membuka semula penutupan Sungai Segget di Jalan Wong Ah Fook di Johor Bahru ini berada pada bulan Oktober tahun 2015 dan dijangka siap pada bulan Jun 2016. Akan tetapi telah nampak selama 81 hari lewat jika mengikut jadual kerja iaitu sehingga hari ini, projek nampak masih lambat berjalan.

Projek pembangunan dipertanggungjawabkan oleh pihak *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA). Kontraktor Konsortium Paduan (PRAR) iaitu Konsortium Paduan dengan RAR. Perundingan pengurusan trafik *Gemilang Traffic Management*. Sejak projek dimulakan, ia telah membawa masalah kesesakan laluan lintas di sepanjang Jalan Wong Ah Fook terutamanya pada waktu siang dan juga pada hari cuti.

#### ■1630

Ia juga menyebabkan berlaku beberapa kali banjir kilat teruk di Pusat Bandar Raya Johor Bahru terutamanya di pusat beli-belah Komtar JBCC dan juga *City Square* di Jalan Wong Ah Fook. Banyak kereta ditenggelami air dan juga mengalami kerugian yang besar.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, pada 4 Mac 2016, Jalan Wong Ah Fook telah ditutup sehingga menjadi sebuah lorong. Sebelum projek ini dijalankan, ia mempunyai sebanyak tiga buah lorong. So, kita boleh faham bahawa dengan keadaan satu lorong ini, ia telah menimbulkan lagi perasaan ketidakpuasan di kalangan rakyat.

Maka dalam Dewan yang mulia ini, saya berharap pihak yang bertanggungjawab akan dapat menjalankan projek ini walaupun sudah sampai tempoh dan masih belum dapat disiapkan dengan segera untuk mengatasi masalah-masalah seperti banjir dan juga kesesakan lalu lintas supaya ia tidaklah menimbulkan perasaan ketidakpuasan di kalangan rakyat.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya dengan suka citanya saya berharap agaruraian dan juga pencerahan yang saya kemukakan bolehlah dipertimbangkan semula oleh kementerian secara mendalam agar memastikan rakyat dapat memperoleh kelebihan dan juga manfaat daripada apa yang saya bangkitkan tadi. Maka dengan ini, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib. Sila.

#### 4.32 ptg.

**Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pertama, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Engku Naimah binti Engku Taib:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya telah diberikan kekuatan untuk turut sama memberikan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya hari ini merupakan hari yang bersejarah buat saya kerana buat sekian kalinya pada hari ini saya berdiri dan berucap di depan Dewan Negara, Dewan yang mulia ini. *Inshaa Allah*, saya akan menunaikan tugas, tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan sebagai Ahli Dewan Negara dengan sebaiknya.

Izinkan saya dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan pengurusan bencana, usaha memerangi pemerdagangan manusia, memartabatkan dan meningkatkan kualiti pendidikan negara, memperkasakan wanita, kesejahteraan keluarga dan keprihatinan keluarga warga emas, ekonomi dan dasar fiskal negara, transformasi ekonomi, pengubahsuaian Bajet 2016, sektor pelancongan Islam dan domestik serta transformasi Parlimen dan memartabatkan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pertama pada Jabatan Perdana Menteri. Pertamanya saya ingin menyentuh dengan komitmen Kerajaan yang siap siaga dalam menghadapi bencana terutamanya bencana banjir sama ada sebelum, semasa dan selepas banjir. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan menuju NADMA bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana termasuk menyediakan aset dan logistik yang diperlukan semasa bencana selain menyediakan keperluan makanan, pakaian, selimut dan sebagainya dan kemudahan pelindungan.

Pada masa yang lalu, usaha membantu mangsa banjir tidak dilakukan dengan optimum kerana tiada penyelesaian. Penubuhan NADMA diharapkan akan menyelesaikan sekurang-kurangnya penyelesaian antara agensi-agensi yang terlibat dalam menghadapi bencana seperti banjir ini. Namun, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bukan sahaja mangsa bencana banjir ini memerlukan bantuan semasa bencana banjir tetapi juga selepas banjir.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, pertama, bilangan mangsa yang terlibat dengan bencana banjir tahun 2015 di seluruh negara dan di Terengganu khususnya.

Kedua, berapakah nilai kerosakan dan kerugian yang ditanggung terutama daripada segi kerosakan rumah dan tempat tinggal?

Ketiga, sejauh manakah kerajaan telah berjaya membaiki atau membina rumah baru kepada mangsa banjir ini?

Keempat, apakah perancangan strategik dan kontingen kerajaan khususnya NADMA dalam menghadapi bencana terutamanya bencana banjir pada masa hadapan bagi memastikan mangsa dan harta benda dapat diselamatkan?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin menyentuh berhubung langkah kerajaan mempertingkatkan usaha membanteras pemerdagangan manusia. Malaysia adalah salah sebuah daripada 160 buah negara yang telah diwajibkan mendapat Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat atau JNAS mengenai Laporan Pemerdagangan Manusia atau *Trafficking in Persons Report* atau *TIP Report* yang menentukan tahap kedudukan atau *tier level* sesebuah negara.

Tahap kedudukan atau *tier level* adalah penting daripada segi politik dan ekonomi dengan Amerika Syarikat dan hubungan antarabangsa kerana ia mencerminkan reputasi negara ini daripada segi komitmen kerajaan dalam mencegah dan menghalang pemerdagangan manusia.

Peluang pekerjaan yang luas menjadikan status Malaysia berubah kepada negara destinasi terakhir pelarian ekonomi dari sekadar negara transit. Keperluan tenaga kerja yang besar di Malaysia mendorong dalam kegiatan penyeludupan dan pemerdagangan manusia menjadikannya sebagai negara tuju terakhir. Inilah antara faktor yang menyebabkan tahap kedudukan atau *tier level* bagi negara ini terus berkedudukan dua atau tiga.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah faktor-faktor lain yang menentukan kedudukan tahap atau *tier level* negara ini dari kaca mata Jabatan Negara Amerika Syarikat?

Selain itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh mana negara sumber bersedia bertanggungjawab menerima semula rakyat mereka yang dihantar pulang selepas disahkan menjadi mangsa penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Adalah tidak adil negara kita mendapat kedudukan tahap tiga tetapi negara sumber seperti Myanmar, Thailand, Indonesia, India, Bangladesh dan Pakistan mendapat kedudukan dua. Penghijrahan luar biasa ke negara ini mewujudkan ancaman daripada segi sosial, ekonomi dan keselamatan negara serta memberi kesan kepada kestabilan serantau serta global.

Akhirnya berhubung dengan kedudukan tahap atau *tier level* ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan untuk membolehkan Malaysia mencapai *tier level* satu?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Kementerian Pendidikan. Dalam bidang pendidikan, Tuanku telah menyentuh berhubung pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang kini melangkah ke gelombang kedua bermula tahun 2016 hingga 2020.

Berhubung dengan pendidikan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan prestasi akademik murid negara ini dengan standard antarabangsa menerusi taksiran antarabangsa murid seperti *Program for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) di mana menurut laporan PPPM, ketika Malaysia mengambil bahagian dalam TIMSS buat pertama kalinya pada tahun 1999, skor purata murid mengatasi purata antarabangsa dalam Matematik dan Sains tetapi penyertaan tahun 2007 menunjukkan prestasi murid Malaysia telah menurun di bawah purata antarabangsa. Malah, 18 peratus mencapai tahap minimum dalam Matematik dan 20 peratus dalam Sains. Penyertaan pertama Malaysia dalam PISA 2009 juga agak mengecewakan kerana terletak dalam kelompok seperti ke terbawah dalam kalanngan 74 buah negara peserta.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan berhubung dengan prestasi murid negara ini berbanding standard antarabangsa.

#### ■1640

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan program Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Berapakah bilangan sekolah yang telah diiktiraf sebagai SBT dan sejauh manakah program SBT ini telah berjaya melahirkan sekolah berprestasi cemerlang dan berkeupayaan bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Pendidikan Tinggi. Berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi, saya ingin menyentuh berhubung dengan Program Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti atau *CEO@Faculty* di universiti tempatan yang merupakan cetusan idea Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh yang merupakan program pertama seumpamanya di dunia.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat ini berapa ramai tokoh korporat tanah air dan antarabangsa yang terbabit dengan Program Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti atau *CEO@Faculty* ini dan setakat manakah kejayaan program ini dalam mencapai matlamat dalam memberi manfaat kepada pelajar-pelajar universiti awam. Setakat manakah cadangan kerajaan menyarankan Program Ketua Pegawai Eksekutif Fakulti atau *CEO@Faculty* ini dan purata nilai gred keseluruhan berintegrasi atau ICGPA dimasukkan ke dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)?

Seterusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuanku bertitah golongan wanita berperanan penting dalam negara termasuklah meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan. Penglibatan tenaga kerja wanita bertambah dari 46.6 peratus pada tahun 2009 kepada 53.6 peratus pada tahun 2014 dan meningkat kepada 55 peratus pada 2015 yang didorong oleh pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyertaan melalui amalan tempat kerja yang lebih baik.

Antaranya insentif cukai untuk menggalakkan majikan menyediakan latihan dan mengambil semula wanita yang telah keluar daripada pasaran tenaga kerja dan geran pengubahsuaian dan kelengkapan pusat penjagaan kanak-kanak di pejabat kerajaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan setakat ini, berapa peratus pusat penjagaan kanak-kanak yang telah diwujudkan di pejabat kerajaan dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di sektor swasta.

Berhubung dengan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan juga membabitkan kemudahan untuk menyediakan pembantu rumah untuk menjaga ibu atau bapa yang sudah tua dan anak-anak. Dalam keadaan sekarang, kos bagi mengambil pembantu rumah warga asing melalui agensi adalah sebanyak RM12,000 sehingga RM17,000, sudah tentulah kos ini amat membebankan kepada mereka yang berpendapatan sederhana sekali pun. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan institut latihan bagi pembantu rumah dan mencadangkan skim jawatan atau perkhidmatan pembantu rumah atau pengurusan hospitaliti yang menarik rakyat tempatan bekerja sbg pembantu rumah kerana pekerjaan pembantu rumah amat dihormati dan lumayan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Malaysia pada tahun 2010 berjumlah 28.6 juta orang dan meningkat kepada 30.5 juta pada tahun 2015. Penduduk bekerja berumur 15 tahun hingga 64 tahun meningkat pada 19.3 juta pada tahun 2010 kepada 21 juta pada tahun 2015. Institusi kekeluargaan adalah penting untuk membina negara. Penerapan nilai kekeluargaan yang positif untuk memperkuuh institusi keluarga adalah penting termasuk peranan yang dimainkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga Malaysia meliputi tujuh domain iaitu 23 *indicator*.

Skor pada tahun 2011 adalah 7.55 mata, skor terendah ekonomi keluarga terutamanya simpanan untuk masa hadapan dan beban hutang diikuti dengan perumahan dan persekitaran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga dari tahun 2012 hingga 2015 dan nyatakan analisa Indeks Kesejahteraan Keluarga berkenaan berdasarkan tujuh domain utama.

Berhubung dengan warga emas, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan program khidmat bantu di rumah. Seramai 6,320 orang warga emas telah mendapat manfaat daripada program ini. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sama ada program ini masih diteruskan dan berapa ramaikan sukarelawan yang terlibat dalam program ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Kewangan. Tuanku dalam titahnya turut menyentuh berhubung dengan ketidaktentuan ekonomi khususnya kejatuhan harga minyak yang telah memberi kesan kepada pendapatan negara dan nilai Ringgit. Bagaimana pun dengan asas-asas ekonomi yang kukuh, pengurusan dasar fiskal yang cekap dan sokongan GST, ekonomi negara dijangka akan terus kekal mampan dan berkembang 4 peratus sehingga 4.5 peratus tahun ini.

Tuanku turut menyentuh berhubung dengan pengubahsuaian Bajet 2016 untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan memelihara kesejahteraan rakyat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menguruskan ekonomi dengan bijak terutama langkah pengubahsuaian Bajet 2016 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 28 Januari 2016 lalu.

Langkah ini diambil sejajar dengan senario ekonomi semasa yang tidak menentu dan berikutan unjuran harga minyak mentah yang jatuh mendadak, mencecah kira-kira USD30 seteng berbanding USD48 seteng ketika pembentangan bajet pada 23 Oktober 2015. Pengubahaan Bajet 2016 telah memberi tumpuan kepada dasar fiskal negara dan kewangan.

Langkah untuk meningkatkan hasil negara, mengoptimumkan perbelanjaan dan menentukan keutamaan baharu selain kerajaan tidak berkompromi terhadap kepentingan dan kesejahteraan rakyat antara insentif tambahan. RM50 bagi setiap satu tan metrik padi bersih untuk membina pesawah padi dan memperkenalkan Program MyBeras. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan pesawah padi yang akan mendapat manfaat daripada insentif tambahan RM50 ini dan kesannya terhadap produktiviti, kualiti dan kuantiti pengeluaran padi negara. Berhubung dengan Program MyBeras, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apa langkah yang diambil bagi memastikan program ini benar-benar sampai dan memberi manfaat kepada golongan sasar dan ketirisan dan pemberian beras ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Dalam Titah Baginda, Tuanku turut menyentuh berhubung dengan kejayaan Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah destinasi pelancongan Islam dalam langkah kerajaan dalam merancakkan lagi industri pelancongan domestik. Saya amat bersetuju agar kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memajukan lagi pakej pelancongan yang berdasarkan alam semula jadi dan yakin industri pelancongan negara akan berkembang pesat sekiranya alam semula jadi dipelihara. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam memajukan lagi pelancongan domestik khususnya di Terengganu.

Seterusnya ialah Jabatan Perdana Menteri iaitu Parliment. Tuanku turut menyentuh berhubung dengan usaha transformasi Parliment. Sebagai Ahli Dewan Negara, saya amat mengalu-alukan cadangan transformasi Parliment kerana saya yakin ia akan memperkasakan lagi institusi Parliment sebagai sebuah institusi perundangan negara. Kebebasan Parliment sebagai badan perundangan negara adalah penting untuk mempunyai kuasa tersendiri bagi memperkuatkhan lagi doktrin pengasingan kuasa sebagai prinsip asas dalam demokrasi. Parliment bukan sahaja menjadi platform terbaik bagi penggubal undang-undang negara tetapi Parliment juga harus dilihat bebas dan fungsi Parliment seharusnya dapat memberikan persepsi jelas bahawa terdapatnya pemisahan antara badan perundangan, eksekutif dan kehakiman sebagaimana yang dinyatakan Perlembagaan Persekutuan.

Saya mengalu-alukan cadangan untuk pembaharuan dan penambahbaikan Parliment supaya Parliment kita, iaitu Parliment Malaysia setanding dan setaraf daripada segi peraturan dan amalan *procedures* dan *practices*, dengan izin, dengan Parliment lain. Sudah sampai masanya Parliment Malaysia mengalami perubahan termasuklah daripada segi bajet, kewangan, perjawatan, pentadbiran dan pengurusan Parliment itu sendiri.

Jabatan Perdana Menteri, hal ehwal Islam Tuanku dalam titah baginda menyentuh berhubung inisiatif mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan dengan memperkuatkhan institusi agama Islam. Kecekapan pelaksanaan undang-undang pentadbiran Islam dan pemerksaan Mahkamah Syariah. Berhubung dengan memartabatkan Islam, saya ingin melahirkan kekesalan kerana adanya golongan tertentu yang tidak menghormati prinsip Perlembagaan beragama di Malaysia sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dengan mendesak pihak berkuasa negara untuk menyekat pendakwah dan ilmuwan Islam, Dr. Zakir Naik untuk memberi ceramah dan syarahan dalam siri jelajah Terengganu dan Malaysia.

#### ■1650

Dr. Zakir tokoh yang telah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah tahun 2013. Beliau ilmuwan dan tokoh dakwah yang turut diiktiraf oleh pendakwah terkenal Ahmed Deedat yang menyatakan Dr. Zakir Naik hanya mengambil masa empat tahun untuk muncul sebagai pendakwah hebat. Sedangkan beliau memerlukan 40 tahun untuk mencapai kejayaan.

Kedatangan beliau adalah atas jemputan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Razif bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu Darul Iman. Saya difahamkan kedatangan Dr. Zakir Naik dan 50 orang krew ke Malaysia adalah secara percuma dan tidak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Siri ceramah dan syarahan Dr. Zakir telah mendapat sambutan 30 ribu orang hingga 40 ribu orang di setiap tempat terdiri dari pelbagai golongan termasuk bukan Islam. Lebih mengejutkan ada individu yang individu yang menggelar beliau sebagai syaitan dan virus. Sesungguhnya tindakan individu ini telah diselar oleh Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria sebagai biadab. Malah bagi saya bukan biadab tetapi amat biadab.

Apakah ini regu kepimpinan yang dipilih untuk mentadbir negara? Begitu pun saya memuji sikap Dr. Zakir Naik yang dengan rendah diri menyifatkan bantahan dan tohongan terhadapnya adalah sebagai cabaran baginya sebagai pendakwah. Beliau juga bersyukur kerana kontroversi membabitkan dirinya telah berjaya menyatukan umat Islam di negara ini walaupun selama ini bercakaran hanya kerana fahaman politik yang berbeza. Bersatulah umat Islam dengan ikatan tali Allah. Saya juga berharap pihak berkuasa tidak dengan mudah membantalkan siri ceramah dan syarahan yang seumpama ini tanpa perbincangan dan alasan yang cukup wajar serta tidak mudah goyah dengan desakan-desakan yang tidak dipertanggungjawabkan.

Akhirnya saya mengambil kesempatan untuk menyeru semua umat Islam supaya bersatu dan mengetepikan perbezaan fahaman politik tetapi sewajarnya mementingkan daripada segi akidah, ibadah, akhlak dan syariah islamiah demi memartabatkan Islam. Itu saja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah. Sila.

#### 4.52 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih. Sebelum saya memulakan perbahasan saya. Saya juga seperti rakan-rakan saya sebelum ini ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah Yang Berhormat Datuk Seri atas pelantikan sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan pada 7 Mac lalu. Seperti yang kita sedia maklum, Baginda telah mengeluarkan pandangan dan juga keimbangan mengenai pelbagai isu yang memberi kesan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Saya juga akan memberi pandangan saya tetapi bukan kepada semua isu, cuma isu-isu yang belum di sentuh lagi dan isu yang saya rasa kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama yang saya ingin sentuh ialah isu perpaduan antara kaum dan keharmonian negara. Ini bukan kali yang pertama Tuanku telah menonjolkan isu ini dalam Titah Baginda. Kalau kita tengok tahun lepas pun seruan yang sama dibuat. Pada saya, pada masa kini tidak ada isu yang lebih penting daripada isu ini kerana ia mempunyai kaitan secara langsung dengan masa depan dan kesejahteraan negara kita dan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kalau kita tengok, kita nampak satu *trend* yang agak membimbangkan iaitu daripada segi peningkatan dalam insiden-insiden perkauman. Ya, tidak boleh dinafikan perpaduan antara kaum pada masa sekarang masih lemah dan rapuh walaupun sudah hampir 60 tahun kita mencapai merdeka.

Keadaan sekarang ini begitu rapuh sehingga satu pertikaian *consumer* yang kecil boleh mencetus jadi satu krisis perkauman yang besar. Baru-baru ini / baca satu laporan, satu tinjauan yang dibuat oleh sebuah NGO, *Center for Better Tomorrow* atau lebih dikenali sebagai CENBET.

Walaupun dia punya *sampling size* kecil, dia telah mendedahkan bahawa walaupun kebanyakan rakyat Malaysia mengatakan mereka menentang perkauman, kira-kira 40 peratus daripada mereka yang menyertai survey ini dari 1,000 lebih responden itu, mengaku dengan izin, mengaku *admitted to being racist or having some form of racism*. Jadi soalan yang timbul kepada saya mengapa kita sebagai sebuah negara sudah merdeka 60 tahun masih gagal untuk mencapai perpaduan nasional. Mengapakah perpaduan nasional itu begitu sukar atau begitu elusif untuk dicapai?

Sedangkan kita sebagai individu memang komited ke arah perpaduan negara. Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini saya hanya akan fokus atau akan memberi tumpuan kepada peranan kerajaan saja. Bukan peranan kita sebagai individual. Ini tidak bererti kita sebagai individual tidak ada peranan. Masing-masing ada peranan yang penting juga dalam isu untuk memastikan perpaduan antara kaum. Akan tetapi fokus saya kepada kerajaan untuk petang ini. Kalau kita tengok pendirian kerajaan sebelum ini, telah lama kerajaan bercakap tentang keperluan untuk mengambil langkah-langkah positif, untuk mengambil langkah-langkah proaktif untuk menggalakkan perpaduan antara kaum dan keharmonian negara.

Dari seawal 1970 dulu pun, sudah cerita fasal ini. Pada masa itu melalui MAPEN atau Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan kalau kita masih ingat masa itu tujuan utama MAPEN yang ditubuhkan pada tahun 1971 pada masa itu ialah untuk mengekalkan keadaan keharmonian dan muhibah di negara ini. Kemudiannya baru-baru ini melalui Majlis Perundingan Perpaduan Negara atau dengan izin, *National Unity Consultative Council* yang ditubuhkan pada akhir 2013. Tujuan NUCC pun serupa dengan MAPEN iaitu untuk menggalakkan perpaduan antara kaum dan keharmonian negara tetapi malangnya kita masih jauh daripada mencapai matlamat.

Oleh itu pada saya, peringatan Tuanku tepat pada masanya kalau kita merujuk kepada perenggan 30 dalam Titah Diraja, kepentingannya untuk memelihara keharmonian dan kerukunan hidup. Balik kepada peranan kerajaan. Macam saya cakap tadi, kerajaan telah berkali-kali cakap dia *committed* ke arah perpaduan kaum dan keharmonian negara termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pelancaran NUCC itu. Masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah cakap bahawa NUCC bukti komitmen kerajaan untuk memastikan perpaduan antara kaum kekal kukuh dan bahawa kerajaan serius dalam hal perpaduan rakyat.

Saya hendak balik kepada NUCC itu, pada masa itu kalau kita ingat NUCC antara lain semasa pelancaran itu beberapa bulan selepas pelancaran itu, telah cadangkan bahawa mereka akan mencadangkan *institutional reforms*, dengan izin.

#### ■1700

Semasa penubuhan, Presiden NUCC telah mengumumkan bahawa NUCC akan mencadangkan dasar pragmatik yang boleh dilaksanakan dengan mudah iaitu dasar-dasar yang boleh diterima oleh semua rakyat Malaysia. *Institutional Reform* yang dicadangkan oleh NUCC pada masa itu ialah beberapa undang-undang baru seperti *National Harmony and Reconciliation Bill*, *Racial and Religious Head Clients Bill* dan *National Harmony and Reconciliation Commission Bill*. Pada masa itu juga ada cadangan bahawa undang-undang baru ini akan ganti Akta Hasutan tetapi itu lain cerita. Isu dia sekarang, selepas pengumuman itu tidak ada apa-apa perkembangan.

Jadi, soalan saya pada petang ini, soalan saya kepada kerajaan ialah apa telah berlaku kepada rang undang-undang yang dicadangkan itu khususnya *National Harmony and Reconciliation Bill*. Terakhir yang saya dengar tidak tahu benarkah tidak, yang saya dengar, semua penghalusan telah pun diselesaikan berkenaan dengan *National Harmony and Reconciliation Bill*, semua perhalusan telah diselesaikan, hanya menunggu perbincangan dan kelulusan dari Kabinet.

Saya harap kementerian yang berkenaan boleh memberitahu keadaan yang sebenar. Berkaitan dengan perpaduan antara kaum, saya juga ingin tahu apa telah terjadi kepada pelan Perpaduan Negara atau, dengan izin, *National Unity Blueprint*. Apakah telah terjadi kepada *National Unity Blueprint*?

Kalau tak salah pada masa itu NUCC telah cadangkan *National Unity Blueprint* yang mengandungi 16 cadangan yang penting untuk mencapai perpaduan negara. So, soalan saya kepada kementerian berkenaan ialah apa telah jadi kepada *National Unity Blueprint* daripada segi *the latest status*?

Pada saya, kelewatan kerajaan untuk bertindak dengan lebih positif amat dikesali dan kalau kita balik kepada Titah Tuanku, isu ini amat-amat penting. Kerajaan perlu mengambil iktibar daripada amaran Tuanku, kalau kita rujuk balik kepada perenggan 30. Ini saya petik dari Titah Diraja. Kelewatan bertindak berhubung isu-isu melibatkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum boleh menyebabkan konflik dan perbalahan yang lebih besar.

Jadi, saya hendak ambil kesempatan ini untuk menggesa kerajaan untuk membuktikan komitmennya dengan mempercepatkan penggubalan undang-undang supaya kita dapat menghapuskan *a racial bigotry* dan dapat menggalakkan keharmonian antara kaum. Itu isu yang pertama yang / rasa penting. Isu yang kedua yang tidak disentuh oleh yang lain yang saya ingin sentuh ialah isu kos sara hidup. Kos sara hidup yang semakin meningkat.

Pada masa sekarang ini, isu ini betul-betul merunsingkan rakyat. Sejak kebelakangan ini rakyat tidak dapat menyara kehidupan mereka. Di mana sahaja kita pergi, mesti ada orang cerita pasal atau mengadu pasal kenaikan kos sara hidup yang telah melambung begitu tinggi. Walaupun gaji naik tetapi harga barang pun naik lebih tinggi daripada gaji. Berbunyi, *the standing joke* ialah kalau kita tengok Malaysia ini, *the standing joke* ialah satu gelas teh tarik ini lebih mahal daripada petrol to demonstrate the level of kita punya *inflation*.

Saya masih ingat April atau Mei, 6 Mei 2014 di Dewan Negara semasa GST dibentangkan. Pada masa itu kerajaan telah berjanji pada masa itu 6 Mei, bahawa harga barang sebenarnya akan turun pasal GST ini menggantikan SST, 6 peratus ia lebih kurang daripada 15 peratus. Akan tetapi kalau kita pergi on the ground sekarang, harga barang sudah sampai satu *level* di mana sudah tidak terkawal.

Now, saya sedar Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, satu *high level committee*. Akan tetapi malangnya, sejak enam bulan selepas penubuhan jawatankuasa ini, sampai sekarang pun kita tidak nampak apa-apa langkah secara *long term* dan *long lasting* untuk mengawal kenaikan kos sara hidup.

Dia kalau kita tengok ini dia bukan sahaja berlarutan tetapi peningkatan itu sekarang sudah jadi lebih teruk. Mengenai jawatankuasa khas itu, saya ada satu cadangan. Pada saya, saya rasa kerajaan perlu memperluaskan komposisi jawatankuasa itu. Kalau sekarang kita tengok jawatankuasa ini kalau tak salah, komposisinya hanya enam kementerian. Pada saya, saya cadangkan supaya kerajaan memikir...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan yang diberitahu oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahwasanya kos sara hidup semakin hari meningkat, semakin hari semakin meningkat.

Dalam soal ini, saya mohon pandangan Yang Berhormat, adakah bersetuju kalau saya katakan bahwasanya ini bukan soal ahli jawatankuasa, ini bukan soal kerajaan. Ini soal peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab yang sesuka hati sewenang-wenangnya menaikkan harga.

Kalau kita hendak letakkan semua ini kepada tanggungjawab kementerian untuk memantau harga, *impossible* saya kira sebab kakitangan kerajaan hanya, penguat kuasa hanya tidak seberapa ramai. Kita boleh lihat Yang Berhormat, semasa harga minyak naik melambung barang naik. Semasa harga minyak turun dua, tiga bulan yang lepas, barang *still* masih tak turun. Malah, masih naik. Ini yang membebankan rakyat kebanyakannya. Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat, adakah setuju apa yang saya utarakan sebentar tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih. Sebenarnya kalau Saudara Yang Berhormat sabar tadi, selepas ini, soalan itu akan jawab secara tersendirinya dalam isu penguatkuasaan itu. Akan tetapi saya mula dengan jawatankuasa ini dulu. Satu yang saya cakap tadi berkenaan dengan komposisi jawatankuasa itu.

Pada saya, kita perlu memperluaskan komposisi jawatankuasa itu supaya kita dapat penglibatan wakil-wakil dari badan-badan *consumer* ataupun masyarakat sivil. Mungkin dengan cara itu kita boleh dapat tindakan yang lebih berkesan. Kalau tidak, kita akan balik macam Yang Berhormat cakap tadi. Terpaksa kita ambil *ad hoc measures* seperti MyBeras dan sebagainya.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat tadi, cadangan saya ialah kerajaan perlu mengambil satu pendekatan yang lebih teratur yang berdasarkan kepada maklumat dan data yang betul dan tepat.

Pada saya, kerajaan perlu mengkaji secara serius sebab-sebab di sebalik peningkatan kos sara hidup. Ya, kerajaan kena kaji kenapa? *First*, kenapa gagal daripada aspek mengawal kenaikan harga. Pada saya, saya rasa ada kelemahan *structural* dalam pendekatan yang digunakan oleh kerajaan sekarang. Macam dalam sini / tulis fasal ada sesuatu yang tidak kena kalau masa minyak naik, harga barang naik, akan tetapi minyak turun, harga barang tak turun.

Ada satu *structural defect* yang perlu kita dapat mengkaji dan *find out the real reason* kenapa benda ini. Pada saya, saya setuju, macam / cakap akan terjawab sendiri, saya setuju. Salah satu faktor pada saya yang menyebabkan kenaikan harga barang ini ke paras yang tidak munasabah ialah isu *excessive profiteering* oleh para peniaga, pengusaha dan sebagainya.

Pada saya, *excessive profiteering* ini boleh berlaku kerana dua aspek. Satu, daripada aspek kelemahan penguatkuasaan. Akan tetapi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan juga apa yang disarankan oleh Tuanku dalam Titah Tuanku bahawa tindakan tegas perlu diambil ke atas mereka yang mengeksplotasi harga sehingga mengambil untung berlebihan, sehingga kos sara hidup boleh meningkat.

#### ■1710

Pada saya, saya menganggap tindakan membuat keuntungan yang berlebihan itu, pada saya satu jenayah. Pada saya, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas. Pada saya, saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau perlu pindaan kepada undang-undang supaya dapat mengambil atau dapat meningkatkan atau buat dia punya hukuman lagi serius, maka kerajaan perlu membuat pindaan undang-undang. Itu satu aspek sahaja daripada segi penguatkuasaan.

Akan tetapi pada saya, saya ada lagi satu cadangan selain daripada penguatkuasaan ialah mungkin sudah sampai masa kerajaan perlu memperkenalkan atau mengkaji untuk memperkenalkan sistem kawalan harga, *price control mechanism* bukan sahaja untuk *essential items*, tetapi untuk semua barang-barang untuk kehidupan harian. Kita sekarang ada untuk *essential items*. Mungkin kita kena perluaskan dan kita *fix* satu harga jualan yang berpatutan. Ada keuntungan tetapi satu keuntungan yang munasabah. Itu cadangan jangka masa panjang.

Macam sekarang yang kita buat ini jangka masa pendek, macam *MyBeras programme*. Saya mengalu-alukan *MyBeras programme*, tetapi berkenaan dengan *MyBeras programme* yang kita dengar tadi, cadangan saya kalau kita tengok *MyBeras programme* ini kalau tidak salah, dia hanya mereka yang daftar di bawah e-Kasih sahaja boleh menyertai program ini. Pada saya, ini cadangan saya. Bukan sahaja kepada mereka yang daftar di bawah e-Kasih sahaja, tetapi kita dapat memperluaskan *MyBeras programme* itu kepada semua keluarga di mana pendapatan bulanan mereka kurang dari RM1,500 sebulan. Itu mengenai kos sara hidup.

Ada lagi satu, isu yang ketiga yang juga berkaitan dengan kos sara hidup. So, pagi tadi pun kita telah dengar jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai susu cair. Kenapa kita kena import susu cair.

Dia bukan sahaja susu cair. Import barang makanan atau *food security* ini ada impak secara *direct* atas kesejahteraan rakyat. Kalau sekarang kita tengok banyak kita tergantung kepada import barang-barang makanan.

Pagi tadi semasa soal jawab, kita dengar susu cair sahaja kos import sudah sampai RM3 bilion. Sebenarnya, kita di Malaysia sekarang ini kita tidak *self-sufficient* daripada kebanyakan iaitu beras, daging, ikan, susu, buah-buahan, sayur-sayuran. Kita masih belum sampai satu tahap *self-sufficiency*. Bukan RM3 bilion sahaja. Pada tahun lepas, import barang-barang makanan berjumlah RM45 bilion dan salah satu sebab kenapa harga barang itu begitu tinggi ialah pasal banyak kita import barang. Tidak cukup daripada segi *self-sufficiency*.

Pada saya, kerajaan harus mengambil usaha lebih bersepada untuk membetulkan keadaan ini. Salah satu cadangan. Ini bukan cadangan baru, kita telah dengar cadangan ini dan banyak kali kita dengar. Salah satu cadangan ialah untuk menggunakan tanah-tanah terbiar untuk tambah pengeluaran makanan. Ini juga seperti kalau kita tengok di dalam Titah Tuanku pun disebut tentang keperluan untuk transformasikan industri agro makanan. Kalau boleh, kita juga perlu menggalakkan lagi banyak penyertaan belia dalam program agro makanan.

Mengenai industri agro makanan ini dan isu import barang-barang makanan ini, saya ada satu soalan kepada kementerian. Saya hendak tahu, apa telah terjadi kepada penyertaan Malaysia dalam *Integrated Sustainable Agriculture Program*. Satu program UN yang ada sistem di mana ia akan register petani-petani dan sebagainya. Kalau tidak salah, Malaysia itu was the first ambil bahagian dalam *Integrated Sustainable Agriculture Program*. Satu, apakah faedahnya pada Malaysia sebagai negara kalau kita ambil bahagian dalam program ini? Lebih penting dari itu, sama ada program ini akan membantu atau akan memastikan daripada aspek *food security* dengan *food sustainability*? Matlamat program itu pada masa itu ialah *food security* dengan *food sustainability*.

Pada saya, saya setuju dengan rakan-rakan sebelum ini. Ini pendirian saya. Saya, macam saya cakap pada tahun lepas, tidak ada negara yang pada saya yang lebih baik dari Malaysia. Pada saya, kita kena bersama-sama mainkan peranan masing-masing untuk memastikan negara kita akan terus kekal dan aman demi keharmonian dan kesejahteraan bersama. Dengan ini, saya menyokong Titah Baginda. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Chandra. Di sini nampak Yang Berhormat Datuk Yahaya, sudah bercakap bukan? Yang Berhormat Datuk Yahaya. Ada lagi? Okey. Ada siapa hendak bercakap? Sila Tan Sri, sila.

### 5.17 ptg

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap esok tetapi kerana tidak ada lagi, bolehlah saya mulakan hari ini. Terlebih dahulu saya ucapan sekali lagi tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada semua ataupun kepada Timbalan Yang di-Pertua yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sama-sama membahaskan ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititah di Dewan Rakyat tempoh hari.

Pertama, saya ingin menyentuh berkaitan dengan hal Melaka dahulu, yang lain itu saya ingat mungkin esok sambung. Pertama, Seri Paduka Baginda telah menyentuh berkaitan dengan pembangunan akademik. Saya setuju pandangan rakan-rakan tadi bahawa kita bertuah kerana walaupun ekonomi dunia agak mencabar sepanjang lima tahun yang lepas dengan kejatuhan harga komoditi seperti negara kita minyak petrol, minyak kelapa sawit dan juga bahan-bahan sumber yang lain, namun negara kita masih dapat tumbuh melebihi 5 peratus.

Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai sistem pentadbiran kewangan yang kukuh hingga menjadi negara yang terkedepan sekali pertumbuhan ekonominya berbanding dengan negara-negara lain di rantau ASEAN ataupun di rantau Asia juga. Bahkan jika dibandingkan dengan negara-negara di Eropah sendiri, ada yang jatuh bankrap seperti Greece dan beberapa buah negara yang lain. Namun dengan kebijaksanaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Datuk Seri Najib yang juga merupakan Menteri Kewangan, kita telah dapat mengemudi ekonomi negara kita dengan baik. Kita terlepas daripada untuk dipegged dengan izin, duit Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika seperti tahun 1990-an dahulu.

**■1720**

Kini oleh sebab kesabaran kita, kita dapat Ringgit Malaysia telah kembali kukuh. Sudah naik hingga RM3.88 dan minyak juga telah mula meningkat melebihi USD44 dan ini oleh sebab berkat kepimpinan yang baik dan juga kesabaran rakyat Malaysia dalam menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dalam cabaran politik kerana kita tahu dalam tempoh beberapa tahun yang lepas, isu-isu fitnah ini terlalu banyak semenjak kerajaan memperkenalkan sistem cukai GST. Kedua, pelaburan 1MDB; dan yang ketiga, derma sebanyak RM2.6 bilion ini. Jika kita tidak ada semangat kesabaran, saya percaya negara kita telah menghadapi satu suasana yang buruk yang tidak boleh kita jangkakan.

Oleh kerana itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya kerana beliau telah berjaya menghadapi semua cabaran ini dengan jaya sekali dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sentiasa menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita termasuk Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan [*Tepuk*] Nampak ucapan beliau tadi pun macam Barisan Nasional. Di luar jangkaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya bukti terakhir iaitu...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ini cuma hendak sedikit sahaja penjelasan. Saya rasa pada saya, saya rasa macam Tuan Yang di-Pertua selalu kita cakap minoriti. Akan tetapi / rasa daripada segi komitmen kepada negara, tidak ada kurang dari Barisan Nasional daripada aspek komitmen dan sebagainya. Mungkin daripada segi pendekatan dan lain. Pendirian saya selalu macam ini. Saya tidak *oppose the country*. / cuma *oppose the government* sahaja yang / rasa tidak betul. Bukan *country*. Saya loyal kepada *country* macam saya ambil tadi. *Loyal* kepada *country*. Ini cuma hendak menjelaskan kenapa...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** No, / jawab ini. Kenapa / cakap macam itu tadi.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan takut juga selepas ini akan di *complain* oleh parti beliau. Jadi beliau kena betulkan balik.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Komitmen kepada negara *no problem* kepada saya. Ini kerana kita ambil ikrar semasa *swearing* itu. Kita akan taat setia kepada negara kita dan akan *uphold constitution*. Itu / very clear dalam otak saya dan kalau ada tekanan politik pun, kalau ada. Saya rasa tidak ada. Kalau adupun, saya tidak akan berubah pendirian saya. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Alhamdulillah*. Saya bersyukur kerana Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan sahkan sentiasa mendukung Perlembagaan Persekutuan. Setahu saya DAP ini tidak berapa sokong Perlembagaan Persekutuan. Banyak yang dipertikaikan. Kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi pun dia selalu pertikai, kedudukan bahasa Melayu pun selalu dipertikai, kedudukan Raja-Raja Melayu pun selalu dipertikai, kuota bumiputera pun selalu pertikai, pendidikan Melayu pun selalu pertikai. Itu semua dalam Perlembagaan. Yang Berhormat kata sokong, *alhamdulillah*. Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Satu lagi penjelasan. Ini isu agama Islam. Kita terima, Parti DAP terima Islam sebagai *official religion* and ini termasuk dalam *constitution*, Perlembagaan DAP. Just sebagai penjelasan sahaja.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya lah tetapi mengapa pula tidak sokong hudud yang PAS hendak bawa? Tidak payah jawablah. Nanti Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah boleh tolong jawabkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapan terima kasih kepada Menteri Arab Saudi dalam Persidangan OIC yang lepas telah menyatakan bahawa memang derma RM2.6 bilion itu datangnya daripada negara beliau dan ini sekali gus menolak semua fitnah yang telah dilemparkan oleh banyak pihak termasuk pihak parti pembangkang khususnya DAP dan juga gerakan Tun Dr. Mahathir yang ingin meminta supaya Perdana Menteri kita dilucutkan jawatannya.

Dengan kenyataan Menteri daripada Arab Saudi ini nampak bahawa fitnah-fitnah itu telah pun terjawab dengan jelasnya. Saya berharap isu ini tidak patut lagi dipanjangkan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Dulu telah pun dijawab oleh pihak SPRM dan juga pihak...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta pencelahan.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** ...Dan juga pihak Peguam Negara tetapi hendak tanya juga betul atau tidak. Sekarang ini Menteri Arab Saudi sendiri pun sudah jawab.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta mencelahan. Boleh?

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Saya ingin bertanya kepada rakan saya Yang Berhormat, adakah ini suatu *closure* bagi isu yang sering dibangkit-bangkitkan di luar sana. Saya hendak tanya satu. Adakah ini suatu *closure* yang baik bagi negara kita ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju ini adalah satu *closure*. Penutuplah. Tidak payah lagi kita bangkitkan benda-benda yang sudah sahih kebenarannya. Akhirnya kebenaran sudah terserlah juga. Fitnah-fitnah telah pun terjawab dan kita berdoa kepada Allah SWT supaya negara kita terus diselamatkan dan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita dapat terus memajukan negara. Kita telah banyak membuat masa berpolitik di negara kita ini bertahun-tahun.

Ini sudah hampir tiga tahun pilihan raya. Kita tinggal dua tahun lagi hendak bekerja. Jadi kalau isu ini bangkit, bendanya memang tidak ada kes. Jadi macam mana hendak adakan kes. Bawa SPRM sudah tidak ada. Peguam Negara sudah tidak ada. Yang menderma pun kata memang dia yang derma. Jadi apa masalahnya? Daripada segi undang-undang negara, tidak salah. Daripada segi undang-undang parti politik pun tidak salah. Memang parti politik boleh menerima derma. Saya pun- Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan pun setuju ya. DAP pun terima derma juga dari dalam dan juga luar negara. Cuma tidak isytiharkan sahaja.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Kita sudah terima bahawa RM2.6 bilion itu tidak ada kaitan dengan 1MDB. Itu secara umum sudah- so itu tidak ada isu. Soal sama ada duit itu dari 1MDB atau tidak, itu sudah *clear*. So itu isu soal RM2.6 bilion. Akan tetapi soal sama ada 1MDB itu urus dengan cara baik atau tidak itu lain isu. Ini saya cuma jawab isu RM2.6 bilion.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, DAP pun sudah setuju. Duit 1MDB tidak masuk dalam akaun UMNO. Terima kasih banyak-banyak. Tidak payah hendak bangkit lagi sama ada 1MDB itu urus dengan baik atau tidak baik, itu ada tindakan susulan yang akan diambil seperti yang telah pun disebut oleh PAC.

Jadi semuanya sudah *clear*. Jadi kalau DAP pun sudah macam itu, *steadylah*, bukan? Dulu DAP yang tuduh-tuduh itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap selepas ini kita terus kerja ke depan. Minyak pun sudah naik harga. Ringgit Malaysia pun sudah meningkat. Macam Yang Berhormat Tan Sri Rahim kata kalau naik USD48, kita sudah balik asal. Sekarang sudah USD44. Sikit lagi. Kita doa kuat-kuat dan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan cakap bagus-bagus macam tadi, saya fikir lagi sekali kita jumpa esok, sudah naik kepada USD50 dan *alhamdulillah* dan kita *insha Allah* boleh berjaya mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dengan mempertahankan nilai-nilai. Macam yang disebut di titah oleh Duli Yang Maha Mulia, kita bukan sahaja bersandarkan kepada pencapaian ekonomi semata-mata tetapi turut mengutamakan kesejahteraan rakyat. Inilah yang patut kita lakukan tinggal tempoh lagi dua tahun ini dan juga tahun-tahun yang akan datang.

Saya percaya banyak lagi kerja yang kita hendak buat. Saya sokong kawan saya, Senator dari Sarawak. Kita mesti bantu Sarawak banyak-banyak. Sudah tinggal lama luar bandar. Dulu saya di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Dari Miri hendak pergi sebuah tempat ladang kelapa sawit, kena naik kereta selama tiga, empat jam sedangkan kalau kita naik helikopter 45 minit sahaja. Jadi memang *time* inilah, bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri kita, Sarawak kini sedang dilipatgandakan. Hendak cover balik kelambatan-kelambatan pada masa yang lepas. Saya percaya Sarawak akan terus menjadi negeri yang maju di Malaysia. Saya percaya jika dibuat secara bersungguh-sungguh, Sarawak akan menjadi negeri yang termaju di Malaysia memandangkan hasil-hasil juga besar termasuk juga Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada cerita hal Melaka tadi sebelum masuk cerita yang lain. Boleh sambung? Ini sudah 5.30 petang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lagi?

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Banyak lagi. Kalau tidak, saya sambung esok. Kalau boleh sambung sampai pukul 6, saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, jam ini, *time* kita sudah 5.30 petang. Kita sambung esok Yang Berhormat. Saya petang ini hendak sampaikan terima kasih kepada keluarga saya, Ahli-ahli Dewan Negara yang memberikan saya peluang yang cantik molek pada saya punya *first trial* itu. Hari yang paling bersejarah bagi saya. Saya nampak kerjasama dan budi baik anda sekalian itu untuk saya melicinkan Dewan ini sangat mustahak. Hasil daripada tanggungjawab-tanggungjawab serta kerjasama Ahli Dewan.

Bak kata orang tua-tua.

*"Pokok selain bunga selasih.  
Tanggungjawab saya selesai dan ucapan terima kasih"...* [Tepuk]

Dengan itu saya tangguhkan- Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 19 April 2016. Sekian, terima kasih.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]*

**LAMPIRAN**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN  
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Raheem.*

*Alhamdulillahi rabbil 'alamin. Wassolaatu wassalaamu 'ala asyrafil anbiyaai wal mursalin. Wa'ala aalihi wa sohibi ajma'iin,*

*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh dan Salam Sejahtera.*

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

*Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kehendak dan izin-Nya juga, Beta dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk menaungi dan memayungi negara tercinta. Tiada ungkapan yang dapat dizahirkan tentang peri eloknya lakaran potret keamanan dan kemajuan yang telah dicapai pertwi ini. Beta amat bertuah kerana daripada takhta yang sama ini dapat menyaksikan pencapaian negara dalam dua era yang berbeza. Beta berharap kesinambungan pentadbiran ini dikekalkan bagi merealisasi matlamat negara maju berpendapatan tinggi yang bukan hanya bersandarkan kepada pencapaian ekonomi semata-mata tetapi turut mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Beta juga memanjatkan kesyukuran atas kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kasih dan sayang-Nya telah melindungi negara ini daripada bencana besar dan mara bahaya sepanjang tahun 2015. Sama-samalah kita berdoa semoga keadaan ini berkekalan.

Kerajaan Beta sedar bencana seperti banjir berlaku hampir setiap tahun dan perkara ini mungkin akan menjadi fenomena biasa khususnya dengan perubahan suhu dan iklim dunia. Oleh itu, segala usaha untuk meningkatkan persediaan sebelum, semasa dan selepas bencana akan terus digembung dan dipertingkatkan terutamanya bagi menghadapi bencana banjir. Penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara, atau NADMA diharap akan dapat mengukuhkan lagi tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana termasuk melalui pendekatan kreatif dan inovatif melalui sains dan teknologi dalam memantau, meramal dan menangani risiko bencana banjir.

Ancaman keselamatan yang menggugat kesejahteraan negara adalah nyata. Perkembangan ancaman militan dan anasir keganasan yang mula menular di negara ini perlu diberi perhatian serius kerana ia boleh menjerumus negara dalam kancah ketidakstabilan. Sehubungan itu, Beta menyokong tindakan proaktif melalui pewujudan undang-undang serta mempertingkatkan aset-aset keselamatan bagi mengekang fahaman ekstrem dan penularan ideologi militan.

Kerajaan Beta juga komited untuk menambah baik infrastruktur, aset dan keperluan keselamatan di sempadan, serta memperkasakan kawalan agensi keselamatan di perbatasan negara melalui penubuhan Agensi Keselamatan Sempadan. Penyertaan negara dalam penempatan Pusat Serantau Pintas Mesej bagi memerangi keganasan dan jenayah rentas sempadan serta mempertingkatkan usaha membanteras pemerdagangan manusia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan membantu memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai isu pemerdagangan manusia.

Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri di atas pencapaian-pencapaian negara sepanjang tahun lalu. Kejayaan mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN yang telah merealisasikan Pembentukan Komuniti ASEAN 2015 adalah amat membanggakan. Sidang-sidang kemuncak berkaitan yang telah berjaya menghimpunkan pemimpin-pemimpin utama dunia dalam satu forum telah menyerlahkan lagi peranan negara di persada antarabangsa.

Malaysia telah berjaya menduduki Kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bagi tempoh 2015 hingga 2019, mengekalkan kerusi anggota majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa buat kali keenam berturut-turut serta peningkatan daya saing negara dengan menduduki tempat ke-18 daripada 144 buah negara di dunia dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016. Ini mencerminkan keyakinan tinggi komuniti antarabangsa terhadap Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketidaktentuan ekonomi dan politik global khususnya kejatuhan harga minyak dan komoditi utama telah memberi kesan kepada pendapatan negara dan nilai Ringgit. Walau bagaimanapun, dengan asas-asas ekonomi yang kukuh, pengurusan dasar fiskal yang cekap dan disokong dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau GST mulai 1 April 2015, ekonomi negara kekal mapan berkembang pada kadar 5 peratus pada tahun lepas dan dijangka berkembang 4 peratus hingga 4.5 peratus pada tahun ini.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian kepada pengukuhan asas ekonomi bagi mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi negara. Kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas telah dikurangkan kepada 21 peratus berbanding lebih 40 peratus pada tahun 2009. Ini telah dilaksanakan melalui transformasi ekonomi, dasar fiskal berhemat dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi. Beta juga menyeru sektor swasta memainkan peranan lebih besar dalam menjana dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara. Penyediaan Dana Mudahcara sebanyak RM20 bilion diharap dapat menggalakkan pelaburan dan pelaksanaan projek sektor swasta berskala besar dan berimpak tinggi.

Langkah mengurangkan defisit bagi mencapai sasaran fiskal berimbang pada tahun 2020 akan terus dilaksanakan. Penurunan defisit adalah penting bagi mengukuhkan pengurusan fiskal yang turut mempengaruhi penarafan kredit negara. Sekiranya penarafan kredit turun, pelaburan langsung asing akan berkurangan dan seterusnya menjelaskan pertumbuhan ekonomi serta menyebabkan kos pembiayaan perniagaan, perumahan dan pinjaman lain meningkat. Ini perlu dielakkan sama sekali.

Usaha Kerajaan Beta melaksanakan pengubahsuaian Bajet 2016 dengan menetapkan matlamat untuk memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh serta memelihara kesejahteraan rakyat adalah tepat. Sehubungan itu, Beta menyeru agensi-agensi Kerajaan, swasta, NGO dan rakyat bersama-sama menggembung usaha, fikiran dan tenaga melaksanakan 11 langkah pengubahsuaian dan penstrukturran yang telah diperkenalkan. Marilah kita berdoa dan berusaha agar tahun-tahun mendatang, ekonomi negara akan bertambah baik untuk kemakmuran semua.

Pada hemat Beta, untuk terus kompetitif dalam ekonomi global yang saling berkait, Malaysia perlu memperluaskan akses pasaran bagi memastikan peningkatan eksport yang berterusan. Langkah Malaysia menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, atau TPPA akan menyediakan pasaran yang lebih luas di 12 negara untuk komuniti perniagaan kita dengan anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar lebih USD27 triliun. Kerajaan Beta telah dan akan sentiasa mempertahankan kepentingan negara termasuk agenda pembangunan ekonomi bumiputera dalam sebarang rundingan perdagangan termasuk TPPA. Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah membahas serta meluluskan usul untuk Malaysia menyertai TPPA dalam sidang khas Parlimen yang lalu. Begitu juga kepada pasukan perunding daripada pelbagai kementerian dan agensi yang telah bekerja keras merundingkan terma-terma yang sebaik mungkin untuk kepentingan negara.

Tahun 2016 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat".

Beta menyeru semua pihak berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan agenda pembangunan negara dengan memastikan setiap program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan sepenuhnya bagi merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju yang inklusif dan mampu selaras dengan Wawasan 2020. Beta juga mengucapkan tahniah di atas kejayaan pelaksanaan hampir 12,000 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu teras utama di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas ialah Pertumbuhan Hijau melibatkan pengurangan intensiti karbon dalam ekonomi. Pendekatan agresif akan diambil untuk melaksanakan pelbagai inisiatif seperti peningkatan penjanaan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, bandar-bandar bercirikan rendah karbon serta perluasan pengangkutan awam melalui Aliran Transit Massa dan penggunaan kenderaan elektrik.

Malaysia telah dikurniakan dengan keindahan alam semula jadi yang unik dan kepelbagaian budaya serta diiktiraf sebagai salah satu destinasi utama pelancong Islam. Kerajaan Beta akan merancakkan lagi industri pelancongan domestik melalui pembangunan dan promosi pakej-pakej pelancongan yang kreatif berasaskan alam semula jadi, kebudayaan dan warisan negara. Beta yakin industri pelancongan negara akan berkembang lebih pesat sekiranya alam semula jadi dipelihara, kebudayaan dikekalkan dan kebersihan persekitaran dipertingkatkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta amat prihatin terhadap semua lapisan masyarakat khususnya kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 40 peratus pertengahan. Kesejahteraan golongan ini akan ditingkatkan melalui kenaikan kadar gaji minimum, perluasan jaringan perlindungan sosial, kemudahan pembiayaan mikro, peningkatan kemahiran serta perluasan program eRezeki dan eUsahawan. Menyedari kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang berdaya harap menjadi keperluan rakyat, Kerajaan Beta akan menyediakan internet jalur lebar berkelajuan lebih tinggi yang mampu dimiliki dan menyasarkan sekurang-kurangnya 95 peratus kawasan berpenduduk mendapat akses kepada internet menjelang tahun 2020.

Demi kesejahteraan semua golongan pekerja di negara ini, Kerajaan Beta sentiasa berusaha melaksana inisiatif yang boleh dijadikan penanda aras dalam menentukan tahap gaji yang sesuai berdasarkan kelayakan, kemahiran dan produktiviti. Dengan ini kesejahteraan golongan pekerja dapat dipertingkatkan bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang selesa.

Golongan yang memerlukan seperti kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya tidak pernah dilupakan. Bagi kebajikan sosial, Kerajaan akan meneruskan pemberian elaun OKU, bantuan kepada kanak-kanak miskin, perlindungan sementara kepada golongan yang memerlukan serta bantuan perubatan kepada pesara dan orang awam. Dalam hal ini, Beta menyeru pihak swasta dan badan bukan kerajaan supaya turut sama menyumbang dalam menyediakan kemudahan-kemudahan bagi golongan yang memerlukan.

Beta mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup serta menambah bilangan barang dalam senarai kenaan GST pada kadar sifar. Ini membuktikan Kerajaan Beta bersedia mendengar pandangan rakyat. Bagi melindungi pengguna, Beta menyeru supaya tindakan tegas diambil ke atas pihak-pihak yang mengeksplotasi harga dan mengambil untung berlebihan. Pengguna juga harus bijak berbelanja dan membezakan antara keperluan dan kehendak serta utamakan barang tempatan.

Program pembinaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti bagi rakyat yang memerlukan akan dipergiatkan. Setakat ini lebih 50 peratus daripada sasaran pembinaan 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 2013 hingga 2018 telah siap dan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Inisiatif-inisiatif lain termasuk Skim Pinjaman Tanpa Faedah rumah panjang di Sabah dan Sarawak, pembinaan rumah untuk masyarakat Orang Asli, generasi kedua FELDA, FELCRA, RISDA serta PPA1M dan PR1MA akan diteruskan. Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama yang diperkenalkan dalam Bajet 2016 diharap dapat membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana untuk membeli rumah pertama mereka.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, potensi sektor agromakanan dapat diperkuuh dengan meningkatkan keupayaan pertanian berasaskan eksport. Oleh itu, Beta menyeru agar industri agromakanan ditransformasi supaya lebih moden, dinamik, kompetitif dan mampu menghasilkan pendapatan tinggi. Dengan daya tarikan ini, usaha-usaha hendaklah turut digerakkan untuk menarik minat golongan belia menceburi sektor berkenaan. Pada masa yang sama, daya saing sektor komoditi akan terus diperkuuhkan melalui insentif tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil, meningkatkan rantaian nilai produk serta aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Kerajaan Beta komited untuk terus meningkatkan kualiti hidup rakyat di luar bandar, masyarakat Orang Asli serta bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Bagi maksud ini program transformasi luar bandar bertemakan "Membandarkan Luar Bandar" berpaksikan kepada keperluan dan kehendak rakyat akan dilaksanakan. Beta menyokong penuh usaha-usaha mempelbagaikan sumber pendapatan penduduk luar bandar melalui penerokaan subsektor baru yang bernilai tinggi, pembangunan industri hiliran serta penguasaan rantaian nilai dalam industri pekebun kecil dan pembangunan tanah terbiar. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang dinantikan sejak lama oleh rakyat di Sarawak dan Sabah dijangka akan memacu pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negeri tersebut.

Dalam masa yang sama, kesejahteraan rakyat di bandar tidak pernah dilupakan. Program dan projek bagi meringankan beban mereka seperti perumahan mampu milik, kemudahan pengangkutan awam yang lebih cekap dan bersepada serta menaik taraf jalan raya, pengangkutan rel dan beberapa buah lapangan terbang akan dilaksanakan.

Perubahan profil demografi dan gaya hidup telah meningkatkan permintaan terhadap penjagaan kesihatan. Melalui Transformasi Sistem Kesihatan Negara, Kerajaan Beta akan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti dan ia akan diperkuuhkan lagi melalui Dasar Kesihatan Nasional dan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara. Sekali lagi Beta menyeru semua pihak kembali kepada prinsip mencegah lebih baik daripada mengubati serta amalkan gaya hidup dan makanan yang sihat.

Budaya bersukan ternyata dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat dan produktiviti negara. Oleh itu, momentum Hari Sukan Negara sebagai acara kemuncak gerakan massa Fit Malaysia perlu diteruskan. Beta turut menyokong pelaksanaan Pelan Pembangunan Sukan Jangka Panjang 2015 hingga 2023 dan Program Podium bagi melahirkan atlet profesional bertaraf dunia. Beta berharap penyertaan kontinjen negara di temasya Sukan Olimpik 2016 di Brazil akan melakar sejarah dengan memenangi pingat emas pertama buat negara.

Golongan wanita berperanan amat penting dalam pembangunan negara. Justeru, penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Ruang dan peluang perlu terus disediakan untuk mereka menyertai pasaran kerja atau menceburi bidang keusahawanan dan meningkatkan potensi kerjaya termasuk memegang jawatan pengurusan tertinggi atau membuat keputusan dalam organisasi.

Generasi belia merupakan aset dalam memacu pembangunan dan hala tuju negara pada masa hadapan. Justeru, pelaksanaan program kepimpinan, pembangunan bakat dan kemahiran serta kesukarelawan sehingga ke peringkat antarabangsa akan dipertingkatkan seperti terkandung dalam Dasar Belia Malaysia.

Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013 hingga 2025) kini melangkah ke gelombang kedua bermula tahun 2016 sehingga 2020. Beta menyeru supaya usaha-usaha diteruskan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara agar setanding dengan sistem pendidikan terbaik dunia. Manakala, program seperti Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif yang telah dilaksanakan di bawah PPPM (Pendidikan Tinggi) 2015 hingga 2025 untuk melahirkan modal insan yang holistik diharap mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kerajaan Beta juga akan memastikan minat dan kecenderungan pelajar terus dikekalkan untuk memilih bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) supaya pembangunan modal insan tidak terencat dalam usaha mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi berimpak tinggi negara.

Dalam memacu ke arah negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia tiada pilihan selain menjadikan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebagai asas pembangunan ekonomi baru selaras dengan Pelan Induk STI Negara yang akan digubal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta ingin mengingatkan rakyat jelata agar sentiasa memelihara keharmonian dan kerukunan hidup bermasyarakat. Sehubungan itu, cubaan segelintir pihak memainkan sentimen perkauman serta menyalahgunakan media sosial untuk menyebarkan kandungan berbaur hasutan, fitnah dan fahaman ekstremis perlu dikekang dan ditangani dengan segera oleh agensi-agensi yang berkaitan. Kelewatan bertindak berhubung isu-isu yang melibatkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum boleh menyebabkan konflik dan perbalahan yang lebih besar.

Beta menyokong penuh segala inisiatif bagi mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan dan dalam masa yang sama agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas dan damai di negara ini. Beta berharap langkah-langkah ke arah memperkuatkahkan institusi agama dan kecekapan pelaksanaan undang-undang pentadbiran agama Islam melalui pemerkasaan mahkamah syariah dapat disegerakan. Isu-isu keagamaan perlu dirujuk kepada pihak berautoriti agama dan tidak wajar dibuat tafsiran secara individu atau berkelompok kerana boleh mencetuskan kecelaruan, ketegangan dan konflik dalam masyarakat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta mengalu-alukan usaha transformasi Parlimen yang telah diusulkan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang akan dibentangkan dalam persidangan kali ini. Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat menerima pindaan ini dan menjadikan institusi Parlimen lebih kukuh serta berkesan dalam melaksanakan fungsinya sebagai salah satu cabang pentadbiran negara.

Usaha-usaha mentransformasikan Perkhidmatan Awam ke arah lebih berpaksikan rakyat, meningkatkan produktiviti dan kecekapan akan terus dilaksanakan. Setakat ini lebih daripada 80 peratus perkhidmatan Kerajaan telah pun ditawarkan secara dalam talian untuk meningkatkan kecekapan demi kemudahan rakyat. Pada masa yang sama, Beta juga ingin menyeru anggota-anggota Perkhidmatan Awam agar sentiasa melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa bagi menjamin kestabilan negara.

Jalinan kerjasama dan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam pelaksanaan program atau projek misalnya Program Jiwa Murni, rondaan dan penguatkuasaan bersama, perkongsian aset dan kemudahan antara agensi adalah suatu langkah yang cukup berkesan dalam meningkatkan kecekapan, memberi impak tinggi dan menjimatkan kos. Oleh itu, ia perlu dipertingkatkan lagi.

Dalam menjayakan semua perancangan dan dasar negara, integriti dan urus tadbir yang terbaik hendaklah terus dipertingkatkan. Beta yakin ini akan dapat menangani persepsi negatif berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Di samping itu, semua pihak perlu mengamalkan nilai-nilai murni dan budaya hidup berintegriti.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti dalam titah Beta sebelum ini, sekali lagi Beta menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat dan rakyat keseluruhannya supaya bersatu serta sayangilah negara ini dengan sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, mempertahan dan melindunginya. Beta juga berharap semua Ahli Yang Berhormat berhentilah berpolitik untuk kepentingan sempit kerana ia telah berlarutan sejak sekian lama di mana ia melelahkan rakyat dan Kerajaan.

Berikanlah contoh teladan yang baik kepada rakyat dengan saling bergandingan dalam melahirkan buah fikiran yang bermanfaat demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara yang berterusan. Dalam negara demokrasi berperlembagaan, kita boleh berlainan pandangan. Raikanlah ruang tersebut, namun bukan saling menjatuhkan, bermusuhan dan fitnah-memfitnah yang akhirnya menjerumus negara kepada kehancuran. Elakkan juga daripada memburuk-burukkan negara di mata masyarakat antarabangsa.

Beta menghargai sumbangan semua pihak, terutama anggota Perkhidmatan Awam serta pengorbanan Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, agensi-agensi pertahanan awam serta penguat kuasa dan terutama sekali rakyat jelata dalam menjamin kedaulatan, keselamatan, keamanan dan kemajuan negara yang hasilnya kita nikmati sekarang. Begitu juga kepada seluruh rakyat yang telah menumpahkan taat setia dan turut sama menyumbang kepada kemakmuran negara kita yang bertuah ini.

Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Malaysia kita yang tercinta terus maju dan makmur serta rakyatnya mendapat taufik dan hidayah, sejahtera, bersatu padu dan sentiasa hidup aman sentosa di bawah lindungan-Nya.

Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Parlimen ditangguhkan sekarang.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.55 pagi]**

*[Doa selamat dibaca oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri]*

*[Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat meninggalkan Majlis Parlimen]*